

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"DALAM ekonomi, dasar takwa juga menjamin kesucian, iaitu menjana rezeki dari sumber yang halal, bukan dari sumber yang haram".
- Titah Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 bagi Tahun 2020.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قلبي في

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"SEKIRANYA penduduk negeri itu, beriman serta bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-A'raaf, ayat 96.

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.55	6.33	7.44

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 66 / BILANGAN 19

13 FEBRUARI 2021 / 1442 رجب 1

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

"YA Allah, hanya Engkau jua tempat kami berlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin".

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.

Perutusan tahniah sempena Hari Kebangsaan Republik Islam Iran



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Dr. Hassan Rouhani dan kerajaan serta rakyat Republik Islam Iran.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Dr. Hassan Rouhani dan kerajaan serta rakyat Republik Islam Iran bersempena dengan Hari Kebangsaan Republik Islam Iran.



BRUNEI DARUSSALAM 2021

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH

InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Brunei Darussalam

infodept.bn infodept_bn

COVID-19 : Sifar kes baharu

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 12 Februari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) alhamdulillah mencatatkan sifar kes baharu COVID-19, setakat jam 12.00 tengah hari ini.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19, di negara ini, sebanyak 184 kes.

Dalam Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan memaklumkan, setakat ini, NBD mencatatkan 282 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei 2020.

Menurut Kementerian Kesihatan, enam kes aktif dicatat masih mendapatkan rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan ketika ini.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes import setakat ini sebanyak 43 kes dan kes yang sembuh adalah seramai 175 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 542 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 12,788 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Ke muka 3

Mempergiatkan aktiviti pelancongan, pertanian

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

LAMUNIN, Jumaat, 12 Februari. - Aktiviti pelancongan domestik adalah sangat digalakkan khususnya dalam membantu industri pelancongan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Justeru, usaha-usaha hendaklah dibuat bersama pihak berkepentingan berkenaan untuk mengukuhkan lagi daya tarikan produk-produk ini dengan memberikan penekanan kepada ciri-ciri berasaskan keselamatan, keselesaan dan kebersihan, di samping kepelbagaian aktiviti dan peningkatan kualiti perkhidmatan atau layanan yang diberikan kepada para pengunjung.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong semasa merasmikan pembukaan Bangunan Arah Maha Samasa (AMAS), Lamunin di Kampung Lamunin, di sini.

Jelas Yang Berhormat, pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) akan sentiasa mendukung dan membantu dari segi memberikan bimbingan kepada penduduk kampung yang berkecimpung dalam sektor pelancongan dan pertanian ini.

Di samping itu, katanya, dalam mana-mana aktiviti perniagaan yang dijalankan, adalah disarankan agar kita semua sentiasa mematuhi undang-undang negara dan mematuhi peraturan serta garis pandu-garis pandu yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa.

Ke muka 3

Berita Utama

FORMAT Sambutan Hari Kebangsaan tahun ini berbeza

Muka 12

MENUJU pengurangan jejak karbon

Muka 27

STATISTIK TERKINI COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 12 FEBRUARI 2021, 12.00 tengah hari

JUMLAH KES JANGKITAN	184
JUMLAH KEMATIAN	3
JUMLAH KES YANG SEMBUH	175

Ministry of Health, Brunei Darussalam
mohbrunei www.moh.gov.bn

Keutuhan semangat patriotisme kepada raja berdaulat

**Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

ALHAMDULILLAH, terlebih dahulu peramba / kaola / saya bagi pihak Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-37, Tahun 2021, dengan penuh hormat dan takzim sukacita menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas titah perkenan baginda bagi penubuhan Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-37, Tahun 2021.

Dalam kesempatan ini peramba / kaola / saya menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas keberangkatan dan kehadiran Yang Mulia Timbalan-timbalan Menteri, Yang Mulia Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Yang Mulia Wakil Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Mulia Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Yang Mulia Pengiran-pengiran, Yang Dimuliakan Pehin, Yang Mulia Dato-dato, Datin-datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian ke Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-37, Tahun 2021 pada petang ini.

Setinggi-tinggi tahniah turut disembahkan dan dirakamkan atas lantikan Yang Amat Mulia Pengiran, Yang Berhormat Pehin, Yang Mulia Timbalan-timbalan Pengerusi Bersama dan ahli dalam menganggotai Jawatankuasa Tertinggi ini.

Alhamdulillah, sekali lagi, Jawatankuasa Tertinggi ini telah diamankan untuk merancang dan melaksanakan acara keraihan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bagi Tahun 2021.

Secara keseluruhannya, tidak dapat dinafikan tatacara sambutan kali ini memang berbeza dari Sambutan-sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan yang lalu. Seluruh dunia telah mengalami dan merasai kesan perubahan norma baharu termasuklah negara kita, Negara Brunei Darussalam berikutan pandemik COVID-19 yang telah dan terus meninggalkan kesan yang amat mendalam kepada setiap lapisan masyarakat sejak awal tahun 2020. Namun, ia bukanlah satu penghalang bagi setiap rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-37, Tahun 2021 semasa berucap pada Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-37, Tahun 2021, pada Isnin, 11 Jamadilakhir 1442 Hijrah bersamaan 25 Januari 2021 Masihi, di Dewan Digadong, Tingkat 1, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

untuk meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan dalam norma baharu sebagai manifestasi kita selaku rakyat dengan perasaan penuh semangat, kebanggaan dan patriotisme kepada raja yang berdaulat dan negara kita yang merdeka yang akan sentiasa utuh dan berkekalan walaupun berhadapan dengan apa jua keadaan.

Sepertimana jua sambutan-sambutan sebelum ini, amatlah wajar hari istimewa ini untuk diraikan oleh setiap peringkat masyarakat dengan penuh kegembiraan dan kemeriahan dalam norma baharu kerana ia adalah milik bersama sekalian rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Di sinilah cerminan kecemerlangan dan kebahagiaan bangsa dan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa mempertahankan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai teras identiti kita dalam apa jua situasi atau cabaran.

Ke arah itu, sukacita dimaklumkan bahawa sejak bulan Disember 2020, pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah membuat penelitian secara rapi antara lain, bersama pihak Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Jabatan Adat Istiadat Negara, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei bagi mendapatkan pandangan dan

nasihat demi memastikan elemen-elemen Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan pada tahun 2021 akan mengetengahkan semangat patriotisme yang tinggi seperti sambutan-sambutan sebelum ini dan pada masa yang sama, disesuaikan kepada norma baharu terutamanya dari aspek keselamatan setiap pihak yang terlibat dan hadir dengan mematuhi garis pandu Kementerian Kesihatan yang dikuatkuasakan pada ketika ini.

Sepertimana yang dipersetujui, insyaaAllah, acara-acara sambutan pada kali ini akan mematuhi Standard Operating Procedure (SOP) yang ditetapkan. Bagi Upacara Perhimpunan Agung dan Majlis Doa Kesyukuran secara khususnya, pintu-pintu masuk akan ditetapkan mengikut zon untuk mengasingkan para peserta, jemputan dan petugas mengikut gelembung (*bubble*) masing-masing, selaras dengan nasihat pihak Kementerian Kesihatan. Di samping itu, durasi Upacara Perhimpunan Agung tidak akan melebihi dua jam dengan mengamalkan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter antara satu dengan lain.

Walaupun ini bermakna skala acara-acara sambutan tidak akan sama seperti tahun-tahun yang lepas, apa yang paling penting, kita hendaklah memastikan konsep sambutan yang dipilih akan terus menekankan kualiti dan berimpak tinggi dalam suasana penuh semangat patriotisme, ceria dan berwarna-warni dengan memperlihatkan perpaduan negara dan budaya kita ke arah pemantapan ketamadunan dan sejarah bangsa. Inilah objektif utama mesyuarat pada petang ini.

Memandangkan tinggal 29 hari lagi sebelum pelaksanaan Upacara Perhimpunan Agung pada 23 Februari 2021, sukacita peramba / kaola / saya maklumkan bahawa beberapa siri mesyuarat di Peringkat Urusetia dan Jawatankuasa Kerja telah dan terus diadakan sebagai persediaan sejak akhir tahun 2020. Oleh yang demikian, perbincangan pada hari ini akan memfokuskan kepada cadangan-cadangan pihak Urusetia dan setiap Jawatankuasa Kerja terhadap perkara yang memerlukan ketetapan para ahli khususnya, mengenai persiapan yang giat dijalankan termasuk hasil pertandingan logo, format persembahan padang, perbarisan lalu, atur cara dan tarikh-tarikh raptai bagi Upacara dan Acara Utama sambutan. Pada masa yang sama, mesyuarat juga akan membincangkan tatacara pelaksanaan dan jumlah keramaian bagi Majlis Doa Kesyukuran serta acara-acara sampingan yang lain.

Ke muka 5

Dari Sidang Pengarang.

13 FEBRUARI 2021 BERSAMAAN 1442 رجب 1

SEKTOR HULUAN DAN HILIRAN TINGKATKAN EKONOMI NEGARA

NEGARA Brunei Darussalam (NBD) akan meneruskan kegiatan penerokaan minyak dan gas di kawasan laut dalam yang dihasratkan akan membekalkan isi padu minyak dan gas mentah yang baharu bagi mendorong pembangunan ekonomi negara.

Sektor ini merupakan industri yang paling matang dan membuat pelaburan besar dalam pengembangan aktiviti huluan dan hiliran di NBD. Di samping itu, sektor tenaga juga tetap relevan dalam peranannya sebagai salah satu penyumbang utama ekonomi negara.

Perkara tersebut antara yang disampaikan oleh Menteri Tenaga, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien semasa Sesi Muzakarah bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Bilik Mesyuarat West Wing, Tingkat 1, Bangunan Jabatan Perdana Menteri.

Kegiatan penerokaan laut dalam juga akan membawa kemajuan teknologi dan kepakaran dalam menyokong pembangunan ekonomi negara dan akan meningkatkan lagi infrastruktur. Di samping itu, sektor ini memulakan aktiviti *spin-off* yang melibatkan penutupan dan pemulihan kemudahan-kemudahan dan tapak-tapak yang sudah lama di dalam sektor minyak dan gas.

Kementerian Tenaga juga turut mengawasi kepelbagaian sektor tenaga melalui pengembangan aktiviti hiliran, antaranya pembangunan projek hiliran mega yang paling baharu melibatkan operasi komersial penuh Loji Penapisan dan Petrokimia Pulau Muara Besar (PMB) pada November 2019.

Loji Penapisan dan Petrokimia PMB tersebut merupakan projek pelaburan langsung asing terbesar di NBD dengan kemampuan untuk menyaring 175,000 tong minyak mentah setiap hari dan menghasilkan lapan juta tan produk petroleum dan petrokimia setiap tahun.

Sementara loji pengeluaran amonia dan urea Brunei Fertilizer Industries (BFI) juga akan menambah pengembangan portfolio tenaga hiliran negara, di mana kilang itu dijadualkan beroperasi pada suku ketiga tahun ini dengan kapasiti pengeluaran 3,900 metrik tan urea sehari.

Berikutan dengan meningkatnya kepentingan tenaga alternatif, kementerian tersebut turut mempermudah projek demonstrasi rantaian bekalan hidrogen global antara Kerajaan NBD dengan Jepun yang dikendalikan oleh Advanced Hydrogen Energy Chain Association for Technology Development (AHEAD).

Ia bertujuan untuk merealisasikan teknologi pengangkutan dan bekalan hidrogen global untuk penjana kuasa hidrogen skala penuh pada tahun 2030, projek ini telah mencapai kejayaan besar setelah berjaya mengangkut hidrogen yang dihasilkan dari Taman Perindustrian Sungai Liang (SPARK) ke Jepun dalam bentuk sebatian organik yang stabil dihantar melalui kaedah penghantaran konvensional.

Pencapaian-pencapaian tersebut sudah setentunya akan mengembangmajukan sektor-sektor huluan dan hiliran negara yang akan membawa impak yang besar kepada pertumbuhan ekonomi negara. Selain itu, ia juga akan membuka peluang pekerjaan dan perniagaan tempatan melalui pendekatan Whole of Nation. - **Ketua Penyuntingan (Rd)**

RAMALAN CUACA 3 HARI		
SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN		
30 25 °C	30 25 °C	30 25 °C
PEKAN BANGAR		
30 25 °C	30 25 °C	30 25 °C
PEKAN TUTONG		
30 25 °C	30 25 °C	30 25 °C
KUALA BELAIT		
30 25 °C	30 25 °C	30 25 °C

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi FEBRUARI	HARI	Hijrah REJAB	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
13	SABTU	1	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.55	6.33	7.44
14	AHAD	2	5.07	5.17	6.36	6.58	12.35	3.55	6.33	7.44
15	ISNIN	3	5.07	5.17	6.35	6.58	12.35	3.55	6.33	7.44
16	SELASA	4	5.07	5.17	6.35	6.58	12.35	3.55	6.33	7.44
17	RABU	5	5.07	5.17	6.35	6.58	12.35	3.54	6.34	7.44
18	KHAMIS	6	5.06	5.16	6.35	6.57	12.35	3.54	6.34	7.44
19	JUMAAT	7	5.06	5.16	6.35	6.57	12.35	3.54	6.34	7.44

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

WallaahuAlam Bissawab | Talian Cuaca | Brunei WX App | 114 | AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998 | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK | JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. | KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam | 123 | NDMC 2380214

Mempergiatkan aktiviti pelancongan, pertanian



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ketika berucap.

Dari muka 1

Dalam masa yang sama, Yang Berhormat juga menyentuh mengenai Mukim Lamunin yang memang terkenal sebagai sebuah mukim yang mempunyai penduduk yang terdiri daripada berbagai-bagai kaum yang aktif dalam bidang-bidang perniagaan kedai runcit, pertanian dan penyediaan produk-produk pelancongan.

Dalam bidang pertanian katanya, terdapat beberapa buah ladang KPLB, iaitu KPLB Bukit Sulang, KPLB Bukit Sabal dan KPLB Kampung Biong, di mana penduduk kampung berkenaan aktif bertanam berbagai-bagai jenis buah-buahan, seperti durian, rambutan, nangka, cempedak dan

lain-lain.

Manakala dalam bidang pelancongan pula, penduduk-penduduk kampung telah berjaya membangun beberapa produk pelancongan yang sering menjadi tarikan para pelancong, seperti Eco Ponies Garden, Taman Tanjong Bukit Mambangan (Tujuh Rumpun Keluarga Nayan) dan Trekking Bukit Kota Lamunin.

Yang Berhormat juga menyeru kepada penduduk-penduduk Mukim Lamunin terutama kaum belia, terus aktif dalam berbagai-bagai aktiviti ekonomi, seperti aktiviti pertanian, pelancongan, aktiviti kraf tangan, dan lain-lain, iaitu demi untuk menyumbang kepada

usaha untuk mempelbagaikan aktiviti ekonomi negara, demi untuk menyumbang pada pertumbuhan Keluaran Dalam

Negara Kasar (KDNK) dan demi untuk membantu mengurangkan kadar pengangguran dalam negara.



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa merasmikan pembukaan Bangunan Arah Maha Samasa (AMAS), Lamunin, di Kampung Lamunin.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Bangunan baharu tingkat ekonomi penduduk setempat

LAMUNIN, Jumaat, 12 Februari. - Dengan terbinanya Bangunan Arah Maha Samasa (AMAS), Lamunin ini akan dapat membuka lebih banyak ruang perniagaan khususnya kepada syarikat-syarikat yang baharu mahupun yang sedia ada bagi menjalankan aktiviti perniagaan di kawasan tersebut.

Dalam masa yang sama, ia juga dihasratkan agar dapat memberikan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan, selain dapat memberikan kemudahan kepada penduduk-penduduk di kawasan Lamunin dan sekitarnya dalam menjalankan aktiviti perniagaan, kemudahan-kemudahan penempatan, aktiviti-aktiviti sosial dan sebagainya.

Sehubungan itu, perasmian Bangunan AMAS, Lamunin diadakan hari ini dan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan bangunan tersebut ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong dan

diadakan di dewan bangunan tersebut di Kampung Lamunin, di sini.

Majlis tersebut dimulakan dengan pematangan reben oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Ahli Lembaga Perusahaan AMAS dan kemudian diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Majlis, Awang Haji Badar bin Haji Ali.

Sejurus selepas itu, majlis diteruskan dengan ucapan daripada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang kemudian merasmikan bangunan tersebut dan menandatangani plak perasmian.

Bagi memeriahkan lagi majlis, tetamu kehormat dan para jemputan menyaksikan persembahan tayangan klip video pembangunan AMAS, Lamunin dan dibawa melawat ke ruang-ruang kedai dan apartmen serta meninjau dengan lebih dekat petak-petak pameran dan jualan produk

dari Kampung Lamunin dan sekitarnya.

Sebanyak enam kategori pameran dan jualan yang ikut serta bagi memeriahkan lagi majlis tersebut antaranya adalah daripada Ahli Pertubuhan Fotografi Negara Brunei Darussalam, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lamunin, MPK Layong, MPK Panchong, MPK Birau, MPK Merimbun, Pengkalan Waris, Lamin Kampung, Eco Ponies Garden dan Lamin Warisan (Rumah Warisan) turut serta memeriahkan majlis tersebut.

Pameran dan jualan produk Kampung Lamunin serta sekitarnya ini dibukakan untuk kunjungan orang ramai bermula Jumaat, 12 Februari dari jam 3.00 petang hingga 9.00 malam hingga Ahad, 14 Februari bermula jam 9.00 pagi hingga 9.00 malam.

Bangunan AMAS, Lamunin yang terletak di Lot 1766, KM 1, Jalan Lamunin, Tutong merupakan sebuah bangunan komersial lima tingkat yang mempunyai 12 unit

ruang kedai, 16 buah apartmen dan sebuah dewan yang boleh menampung keramaian sehingga lebih kurang 800 orang. Bangunan ini juga dilengkapi dengan kemudahan seperti surau dan letak

kereta bawah tanah dan sebahagian di sekitar bangunan tersebut untuk kemudahan orang ramai yang berkunjung. Bangunan ini siap dibina sepenuhnya pada 20 Oktober 2020.

COVID-19 : Sifar kes baharu

Dari muka 1

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 299 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 95,253 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	184		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	6	3	175

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (282 hari yang lalu)	43 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
542	12,788

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
299 sampel	95,253



PAMERAN dan jualan produk Kampung Lamunin juga sekitarnya dibukakan untuk kunjungan orang ramai, bermula Jumaat, 12 Februari dari jam 3.00 petang hingga 9.00 malam hingga Ahad, 14 Februari, bermula jam 9.00 pagi hingga 9.00 malam.

Doa Selamat buat anggota ABDB ke Mindanao



YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua (depan, tengah) semasa hadir pada Majlis Doa Selamat berkenaan (atas). Manakala gambar bawah, suasana Majlis Doa Selamat bagi pemergian anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) sebagai ahli Independent Decommissioning Body Verification, Monitoring and Assistance Team (IDB VMAT) Ke-3, di Mindanao, Republik Filipina.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Februari. - Majlis Doa Selamat bagi pemergian empat anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) sebagai ahli Independent Decommissioning

Body Verification, Monitoring and Assistance Team (IDB VMAT) Ke-3, di Mindanao, Republik Filipina, diadakan di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garrison.

Hadir pada majlis tersebut, Menteri Pertahanan Kedua, Yang

Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff dan Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah, Surah Yaa Siin dan Doa Selamat yang diketuai oleh Imam Surau berkenaan, Awang Zulfadly bin Haji Awang dan diakhiri dengan Sembayang Fardu Asar Berjemaah dan sesi bergambar ramai.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Shahril Anwar bin Haji Ma'awiah; Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera; Pemerintah Markas Angkatan Bersama ABDB; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; Pengarah-pengarah; Komandan-komandan; Pegawai-pegawai Kanan; dan anggota-anggota dari Kementerian Pertahanan dan ABDB.



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ihsan Kementerian Pertahanan

Ketua Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD), 483 Leftenan Kolonel Mohammed Shalleh bin Haji Ismail yang akan menyertai IDB VMAT, merakamkan rasa penghargaan ke atas peluang yang diberikan untuk mendapatkan pengetahuan dan pengalaman yang lebih luas dalam menjalankan tugas baharu yang diamanahkan di Mindanao, di samping pegawai-pegawai tentera dan awam dari negara-negara sahabat.

IDB VMAT merupakan satu langkah hala tuju dalam proses keamanan di Mindanao, Republik Filipina untuk mengawasi proses perlucutan pasukan dan senjata Moro Islamic Liberation Front (MILF).

IDB VMAT ini terdiri daripada pakar-pakar perwakilan luar negeri daripada NBD, Turki, Norway serta wakil-wakil daripada Kerajaan Filipina, MILF dan National Staff. ABDB mula menghantar anggotanya sebagai ahli IDB VMAT sejak tahun 2019.

Ketua Kontinjen NBD, 483 Leftenan Kolonel Mohammed Shalleh semasa ditemu bual Pelita Brunei menyatakan, seramai tiga anggota Pegawai Tentera ABDB juga terpilih bersama beliau menyertai IDB VMAT yang akan dijadualkan bertolak ke Manila pada 16 Februari 2021 nanti.

Tambahnya, ia adalah satu peluang yang amat berharga dan berguna untuk mendapatkan pengalaman dan ilmu pengetahuan, di samping memberikan mereka peluang untuk menjalankan tugas dan bekerjasama dengan pegawai-pegawai angkatan tentera dari negara sahabat, di mana ia akan memberikan skop tugas secara lebih luas dengan pengalaman dan pengetahuan yang lebih berwibawa dalam

berpasukan.

"Syukur alhamdulillah, saya telah terpilih dan dilantik sebagai Ketua Pasukan Independent Decommissioning Body Verification, Monitoring and Assistance Team 3/2021 atau IDB VMAT 3/2021," ujarnya lagi.

Dalam hal ini, perkara yang menjadi keutamaan untuk melengkapkan persediaan sebelum bertugas jelasnya, adalah untuk memahami tugas utama dan tanggungjawab untuk mengambil alih jawatan, memahami suasana dan konflik yang sedang dan akan berlaku serta cara menanganinya semasa.

Untuk itu, persediaan dan persiapan awal menurutnya, telah pun dilaksanakan dengan mempelajari, mengkaji dan berbincang bersama pegawai-pegawai ABDB yang pernah terlibat dalam pasukan IDB VMAT, juga mengumpulkan maklumat kajian melalui media sosial dan media massa dan juga mengunjungi perpustakaan Kementerian Pertahanan di Bolkiah Garrison.

Beliau juga menyiapkan diri bersama pegawai-pegawainya tentang pengurusan stres (*stress management*) yang menyebabkan implikasi tempat bertugas, berjauhan dari isteri dan anak-anak serta ahli keluarga.

"Walaupun nanti masa kami akan dipenuhi dengan kesibukan atas kehendak tugas yang memerlukan fokus kerana jawatan yang dipegang. Kami akan sentiasa menitikberatkan tanggungjawab kerohanian sepertimana yang telah ditekankan dan dinasihatkan oleh Pemerintah ABDB, iaitu sentiasa mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala, supaya kami akan terlindung / terelak," ucap beliau lagi.

COVID-19 beri impak kepada masyarakat

Berita dan Foto :
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Februari. - Dalam membuat persiapan menangani wabak COVID-19, Negara Brunei Darussalam (NBD) menubuhkan Pusat Pengasingan Kebangsaan, mengadakan Surveillance and Screening by Public Health dan ujian bermula bulan Januari 2020.

Apabila kes pertama berlaku di Negara Brunei Darussalam (NBD), langkah-langkah termasuk *screening* dan ujian, pengesanan kontak, kuarantin dan pengasingan

diri dilaksanakan secara agresif. Selain itu, penutupan sempadan, larangan terhadap perkumpulan dan penjarakan sosial.

Pada 1 April 2020, pembukaan Molecular Diagnostic Unit For Respiratory Viruses berfungsi sebagai National Reference Laboratory for SARS-CoV-2. Penggunaan media bagi pemberitaan maklumat kepada masyarakat turut dilaksanakan termasuk sidang akhbar secara langsung setiap hari, penggunaan aplikasi media seperti BruHealth dan Telegram, video-video pesanan barisan depan mengenai menjaga kesihatan.

Perkara ini antara yang dinyatakan oleh Konsultan Onkologi Kementerian Kesihatan, Dr. Haji Muhammad Syafiq bin Abdullah semasa menjadi ahli panel pada Seminar Majlis Ilmu 2020 bertajuk 'Cabaran Pandemi COVID-19 : Pengalaman Asia Tenggara' yang diadakan bertempat di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), pagi tadi.

Dr. Haji Muhammad Syafiq turut menjelaskan mengenai simptom-simptom wabak termasuk demam, hilang selera, keletihan, hilang rasa hidu dan merasa, batuk sehingga ke simptom yang lebih serius termasuk kesukaran untuk bangun, perasaan keliru, batuk darah, kegagalan buah pinggang dan

lain-lain lagi.

Manakala Dekan Fakulti Syariah KUPU SB, Dr. Awang Haji Noralizam bin Haji Aliakbar juga menerangkan bahawa NBD juga melaksanakan pendekatan bersifat kerohanian (*spiritual*) atau vaksin ketuhanan dalam menangani COVID-19.

Pendekatan tersebut menurut Dr. Awang Haji Noralizam tidak boleh dipertikaikan, malah pendekatan tersebut bertambah berkat apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menekankan tentang vaksin tersebut.

Beberapa 'vaksin ketuhanan' yang dijelaskan termasuk memperbanyakkan membaca Al-Quran, mengamalkan membaca Surah Yaa Siin, membaca Doa Qunut Nazilah dan melazimkan doa memohon perlindungan daripada wabak.

Hadir selaku tetamu khas pada Seminar Majlis Ilmu 2020 tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.

Juga hadir, Pemangku Setiausaha Tetap (Perkhidmatan Awam, Kesejahteraan, Antarabangsa dan Media), JPM, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (kiri) hadir selaku tetamu khas pada Seminar Majlis Ilmu 2020 tersebut.

Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohd Serudin bin Haji Timbang dan Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Turut menjadi ahli panel pada seminar berkenaan ialah Ketua Pusat Penyelidikan Al-Quran Universiti Malaysia Malaysia, Dato Profesor Dr. Mohd Yakub @ Zulkifli bin Mohd Yusoff, Rektor Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta Indonesia, Profesor Dr. Haji Amany

Burhanuddin Umar Lubis, Deputy Rector for International Relations Fatoni University, Thailand, Profesor Dr. Sukree Langputeh, Penolong Profesor, S. Rajaratnam School of International Studies (RSIS) Nanyang Technological University (NTU) Singapura, Dr. Mohamed bin Ali dan Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, selaku moderator seminar.

Ke muka 5




RA'ES Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dalam ucapan alu-aluannya.

Kongsi strategi utama mengekang COVID-19



Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Kesihatan



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa hadir mewakili Negara Brunei Darussalam pada Mesyuarat Access to COVID-19 Tools (ACT) Accelerator Facilitation Council Ke-4 bersidang pada 9 Februari 2021 secara dalam talian (kiri dan atas).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Februari. - Mesyuarat Access to COVID-19 Tools (ACT) Accelerator Facilitation Council Ke-4 telah bersidang pada 9 Februari 2021 secara dalam talian.

Hadir bagi mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) pada mesyuarat tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar.

NBD selaku Pengerusi ASEAN 2021 telah menjadi Ahli Access to COVID-19 Tools (ACT) Accelerator Facilitation Council yang ditubuhkan pada tahun 2020 untuk memberikan kepimpinan politik peringkat tinggi dan mendukung kerja-kerja global bagi melawan COVID-19.

Mesyuarat telah mengongsi strategi-strategi keutamaan termasuk meningkatkan pemberian 2 bilion dos vaksin COVID-19, ujian, rawatan dan Alat Pelindung Diri (PPE) dan menangani varian COVID-19 melalui penyelidikan dan perkembangan.

Ahli-ahli panel yang terdiri daripada syarikat-syarikat termasuk AstraZeneca, Johnson & Johnson, AXA serta Menteri Kesihatan Republik Indonesia membincangkan mengenai cabaran untuk mencapai akses kepada vaksin secara adil dan saksama serta cadangan langkah-langkah bagi menangani cabaran tersebut.

Di samping itu, mesyuarat turut membincangkan mengenai belanjawan ACT-Accelerator bagi tahun 2021, mekanisme - mekanisme pembiayaan ACT-Accelerator untuk menerokai jalan penyelesaian bagi kekurangan belanjawan bagi memastikan akses dan pengagihan vaksin COVID-19 adalah adil dan saksama serta memastikan kadar liputan vaksinasi 60 hingga 80 peratus yang disasarkan oleh kebanyakan negara berpendapatan rendah dan sederhana rendah adalah tercapai.

Pada akhir mesyuarat, pengerusi bersama mesyuarat mengongsi ringkasan hasil mesyuarat dan langkah ACT-Accelerator ke hadapan.

COVID-19 beri impak kepada masyarakat

Dari muka 4

Dato Profesor Dr. Mohd Yakub @ Zulkifli, sebagai panel pertama menjelaskan bahawa pandemik COVID-19 memberi impak positif dan negatif kepada masyarakat khususnya di Malaysia iaitu dari segi kesihatan mental, perspektif Islam dan alam sekitar.

Pandemik yang berlaku juga turut mengajar supaya sentiasa mensyukuri nikmat kesihatan sebagai anugerah Allah dan mendidik kita untuk memanasifasikan kesyukuran itu dengan menjaga kesihatan diri serta kebersihan kawasan persekitaran termasuk tempat ibadah.

Manakala panel kedua pula, Profesor Dr. Haji Amany Burhanuddin Umar Lubis menyatakan bahawa dengan merujuk kepada enam strategi prioritas yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Kerajaan Indonesia mula membuat langkah bagi pencegahan penyebaran wabak tersebut seketan pergerakan (*lockdown*), bekerja dari rumah dan sistem belajar secara dalam talian diterapkan bermula pada bulan Jun 2020 dengan tujuan memutuskan tali penyebaran COVID-19.

Pihak Kerajaan Indonesia juga mensosialisasikan Gerakan Penjarakan Sosial iaitu menjaga jarak dua meter dan menghindari pertemuan ramai.

Selain itu, penerapan 3M iaitu mencuci tangan, memakai *masker* dan menjaga jarak turut diaplikasikan. Profesor Dr. turut menambah bahawa vaksin Kerajaan Indonesia mengeluarkan anggaran 637.3 juta rupiah bagi perbelanjaan vaksin coronavirus yang dianggarkan bagi memenuhi keperluan seramai 181.5 juta rakyat.

Manakala Dr. Mohamed bin Ali dari Singapura pula menjelaskan bahawa kes pertama di Singapura berlaku pada 23 Januari 2020 dan sehingga hari ini, hampir 60,000 kes diterima dengan 29 kematian.

Beberapa langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan Singapura termasuk kuarantin di dalam

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

rumah, tidak keluar berkumpul, makan dan bersenam di luar, meletakkan jarak 1 meter.

Kerajaan Singapura juga meletakkan hukuman bagi individu yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan, iaitu bayaran denda BND300 atau lebih berat.

Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) turut memberi respons terhadap langkah pencegahan penyebaran wabak termasuk mengeluarkan fatwa penutupan sementara masjid, fatwa penangguhan Sembahyang Jumaat, penangguhan ibadah Haji dan Irsyad penggunaan vaksin.

Bermula Jun 2020, sembahyang berjemaah di masjid mula dibukakan dengan beberapa peraturan dan sistem pendaftaran yang perlu dipatuhi termasuk mendaftar dalam aplikasi yang disediakan, mengambil wuduk dari rumah, membawa sejadah sendiri dan menggunakan sungkup muka.

Seminar diteruskan dengan Profesor Dr. Sukree Langputeh yang menjelaskan mengenai cabaran pandemik COVID-19 di Thailand, termasuk pandangan salah masyarakat umum dan vaksin yang dicadangkan.

Cabaran utama masyarakat Islam di Thailand ialah pandangan masyarakat umum di negara tersebut bahawa wabak tersebut berpunca dari orang Islam khususnya pada fasa kemunculan kes pertama wabak.

Selain itu, cabaran yang dihadapi adalah ketakutan dalam kalangan masyarakat Islam untuk menerima vaksin yang dicadangkan kerana keraguan mengenai kehalalan dan kesannya.

Sehubungan itu, pihak Majlis Ugama Islam di Thailand mengambil langkah agresif untuk pertama menyebarkan kefahaman dan memberikan motivasi kepada masyarakat Islam lainnya daripada fitnah yang disebar.

Selain itu, turut diadakan

kerjasama antara ketua-ketua Majlis Ugama Islam dengan pihak kerajaan dalam usaha pencegahan wabak dalam kalangan masyarakat Islam.

Terdahulu Ra'ies KUPU SB, Dr. Awang Haji Adanan bin Haji Basar selaku Pengerusi Bersama acara sampingan Majlis Ilmu 2020 dalam ucapan alu-aluan menjelaskan bahawa hubungan persahabatan yang kuat antara UNISSA dan KUPU SB berserta universiti-universiti serantau terbukti melalui kerjasama dalam Seminar Majlis Ilmu tersebut.

Dengan merujuk kepada tema Majlis Ilmu 2020, iaitu 'Mensyukuri Ni'mat Kesihatan' sebagai anugerah Allah dengan sub-tema berkaitan dengan pandemik yang dihadapi sekarang, melalui seminar yang berbentuk dalam talian tersebut, panel-panel pakar dalam dan luar negara berkesempatan untuk berkongsi ilmu dan pengalaman bersama dengan jemputan yang hadir mengenai cabaran dan tindakan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan masyarakat di setiap negara.

Dalam masa yang sama, seminar dalam talian secara langsung ini ditonton oleh pihak UNISSA dengan kehadiran para pegawai, tenaga akademik dan pelajar UNISSA bertempat di Auditorium UNISSA.

Pameran kesihatan turut diadakan di KUPU SB dan UNISSA dalam menyemarakkan lagi acara seminar yang dianjurkan dengan mempamerkan beberapa produk kesihatan berupa pemakanan sihat dan klinik-klinik kesihatan daripada pihak Kementerian Kesihatan, KUPU SB dan UNISSA.

Forum dan pameran sempena Majlis Ilmu 2020 diungkuhkan bersama oleh Kementerian Kesihatan, KHEU, UNISSA dan KUPU SB di bawah Jawatankuasa Kerja Acara Sampingan bagi Sambutan Majlis Ilmu 2020.

HALUAN

Dari muka 2

Dalam sama-sama merancang pelaksanaan acara-acara sambutan pada tahun ini, amatlah mustahak bagi pandangan, cadangan dan nasihat para ahli untuk berdasarkan kepada kaedah Whole of Nation Approach. Peramba / kaola / saya amat yakin, dengan buah fikiran yang holistik dan menyeluruh daripada Ahli-ahli Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-37 akan membuahkan idea-idea yang bernas ke arah menjayakan sambutan ini sebagai manifestasi semangat patriotisme dan kebanggaan kita sebagai sebuah bangsa yang makmur dan dihormati di persada dunia. Dalam masa yang sama, kita perlu ingat bahawa negara masih menghadapi cabaran COVID-19 pada masa ini dan kita tidak boleh bersikap *complacent* terhadapnya.

Oleh itu, dengan berbandukan kepada Standard Operating Procedure (SOP) yang ditetapkan, marilah kita, sebagai satu jawatankuasa daripada pelbagai sektor, sama-sama menentukan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-37 akan berjalan dengan lancar, sempurna dan berhemat dalam suasana yang selamat bagi setiap pihak. Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa jumlah penyertaan adalah kurang pada tahun ini, ia tidak bermakna sambutan akan kurang dari segi kegembiraan, patriotisme, kegemilangan dan warna-warni dengan penglibatan setiap lapisan masyarakat untuk menzahirkan kebanggaan dan semangat sebagai satu negara yang merdeka dan bersatu padu. InsyaaAllah.

Sebelum meneruskan ke agenda seterusnya, sekali lagi, peramba / kaola / saya sukacita merakamkan setinggi-tinggi menjunjung kasih dan ribuan terima kasih di atas keberangkatan dan kehadiran Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi ke mesyuarat pada petang ini. Didoakan agar Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa mengurniakan petunjuk dan rahmat-Nya dalam usaha bersama kita ke arah kelancaran persediaan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-37, Tahun 2021. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Sekian. *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Pembangunan infrastruktur diutamakan dalam mencapai kualiti kehidupan rakyat



YANG Berhormat Menteri Pembangunan (kiri) semasa mempengerusikan dan berucap pada Sesi Muzakarah bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), di Bangunan Pengurusan dan Pemeliharaan Jambatan (BBA), Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Februari. - Buku di dalam *policy framework* dan Pelan Strategik Kementerian Pembangunan 2020-2025, pembangunan infrastruktur adalah di antara perkara yang ditekankan dan diberi keutamaan bagi mencapai kualiti kehidupan rakyat.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar menekankan demikian pada Sesi Muzakarah bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Bangunan Pengurusan dan Pemeliharaan Jambatan (BBA), Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, di sini.

Menurut Yang Berhormat, perancangan dan perkembangan projek-projek telah pun dibentangkan dan dibincangkan semasa permuakarah bersama Jabatan Kerja Raya (JKR) pada Sabtu lalu.

Isu perkhidmatan air dan jalan raya memang sering ditimbulkan dan pihak kementerian kata Yang Berhormat, melalui JKR telah mengatur beberapa pelan penambahbaikan dan kerja-kerja penyelenggaraan mengikut keutamaan bagi Tahun Kewangan 2021 / 2022 nanti.

"Seperti yang telah dimaklumkan semasa sesi bersama JKR, sebanyak 68 buah projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) - 11 telah pun diperuntukkan bagi mengendalikan kerja-kerja infrastruktur, prasarana jalan raya, sistem bekalan air serta pencegahan banjir. Dari sejumlah 68 buah projek tersebut, sebanyak enam projek telah siap dilaksanakan dan sebanyak 35 projek sedang dalam pelaksanaan, manakala selebihnya masih di dalam proses reka bentuk dan tawaran," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menjelaskan, semua itu memakan belanja lebih dari BND300 juta dan apa yang diharapkan ia bukan sahaja memberi kemudahan asas kepada orang ramai, malahan juga dapat menaikkan taraf kualiti dan kehidupan penduduk di negara ini.

Melalui perancangan yang telah diatur, Jabatan Kemajuan Perumahan (JKP) pada masa ini, ujar Yang Berhormat sedang giat meneruskan projek RKN di Kampung Lugu Fasa 2, Kampung Tanah Jambu, Kampung Bukit Beruang, projek menaik taraf rumah teres H33, H35 dan H36 di

Kampung Rimba dan Kampung Lambak Kanan.

"Mengenai dengan alternatif penyediaan perumahan, pihak kementerian masih lagi giat mengkaji keberkesanan kaedah Public Private Partnership (PPP) dengan kerjasama dari pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi (PCube) sejak dari tahun 2019. Beberapa tapak telah pun dikenal pasti sesuai untuk dijadikan projek PPP perumahan seperti kawasan Perumahan Lambak Kanan seluas 50 hektar yang mana dapat membina lebih dari 1,000 buah rumah teres dan *semi-detached*, sehingga kini masih di dalam peringkat penilaian oleh pihak PCube," tambah Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan, perumahan jenis pangsa H40 yang terletak di Jalan 99, Kampung Rimba yang mempunyai 300 unit rumah, pada masa ini telah pun *di offer* kepada pemohon RPN yang sudah mendapat perkenan dan masih menunggu rumah.

Jelas Yang Berhormat, beberapa sesi *viewing* bagi tunjuk minat telah pun dibuat sejak bulan Julai dan Disember tahun lepas, walaupun respons dari peserta perumahan pada mulanya agak rendah, tetapi setelah pihak perumahan memberi penerangan, responnya adalah positif.

Proses penelitian dan penilaian oleh pihak JKP sedang dijalankan dan dijangka pangsa ini akan diisikan sebelum menjelang hari raya nanti, terang Yang Berhormat.

"Bagi mendukung hasrat

kerajaan ke arah Digital Economy dan Smart Nation, Kementerian Pembangunan telah menerbitkan MOD Digital Paradigm Framework 2018-2023 sebagai usaha kementerian ini di dalam mendukung agenda Digital Economy Council, khususnya bagi penggunaan teknologi di dalam penyediaan perkhidmatan dan projek-projek infrastruktur. InsyaaAllah dengan terlaksananya nanti, ia akan dapat menambah baik perkhidmatan-perkhidmatan yang sedia ada dan di dalam penyediaan infrastruktur dengan lebih efektif dan efisien melalui penggunaan teknologi yang terancang. Ia juga diharapkan dapat menepati tahap piawai dan ekspektasi orang ramai untuk mendapatkan perkhidmatan yang lebih baik bagi meningkatkan kualiti kehidupan rakyat," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai dengan perubahan iklim, di mana ia merupakan di antara ancaman global yang paling mencemaskan pada masa ini, di mana suhu permukaan bumi yang semakin meningkat serta kenaikan paras laut yang semakin membimbangkan adalah petanda untuk kita bertindak dengan segera.

"Alhamdulillah, negara kita telah pun mempunyai satu Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (NBD) (Brunei Darussalam National Climate Change Policy - BNCCP) yang menjadi dasar rasmi negara dalam mentadbir dan membentuk hala tuju ke arah negara yang

rendah karbon (*low carbon emission*) dan kedayatahan (*resilience*) terhadap impak perubahan iklim.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tahun 2021 Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim NBD telah mengisytiharkan sebagai 'Tahun Tindakan Iklim' (Year of Climate Action) sebagai satu usaha untuk memberi kesedaran dan meningkatkan kepentingan BNCCP dan pelaksanaannya yang berkesan dengan melibatkan semua pihak, termasuk orang awam, para belia, NGOs dan sebagainya untuk memainkan peranan bagi sama-sama mendukung 'Green Protocol' melalui beberapa inisiatif yang telah dikenal pasti," terang Yang Berhormat.

Ke arah itu, Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim NBD juga telah melancarkan Buku Garispanduan Protokol Hijau pada 30 Januari 2021 bagi mengurangkan *carbon print* dalam premis-premis di sektor kerajaan.

Dengan bantuan Jabatan Perkhidmatan Awam, semua jabatan menurut Yang Berhormat, akan terlibat sama di dalam mempromosikan operasi harian rendah karbon dengan melaksanakan amalan-amalan hijau melalui tujuh elemen utama dalam Protokol Hijau, iaitu Penggunaan Tenaga; Penggunaan Air; Penggunaan Kertas; Penggunaan Plastik; Pembuangan Sisa-sisa Pepejal; Pengurusan Acara-acara Rasmi; dan Penanaman Pokok.

Yang Berhormat juga menjelaskan, di antara elemen penting dalam garis panduan ini ialah untuk memastikan semua premis-premis kerajaan di negara ini tidak akan menggunakan botol-botol plastik dan menjadikan kawasan atau 'Zon Bebas Botol Plastik'.

Di samping itu juga, setiap kementerian disarankan untuk menanam pokok di premis masing-masing atau di tempat-tempat yang telah dikenal pasti oleh pihak *secretariat*, bagi mendukung program 'Kempen 26,000 Pokok Setahun' seperti yang terkandung di dalam

Garispanduan Protokol Hijau.

"Beberapa penggubalan akta dan peraturan baharu pada masa ini sedang dan telah dikemaskinikan dengan hasrat untuk memberikan impak positif dan menjaga kepentingan orang ramai seperti Peraturan Baru, iaitu Building Control Regulation 2020 (Composition of Offences) di bawah Perintah Kawalan Bangunan (Building Control Order), 2014 yang telah berkuat kuasa mulai 1 Jun 2020," jelas Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat menambah, Peraturan Kompaun ini memberi kuasa kepada pihak ABCi untuk mengenakan kompaun ke atas kesalahan-kesalahan di bawah Building Control Regulations 2016 (Advertisement, Billboard and Signboard). Mana-mana orang perseorangan atau syarikat yang mempromosi iklan hendaklah mendapatkan kebenaran terlebih dahulu dari ABCi sebelum memasang struktur dan memaparkan iklan, papan iklan atau papan tanda di NBD.

Selain itu, ujar Yang Berhormat, Pelaksanaan Pendaftaran Kaveat adalah sebahagian daripada Perintah (pindaan) bagi Perintah Kanun Tanah (2016) bagi Pelaksanaan Pendaftaran Kaveat, khususnya Seksyen 5 yang telah dikuatkuasakan bermula pada 1 Januari 2021. Pelaksanaan kaveat tersebut dihasratkan untuk melindungi kepentingan pihak-pihak tertentu ke atas sebidang tanah dengan memasukkan atau mendaftarkan kepentingan itu ke Daftar Tanah.

Menurut Yang Berhormat, dengan adanya kaveat tersebut, tuan punya tanah tidak boleh memindah milik, menjual, menggadai atau memajak tanah tersebut atau apa juga urusan yang akan menjejaskan kepentingan pihak-pihak yang telah mendaftarkan kaveat tersebut.

Dengan berkuat kuasanya sebahagian daripada Perintah (pindaan) Kanun Tanah 2016 ini, tegas Yang Berhormat, ia akan dapat meningkatkan lagi sistem pentadbiran tanah dan pembangunan di negara kita ini.



YANG Berhormat Menteri Pembangunan dan Ahli-ahli MMN semasa bergambar kenangan yang berlatarbelakangkan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien.

Kementerian Pembangunan bertukar-tukar pandangan bersama Ahli MMN



ROMBONGAN Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) semasa membuat tinjauan antara kemudahan yang terdapat di Bangunan Pengurusan dan Pemeliharaan Jambatan (BBA), Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Februari. - Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Sesi Muzakarah bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bertempat di Bangunan Pengurusan dan Pemeliharaan Jambatan (BBA), Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, di sini.

Hadir bagi mempengerusikan Sesi Permuzakarah tersebut, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir.

Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar.

Rombongan dari Ahli-ahli MMN tersebut diketuai oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman.

Terdahulu, sebelum Sesi Muzakarah diadakan, Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan Ahli-ahli MMN memulakan acara penanaman pokok di kawasan lapang berdekatan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddien sebagai mendukung usaha pihak kerajaan ke arah mencapai salah satu strategi utama Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (NBD) yang dilancarkan pada 25 Julai 2020 lalu, iaitu mencapai sasaran untuk menanam sebanyak 500,000 pohon pokok baharu menjelang tahun 2035.

Sesi Muzakarah tersebut didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat.

Seterusnya, ucapan alu-aluan disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Pada Sesi Muzakarah ini juga, Ahli-ahli MMN berpeluang mendengarkan taklimat ringkas mengenai perubahan iklim



YANG Berhormat Menteri Pembangunan semasa menanam pokok di kawasan lapang berdekatan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien.

yang disampaikan oleh Urusetia Perubahan Iklim NBD dan juga taklimat mengenai aktiviti Tahun Tindakan Iklim atau 'Year of Climate Action' yang giat dilaksanakan oleh Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim NBD atau Brunei Darussalam National Council on Climate Change (BNCCC), antaranya Pelancaran Protokol Hijau atau Green Protocol yang diadakan pada bulan Januari lalu.

Antara elemen penting di bawah Protokol Hijau adalah meningkatkan penyerapan karbon negara melalui penghutan semula dan penanaman semula hutan.

Sesi Muzakarah tersebut dihasrat menjadi satu platform untuk berbincang secara terbuka dan bertukar-tukar pandangan dalam meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan dan program yang diungkuhkan di bawah Kementerian Pembangunan dan

jabatan-jabatan di bawahnya untuk mencapai kesejahteraan rakyat.

Turut hadir semasa sesi muzakarah tersebut, Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin; Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak; Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Kementerian Pembangunan, Ir. Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria; Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-Undang), Kementerian Pembangunan, Sr. Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohd. Yaakub; Ketua-ketua Jabatan serta pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pembangunan.

Perkembangan ketara dalam pembangunan, alam sekitar, infrastruktur

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Februari. - Isu-isu penting mengenai hal ehwal kemajuan pembangunan, alam sekitar dan infrastruktur negara diakui semakin nampak perkembangannya.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman selaku Ketua Rombongan Ahli-ahli MMN berucap demikian pada ucapan balas semasa Sesi Muzakarah bersama Kementerian Pembangunan yang berlangsung di Bangunan Pengurusan dan Pemeliharaan Jambatan (BBA), Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, di sini.

Perkembangan ini jelas Yang Berhormat, menandai usaha-usaha dan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan sepanjang tahun 2020, terutama sekali dalam menyokong usaha-usaha menambah baik kebolehpasaran dan *employability* anak-anak tempatan dalam memastikan mereka akan memperoleh kemahiran dan kecekapan yang

relevan dalam industri pembinaan, lawatan-lawatan yang telah diadakan di tapak-tapak projek, meningkatkan kesedaran awam dan pihak-pihak berkepentingan tentang kepentingan menghadapi perubahan iklim serta penguatkuasaan pindaan-pindaan akta dan peraturan yang berkaitan.

Yang Berhormat menambah, perhatian dan komitmen besar kementerian jelas terlihat melalui lawatan-lawatan ke tapak-tapak projek dalam memantau dan meneliti dengan lebih terperinci projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) yang merangkumi projek-projek menaik taraf sistem-sistem saliran, pembentukan dan penggantian paip-paip utama; menaik taraf, membaiki dan melapis permukaan-permukaan jalan raya yang rosak; dan projek-projek pencegahan banjir.

Yang Berhormat berharap agar projek-projek tersebut berjalan dengan lancar dalam menepati kualiti dan pelaksanaan projek-projek dalam jangka waktu yang ditetapkan.

"Syabas juga kepada pihak

kementerian dengan pelancaran Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam membentuk hala tuju negara ke arah menjadi sebuah negara lestari yang rendah karbon serta berdaya tahan iklim. Dasar tersebut menggariskan 10 strategi utama yang mengandungi objektif-objektif yang akan dilaksanakan dalam jangka masa 15 tahun akan datang," ucap Yang Berhormat lagi.

Dalam mendukung dasar ini ujar Yang Berhormat, pihak majlis menyokong penuh Protokol Hijau yang dilancarkan pada 30 Januari yang lalu oleh pihak kementerian melalui Majlis Perubahan Iklim NBD, di mana ia merupakan garis panduan bagi mengurangkan pelepasan gas-gas rumah hijau dari bangunan-bangunan kerajaan seluruh negara dalam mengurangkan jejak karbon.

Jelas Yang Berhormat lagi, ia adalah satu inisiatif yang sangat bermanfaat dalam kita sama-sama menghadapi perubahan iklim dan menjadikan pihak kerajaan sebagai contoh terbaik dalam amalan-amalan seperti ini.

Pihak majlis juga katanya



SKRIN CCTV yang beroperasi selama 24 jam memantau pergerakan lalu lintas di sepanjang Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien.

menyambut baik 'Kempen 26,000 Pokok' dalam melaksanakan Protokol Hijau, di mana ia satu kempen yang menyeru semua kementerian untuk menanam pokok sepanjang tahun 2021 (sehingga 31 Disember 2021), iaitu 2,000 anak pokok bagi setiap kementerian dan hendaklah membuat pemeliharaan yang diperlukan dalam tempoh sekurang-kurangnya selama satu tahun.

Oleh itu, Yang Berhormat berharap usaha dan inisiatif seperti itu akan terus dikekalkan, dijalankan dan diperbaiki dari semasa ke semasa selaras dengan

harapan pihak kementerian untuk memastikan perancangan-perancangan yang dilaksanakan adalah *actionable*, *realistic* dan *cost-effective* dalam mengambil pendekatan *delivery approach* untuk mencapai hasil yang dihasratkan.

Dalam perkembangan-perkembangan yang terlihat, adalah diakui kata Yang Berhormat, masih terdapat isu-isu yang tidak dapat dielakkan, termasuk langkah-langkah membaiki dari pihak kementerian mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan pada sesi permuzakarah yang lalu.

Sektor tenaga penyumbang utama ekonomi NBD



YANG Berhormat Menteri Tenaga semasa berucap pada Sesi Muzakarah bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Februari. - Sektor tenaga tetap relevan dalam peranannya sebagai salah satu penyumbang utama ekonomi Negara Brunei Darussalam (NBD) dan sektor minyak dan gas pula

sebagai industri yang paling matang yang telah membuat pelaburan besar dalam pengembangan aktiviti hulu dan hiliran.

Justeru, pelaburan hulu minyak dan gas ditetapkan untuk pencapaian lain dengan meneroka peluang dalam aktiviti penerokaan di kawasan laut dalam (*deepwater*).

Menteri Tenaga, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien berkata demikian pada Sesi Muzakarah bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Bilik Mesyuarat West Wing, Tingkat 1, Bangunan Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Menurut Yang Berhormat, kegiatan penerokaan laut dalam pula akan membawa kemajuan teknologi dan kepakaran dalam menyokong pembangunan ekonomi negara dan untuk meningkatkan lagi infrastruktur, sektor ini memulakan aktiviti *spin-off* yang melibatkan penutupan dan pemulihan kemudahan-kemudahan dan tapak-tapak yang sudah lama di dalam sektor minyak dan gas.

Yang Berhormat semasa mempengerusikan muzakarah tersebut seterusnya menyatakan bahawa kementeriaannya turut mengawasi kepelbagaian sektor tenaga melalui pengembangan aktiviti hilirannya, antaranya pembangunan projek hiliran mega yang paling baharu adalah operasi komersial penuh Loji Penapisan dan Petrokimia Pulau Muara Besar (PMB) pada bulan November 2019.

"Loji Penapisan dan Petrokimia PMB kini merupakan projek pelaburan langsung asing terbesar di NBD dengan kemampuan untuk menyaring 175,000 tong minyak mentah setiap hari dan menghasilkan lapan juta tan produk petroleum dan petrokimia setiap tahun," jelas Yang Berhormat.

Manakala Loji pengeluaran amonia dan urea Brunei Fertilizer Industries (BFI) pula ujar Yang Berhormat, juga akan menambah pengembangan portfolio tenaga hiliran negara, di mana kilang itu dijadualkan beroperasi pada suku ketiga tahun ini dengan kapasiti pengeluaran 3,900 metrik tan urea sehari.

Dalam menyedari meningkatnya kepentingan tenaga alternatif, kementerian itu jelas Yang Berhormat, turut mempermudah projek demonstrasi rantaian bekalan hidrogen global antara Kerajaan NBD dengan Jepun yang dikendalikan oleh Advanced Hydrogen Energy Chain Association for Technology Development (AHEAD).

Ini, tambah Yang Berhormat, bertujuan untuk merealisasikan teknologi pengangkutan dan bekalan hidrogen global untuk penjana kuasa hidrogen skala penuh pada tahun 2030, projek ini telah mencapai kejayaan besar setelah berjaya mengangkut hidrogen yang dihasilkan dari Taman Perindustrian Sungai Liang (SPARK) ke Jepun dalam bentuk sebatian organik yang stabil

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Hamzah Mohidin



dihantar melalui kaedah penghantaran konvensional.

Yang Berhormat menambah, projek demonstrasi tersebut menandakan kejayaan rantaian bekalan hidrogen antarabangsa pertama di dunia.

Terdahulu, Yang Berhormat Menteri Tenaga menggariskan bahawa Pelan Strategik Kementerian Tenaga 2020-2025 dihasilkan ke arah mendukung dan mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035, dan juga dengan menerapkan lagi nilai-nilai Maqasid Syar'iah dalam semua bentuk urus tadbir Kementerian Tenaga.

Pelan Strategik ini jelas Yang Berhormat, merangkumi visi dan misi kementerian bagi memimpin dengan lebih terarah perkembangan sektor tenaga yang terdiri daripada Sektor Minyak dan Gas hulu (*upstream*), pertengahan (*midstream*), dan hiliran (*downstream*), tenaga diperbaharui, tenaga alternatif dan kuasa elektrik yang menitikberatkan impak kepada sosioekonomi, penjana pekerjaan dan kesejahteraan orang ramai bagi jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

"Pencapaian sektor tenaga pada tahun 2020 merangkumi operasi penuh Loji Penapisan Minyak dan Petrokimia di PMB yang telah beroperasi sejak November 2019, di samping turut berkongsi beberapa perkembangan penting akan datang yang akan mengubah landskap sektor tenaga, termasuk projek solar berskala besar dan usaha hiliran lebih jauh seperti BFI," ujar Yang Berhormat.

Oleh itu, Yang Berhormat menekankan agar pertumbuhan

sektor tenaga hendaklah diteruskan dengan mengutamakan peluang pekerjaan dan perniagaan tempatan serta melalui pendekatan Whole of Nation.

Bahkan tambah Yang Berhormat, sesi muzakarah seumpama itu diharap akan terus menjadi wadah dialog yang aktif dan berkesan untuk memetik buah fikiran dan kekayaan pengalaman serta maklum balas daripada Ahli-ahli Yang Berhormat MMN.

Sesi Muzakarah kementerian-kementerian bersama Ahli-ahli MMN adalah satu platform untuk berbincang secara terbuka dan bertukar-tukar pandangan dalam suasana muhibah mengenai sektor-sektor tertentu ke arah meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan dan program yang diunggulkan demi kepentingan rakyat dan penduduk di NBD.

Rombongan Ahli-ahli MMN diketuai oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Juga hadir, Timbalan Menteri Tenaga, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw; Setiausaha Tetap (Tenaga), Awang Haji Azhar bin Haji Yahya; Timbalan Setiausaha Tetap (Tenaga dan Kuasa Elektrik), Pengiran Haji Jamra Weira bin Pengiran Haji Petra juga pegawai dan kakitangan dari Kementerian Tenaga; Jabatan Perkhidmatan Elektrik; Autoriti Elektrik Negara Brunei Darussalam (AENBD); Autoriti Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar Kebangsaan (SHENA); dan Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam (PA).

"LOJI Penapisan dan Petrokimia PMB kini merupakan projek pelaburan langsung asing terbesar di NBD dengan kemampuan untuk menyaring 175,000 tong minyak mentah setiap hari dan menghasilkan lapan juta tan produk petroleum dan petrokimia setiap tahun," jelas Yang Berhormat. Manakala Loji pengeluaran amonia dan urea Brunei Fertilizer Industries (BFI) pula ujar Yang Berhormat, juga akan menambah pengembangan portfolio tenaga hiliran negara, di mana kilang itu dijadualkan beroperasi pada suku ketiga tahun ini dengan kapasiti pengeluaran 3,900 metrik tan urea sehari.



ROMBONGAN Yang Berhormat Ahli-ahli MMN semasa hadir pada Sesi Muzakarah tersebut (atas sekali kanan, atas dan bawah).



فجائيت سور وھنجاي فر خدمتن عوام
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI 1 BRUNEI DARUSSALAM

**Apa boleh kami bantu?
Hubungi kami.**

How can we help you today?
Here's how to get in touch with us.

+673 7371961

query@spa.gov.bn



Syarikat Total E&P Borneo B.V sumbang bantuan pendidikan

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 12 Februari. - Seramai 50 kanak-kanak yang berdaftar di Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) menerima sumbangan bantuan pendidikan, berbentuk baucar barang keperluan, berjumlah BND100 daripada Syarikat Total E&P Borneo B.V pada Majlis Penyampaian, yang



berlangsung di Dewan Darul Imtiyaz, Pusat Bahagia Brunei dan Muara, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Terdahulu, Pengurus Perkhidmatan Korporat, Syarikat Total E&P Borneo B.V, Dayang Harina binti Ramlee, dalam ucapan alu-aluannya, antara lain berkata, pendidikan merupakan satu aspek yang sangat penting di dalam hidup seseorang individu, khususnya dari peringkat kanak-kanak lagi.

Tambahnya, dengan terjaganya pendidikan bagi seseorang insan itu, bukan sahaja ia dapat memberikan mereka ilmu

PENGURUS Perkhidmatan Korporat, Syarikat Total E&P Borneo B.V, Dayang Harina binti Ramlee semasa berucap.

pengetahuan, malahan juga akan dapat membuka peluang mereka untuk berkerjaya dan untuk kelangsungan hidup mereka masing-masing.

Beliau, seterusnya berharap dengan sumbangan itu nanti, para penerima akan dapat menggunakannya dengan baik, dengan membeli barang keperluan sekolah, seperti buku-buku atau alat tulis dan diharap ini akan menjadi pembakar semangat kepada semua anak untuk terus berusaha dan belajar dengan rajin.

Penyerahan sumbangan bantuan tersebut adalah sebahagian daripada komitmen Syarikat Total dalam menyumbang kepada komuniti, khususnya kanak-kanak yang memerlukan, di samping untuk memberikan kegembiraan kepada para penerima.

Pemberian bantuan seumpama itu amat digalakkan dan para dermawan adalah dialu-alukan untuk memberikan sumbangan secara aktif bagi sama-sama memeduli kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak yang memerlukan di Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) dan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada kanak-kanak yang berdaftar di Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Kebudayaan) dan Syarikat Total E&P Borneo B.V, Timbalan Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS); Ketua Pegawai Eksekutif Mr. Nicholas Wawresky; juga Pegawai-pegawai Kanan daripada Syarikat Total, JAPEM dan KKBS.

Penangguhan sementara kebenaran rentas sempadan dilanjutkan

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Februari. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan merujuk kepada Siaran Akhbar Jabatan Perdana Menteri (JPM) bertarikh 25 Januari 2021, JPM ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai perkara-perkara berikut.

Penangguhan kebenaran kemasukan warganegara asing dari Malaysia termasuk perjalanan transit melalui pos-pos kawalan darat dan laut dengan melintasi Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah dilanjutkan selama 14 hari lagi sehingga 24 Februari 2021.

Sementara itu, transit melalui NBD hanya boleh dipertimbangkan bagi kenderaan-kenderaan yang mempunyai Penyata Kebenaran Transit yang dikeluarkan oleh Kerajaan NBD, dengan jaminan atau sokongan daripada pihak berkuasa Malaysia yang berkenaan, dengan dikenakan syarat dan prosedur kemasukan yang sedia ada bagi tujuan tertentu.

Tujuan tersebut ialah atas urusan rasmi kerajaan; persekolahan; perkhidmatan-perkhidmatan kecemasan (seperti ambulans, polis dan tentera) dan Transport Operators berdaftar di Malaysia dengan Permit Lintas Batas yang dikeluarkan oleh Kerajaan NBD bagi penghantaran bekalan import yang *essential* ke NBD dan Malaysia.

Seterusnya, penangguhan sementara kebenaran bagi pengambilan dan penghantaran barangan milik individu di lokasi-lokasi khusus di pekarangan sempadan (*checkpoints*) yang dibuat oleh *runners* berdaftar di NBD juga adalah dilanjutkan selama 14 hari sehingga 24 Februari 2021.

Akhir sekali, penangguhan sementara kebenaran bagi keluar dan masuk negeri secara ulang alik (*commuters*) melalui pos-pos kawalan darat mahupun laut bagi tujuan pekerjaan adalah juga dilanjutkan selama 14 hari sehingga 24 Februari 2021.

Syarat-syarat bagi pertimbangan keluar masuk yang dinyatakan di atas adalah tertakluk kepada penelitian Jawatankuasa Pandu Hal EHWal Rentas Sempadan dari semasa ke semasa.

Bagi sebarang maklumat lanjut dan terperinci, bolehlah menghubungi *travel hotline* menerusi talian 120 semasa waktu bekerja.

COVID-19 : 6 kes aktif jalani rawatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Februari. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa satu kes baharu disahkan setakat 12.00 tengah hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam adalah seramai 184 orang.

Kes 184 ialah seorang lelaki berumur 29 tahun yang tiba ke negara ini dari Singapura pada 3 Februari 2021. Pengesanan kontak (*contact tracing*) bagi kes ini masih sedang giat dijalankan dan kes ini akan dimasukkan ke Pusat Pengasingan Kebangsaan bagi rawatan dan pemantauan.

Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 281 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei 2020.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 43 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan lagi, seramai enam kes aktif masih menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan kesemua kes aktif berada dalam keadaan yang baik sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini, masih kekal seramai 175 orang.

Kementerian Kesihatan turut

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 541 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 12,776 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020. Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 349 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa

jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 94,954 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Ringkasan Kes			
Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
1	184		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	6	3	175
Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19		Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan	
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (281 hari yang lalu)		43 Kes	
Ringkasan Pengasingan Diri			
Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori		Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)	
541		12,776	
Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2			
Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam		Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)	
349 sampel		94,954	



PUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam dan Naib Presiden SMARTER Brunei, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang semasa merasmikan Pameran Seni Amal (atas). Manakala gambar kanan, antara lukisan yang dijual.

Berita dan Foto : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Februari. - Kedutaan Republik Islam Iran dengan kerjasama SMARTER Brunei menganjurkan Pameran Seni Amal (Charity Art Exhibition)

bersempena memperingati Kemenangan Revolusi Islam dan Hari Kebangsaan Iran Ke-40 Tahun bertempat di Pusat SMARTER E.D.G.E, Kampung Mata-Mata, di sini.

Pameran ketengahkan karya seni pelajar

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Homeira Rigi Zirouki dalam ucapannya berkata bahawa Pameran Amal Seni ini menjual semua karya seni pelajar SMARTER Brunei yang mengikuti Bengkel Lukisan di Galeri Jo Art Kiulap baru-baru ini.

Menurut Puan Yang Terutama, dengan perhatian khusus dan lebih banyak latihan, pelajar autistik akan dapat menjadi warganegara yang sangat efektif dan berdaya maju dalam masyarakat.

Dalam pada itu, PYT turut merakamkan ucapan terima kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan baginda dalam menangani pandemik COVID-19.

Terdahulu, Naib Presiden SMARTER Brunei, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang dalam ucapan alu-aluannya berkata bahawa sebanyak 50

peratus karya seni tersebut akan disumbangkan kepada SMARTER Brunei di mana selebihnya 50 peratus akan diberikan kepada artis untuk setiap pembelian.



Sebutan semula 6 defendan Musang King, 24 Februari

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Februari. - Perbicaraan menerusi *video conference* ke atas enam warga tempatan yang terlibat dalam aktiviti dadah dalam Operasi Musang King diteruskan pagi tadi di Mahkamah Majistret, di ibu negara.

Enam warga tempatan yang terlibat dalam aktiviti dadah, semasa Operasi Musang King yang dijalankan oleh Biro Kawalan Narkotik (BKN) terdiri daripada Jakaria bin Ahad (Defendan Pertama - D1); Siti Izzatul Munirah binti Ahmad (Defendan Kedua - D2); Mohammad Isamuddin bin Ahmad (Defendan Ketiga - D3); Ahmad bin Haji Tamit (Defendan Keempat - D4); Maskunah binti Wahab (Defendan Kelima - D5); dan Mohammad Saifuddin bin

Ahmad (Defendan Keenam - D6).

Ketua Majistret, Pengiran Hajah Masni binti Pengiran Haji Bahar, di sini melanjutkan tahanan reman masing-masing ke atas D1, D2, D3, D4, D5 dan D6 dan menetapkan sebutan semula kes tersebut akan diperdengarkan lagi pada 24 Februari 2021, jam 9.00 pagi.

Keenam-enam mereka didakwa di bawah Seksyen 3A Akta Penyalahgunaan Dadah (APD), Penggal 27, iaitu atas kesalahan memiliki dadah bagi tujuan mengedar Dadah Kelas 'A' yang melebihi daripada 100 gram membawa kepada hukuman

gantung hingga mati.

D1 dan D2 turut didakwa di bawah Seksyen 3 Perintah Mendapatkan Kembali Aset Jenayah, 2012, iaitu atas Kesalahan Membersihkan Wang Haram, yang boleh membawa denda tidak melebihi BND500,000 dan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

Pendakwa tertuduh dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Qamarul Affyian Abdul Rahman, sementara Roy Prabhakaran dan DC Haji Daud Ismail mewakili bagi pihak defendan.

Oleh : Nooratini Haji Abas

DARI MAHKAMAH

Dihukum kerana menyalahgunakan wang ikat jamin

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Februari. - Seorang lelaki warga tempatan dijatuhkan hukuman empat tahun penjara atas tiga pertuduhan di bawah Seksyen 409 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22.

Hukuman diputuskan oleh Hakim Muhammed Faisal bin PDJLD DSP Haji Kefli di Mahkamah Perantaraan, di sini.

Defendan, Mohd. Soffian bin Haji Kipli, didakwa secara tidak jujur telah menyalahgunakan wang ikat jamin (*cash bail bond monies*) sejumlah BND17,400 semasa berkhidmat sebagai pegawai anggota beruniform.

Bagi pertuduhan pertama, defendan menyalahgunakan wang sejumlah BND8,400 di antara 1 September 2015 dan 31 Ogos 2016.

Pada 1 September 2016 dan

31 Ogos 2017, defendan terus melakukan pertuduhan kedua dengan menyalahgunakan wang jaminan berjumlah BND5,400.

Diikuti pertuduhan ketiga, defendan menyalahgunakan wang jaminan sebanyak BND3,600 pada 1 September 2017 dan 28 Februari 2018.

Mahkamah Perantaraan juga memohon agar defendan untuk membayar wang pampasan sebanyak BND13,500 dan menetapkan tempoh bayaran tersebut selama tiga bulan bermula hari ini dan jika gagal, defendan akan dikenakan tambahan enam bulan penjara.

Pendakwa dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Emily Goh sementara DC Zainidi Abdul Hamid dan DC Sharah Abdul Hamid mewakili pihak defendan.

Padah tidak miliki pas masuk yang sah

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Februari. - Mahkamah Majistret menjatuhkan hukuman lima bulan penjara terhadap tiga orang perempuan warganegara Viet Nam selepas mengaku bersalah melanggar Akta dan Peraturan Imigresen Negara Brunei Darussalam dengan memasuki dan berada di negara ini tanpa pas yang sah.

Tran Kim Thu, 28 tahun, Huynh Thi Yen Nuong, 32 tahun dan Nguyen Thi Tuyet, 28 tahun dikenakan penjara selama tempoh lima bulan dan bermula dari tarikh ditangkap.

Ketiga-tiga tertuduh dijatuhkan hukuman itu, setelah mengaku salah di hadapan Majistret Kanan, Dayang Hajah Azrimah binti Haji Abdul Rahman mengikut Seksyen 6 (1) (c) Akta Imigresen.

Mengikut fakta kes, ketiga-tiga tertuduh didapati melakukan kesalahan itu pada 29 Disember 2020, di sekitar kawasan

Temburong. Mereka ditangkap dengan menggunakan kereta Toyota Landcruiser berwarna putih kerana disyaki melakukan kesalahan.

Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) Temburong telah mengeledah kenderaan tersebut dan menjumpai beberapa barang seperti alkohol, rokok dan daging mentah.

Setelah disiasat, didapati ketiga-tiga tertuduh tidak memiliki pas yang sah untuk memasuki Negara Brunei Darussalam (NBD).

Oleh itu, kes dipindahkan ke Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) dan ketiga-tiga tertuduh dan pemandu kenderaan tersebut dibawa ke pusat pengasingan di Berakas untuk di kuarantin selama dua minggu.

Ketiga-tiga tertuduh juga diarahkan untuk menyelesaikan kuarantin dua minggu lagi di Penjara Jerudong, di mana

ketiga-tiganya dan pemandu juga menjalani ujian *swab*.

Semasa siasatan lanjut dijalankan ketiga-tiga tertuduh telah bekerja di Limbang Sarawak dan mengaku memasuki NBD pada 29 Disember 2020 pada sekitar tengah hari tanpa melalui Pos Imigresen Puni.

Kesemua tertuduh tidak memiliki pas imigresen yang sah untuk mendapatkan pas lawatan. Kesemua tertuduh seterusnya juga mengakui bahawa mereka memasuki NBD dari Limbang, Sarawak melalui bot laju.

Tertuduh, Tran Kim Thu mengaku bahawa dia memasuki NBD untuk bertemu teman lakinya yang tinggal di sini dengan mengatur pengangkutan dengan seorang lelaki tidak dikenali di Limbang yang mengarahkannya untuk menyewa bot laju dari Limbang yang akan membawanya ke Temburong. Semua tertuduh tidak mempunyai rekod sebelumnya. Pendakwa dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Siti Khalilah bin Hussin.

Forum sempena Ulang Tahun JAMA'AT Ke-15

Berita dan Foto :
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

JERUDONG, Rabu, 10 Februari. - Jabatan Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (JAMA'AT) dan Pusat Kajian Fiqh Al-Ussrah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) mengadakan Forum Keluarga Hiwar Fiqh Al-Ussrah 2.0 yang berlangsung di Dewan Persidangan BRIDEX, Jerudong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat.

Forum tersebut bertajuk 'Teladan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Dalam Kehidupan Berkeluarga : Kaedah Pengukuhan dan Cabaran Semasa' yang dipengerusikan oleh Pegawai Penyelidik KUPU SB, Awang Mohammad Muslihuiddin Syah bin Haji Mustafa.

Tiga orang ahli panel dijemput bagi membincangkan tajuk tersebut, iaitu Penolong Ketua JAMA'AT, Mejar Ariffin bin Amit; Pengarah Pusat Kajian

Fiqh Al-Ussrah KUPU SB, Awang Hilman bin Haji Salim; dan Penguasa Da'wah dan Tabligh Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Pengiran Norhayati binti Pengiran Haji Kashran.

Pameran dan jualan buku juga diadakan dalam forum ini yang disertai oleh Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, PDI, Jabatan Mufti Kerajaan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Pusat PRIHATIN ABDB dan Empowerior Kaunseling dan Konsultan.

Forum tersebut merupakan salah satu projek sempena Ulang Tahun JAMA'AT Ke-15, bertujuan untuk menjaga kebajikan anggota dan keluarga ABDB, serta memperkukuh dan menjaga kesejahteraan ikatan keluarga yang harmoni sebagai institusi sokongan.

Turut hadir, Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar, Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera, Pegawai-pegawai Kanan,



PEMERINTAH ABDB (empat, kanan) semasa menghadiri forum sempena Ulang Tahun JAMA'AT Ke-15 yang bertajuk 'Teladan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Dalam Kehidupan Berkeluarga : Kaedah Pengukuhan dan Cabaran Semasa'.

Pegawai-pegawai dan anggota Kementerian Pertahanan, ABDB dan KUPU SB serta jemputan daripada agensi-agensi luar.



AHLI-ahli panel semasa membincangkan tajuk forum tersebut yang dipengerusikan oleh Pegawai Penyelidik KUPU SB, Awang Mohammad Muslihuiddin Syah bin Haji Mustafa.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kesan Pengambilan Makanan Segera'. Tarikh Tutup : 17 Februari 2021
2. 'Menangani Kes Buli'. Tarikh Tutup : 24 Februari 2021
3. 'Cegah, Kawal Jangkitan HIV, AIDS'. Tarikh Tutup : 03 Mac 2021

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaja jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Pendermaan darah terus dilaksanakan

Berita dan Foto :
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

GADONG, Rabu, 10 Februari. - Para penderma yang ingin menderma darah tidak boleh dalam keadaan perut kosong atau berlapar kerana ia boleh mendatangkan risiko seperti pening, pangsang dan sebagainya.

Oleh itu, sebelum menderma darah, para penderma akan diperiksa oleh pegawai perubahan mengenai tahap kesihatan dan keadaan mereka, dan perlu mengisi borang yang disediakan oleh pihak Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Kementerian Kesihatan.

Borang pemeriksaan kesihatan dan pengakuan penderma darah juga dinyatakan dengan mesej penting bagi mereka agar tidak memudaratkan orang lain, terutamanya para penerima darah itu nanti.

Dalam aspek membantu mereka yang memerlukan darah tersebut, pusat berkenaan sentiasa mengalu-alukan orang ramai yang sihat untuk menderma darah dan ke arah itu, pusat tersebut juga kerap mengendalikan aktiviti mereka agar bekalan darah sentiasa mencukupi.

Hari ini, pusat berkenaan berjaya mengumpul sebanyak 32 pain darah yang diadakan di The Mall, Gadong.

Seperti lazimnya, para penderma perlu menjalankan pemeriksaan agar sesi pendermaan darah berjalan dengan sempurna dan teratur, mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

Pusat tersebut juga bergantung kepada penderma untuk memastikan bahawa darah yang didermakan adalah selamat untuk digunakan dan informasi yang diberikan semasa temu duga adalah benar. Semua maklumat yang diberikan juga dianggap sulit.



PARA penderma darah yang ikut serta dalam Kempen Derma Darah yang diadakan di The Mall, Gadong.

Format Sambutan Hari Kebangsaan tahun ini berbeza

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

BERAKAS, Khamis, 11 Februari. - Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-37, Tahun 2021 akan diadakan pada Selasa, 11 Rejab 1442 Hijrah bersamaan 23 Februari 2021 Masihi di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara, bermula 9.00 pagi.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari pada Sidang Media Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-37, Tahun 2021 yang diadakan di Dewan Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, di sini.

Terdahulu, Dayang Hajah Nor Ashikin selaku Setiausaha Jawatankuasa Tertinggi sambutan berkenaan menjelaskan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan tith perkenan untuk berangkat bercemer duli ke majlis-majlis utama sambutan tersebut, iaitu Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyakh Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran dan Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-37, Tahun 2021.

Jelasnya lagi, format sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-37 pada tahun ini agak berbeza dari sambutan-sambutan yang lalu dengan mengambil kira situasi pandemik COVID-19 yang memerlukan negara untuk sentiasa berwaspada.

Menurutnya, untuk sambutan tahun ini, sebanyak 121 buah pasukan yang melibatkan lebih kurang 2,600 peserta dijangka akan turut serta dalam acara perbarisan lalu, di mana dibahagikan kepada beberapa kumpulan antara lain Kepala Perbarisan, Keamanan Negara, Masyarakat Bestari, Sektor Awam



SETIAUSAHA Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) (empat, kanan) pada Sidang Media Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-37, Tahun 2021 yang diadakan di Dewan Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka.

dan Swasta, Pergerakan Awam, Sektor Pendidikan dan Barisan Hadapan (Frontliners).

Sewaktu Upacara Perhimpunan Agung juga tambahannya, Persembahan Tema, iaitu Menjayakan Wawasan Negara akan dipersembahkan dan melibatkan lebih kurang 1,200 orang mewakili pelbagai agensi pembangunan negara, termasuk pegawai dan kakitangan kerajaan, swasta, persatuan, pelajar, belia dan kanak-kanak.

Latihan-latihan bagi perbarisan lalu dan acara persembahan tema katanya, telah giat diadakan di sekolah-sekolah dan kompleks-kompleks sukan, termasuk Stadium Negara Hassanal Bolkhiah, Berakas, di mana latihan bersepadu dan penuh akan diadakan bermula 17 Februari 2021, 18 Februari 2021, dan 20 Februari 2021, bermula 9.00 pagi di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan (BSB).

Menyentuh mengenai Majlis Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyakh Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran pula beliau menjelaskan, ia akan diadakan pada 22 Februari 2021 bermula 5.45 petang bertempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, BSB sebagai tumpuan utama.

Majlis Kesyukuran juga ujananya, diadakan secara serentak di semua masjid, surau dan balai ibadah di seluruh negara, iaitu bagi Daerah Tutong, tumpuan utama ialah di Masjid Hassanal Bolkhiah, Pekan Tutong; Daerah Belait, tumpuan utama di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait; manakala Daerah Temburong, tumpuan utama ialah di Masjid

Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Majlis Pengagihan Bendera Kecil dan Program Semarak Pengibaran Bendera pada tahun ini menurutnya, akan diadakan di setiap sekolah yang terpilih di keempat-empat daerah pada 15 Februari 2021, iaitu bagi Daerah Brunei dan Muara, di Sekolah Agama Pengiran Anak Puteri Mutawakillah Hayatul Bolkhiah; Daerah Tutong di Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha; Daerah Belait di Sekolah St. John; dan Daerah Temburong di Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar.

Upacara Menaikkan Bendera Besar NBD yang menandakan bermulanya pengibaran Bendera Negara tambahannya, akan diadakan pada 16 Februari 2021 bertempat di Kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah, BSB bermula 8.00 pagi, di mana tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Upacara Menurunkan Bendera Besar pula katanya, akan diadakan pada 25 Februari 2021, jam 2.15 petang juga di tempat yang sama, di mana tetamu kehormat pada majlis itu nanti ialah Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin.

Beberapa aktiviti acara-acara keraian dan sampingan ujananya, akan diadakan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-37, Tahun 2021, termasuklah Majlis Khatam Al-Quran 37 Kali pada 4 Mac

2021, yang akan diadakan secara serentak di keempat-empat daerah, iaitu Daerah Brunei dan Muara di Masjid Kampung Salambigar; Daerah Tutong di Masjid Haji Abdul Azim, Kampung Luagan Dudok; Daerah Belait di Masjid Zainab, Lumut; dan Daerah Temburong akan diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

"Tema pada tahun ini dikekalkan seperti tahun lepas, iaitu 'Menjayakan Wawasan Negara' yang secara ringkasnya masih mengekalkan fokus kepada pencapaian Wawasan Brunei 2035. Dengan tema ini juga, adalah ditekankan dengan keadaan dunia sejagat ditimpa penularan pandemik COVID-19, yang menghambat kemajuan dan keselamatan semua, situasi ini mengajar kita untuk membiasakan diri dengan kebiasaan baharu ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 selaku peta jalan, yang membentuk hala tuju dalam membangun bangsa dan negara," terangnya lagi.

Menyentuh mengenai logo sambutan tahun ini beliau menjelaskan, ia berbentuk sekuntum bunga yang mekar bagi menandakan NBD sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran dan berjaya, kehidupan yang berkualiti dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan ke arah mencapai wawasan negara, di mana keseluruhan bentuk logo menunjukkan tema pendekatan Whole of Nation bagi mencapai hasrat Brunei Maju.

Sidang Media juga diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada Pensyarah International Graduate Studies (KIGS), Dayang Siti Kamilah binti Haji Mohd.

Azrae selaku pemenang pencipta logo, dan disusuli dengan penyampaian Poster Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-37, Tahun 2021 kepada wakil setiap kementerian.

Rakyat dan penduduk diseru untuk sama-sama hadir bagi memeriahkan sambutan pada tahun ini dengan turut hadir ke majlis-majlis yang akan diadakan untuk menzahirkan kebanggaan dan semangat sebagai sebuah negara yang merdeka dan bersatu padu.

Walau bagaimanapun, seperti mana juga yang dinasihatkan oleh Kementerian Kesihatan, orang ramai juga memainkan peranan terhadap langkah-langkah berwaspada demi keselamatan dan kesejahteraan, iaitu dengan memberi kerjasama kepada pihak-pihak yang berkenaan, terutama dengan mematuhi langkah-langkah kesihatan dan kebersihan yang telah digariskan oleh Kementerian Kesihatan dan agensi yang berkaitan agar sambutan tahun ini akan dapat diraikan dengan penuh bermakna.

Selain itu, bagi individu yang kurang sihat adalah digalakkan untuk tidak menghadiri diri ke majlis-majlis berkenaan.

Juga hadir semasa Sidang Media tersebut, Penolong Kanan Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Jabatan Adat Istiadat Negara, Dato Paduka Awang Razali bin Haji Badar selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Jemputan dan Protokol; Pemangku Pengarah Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Senior Superintendent Pengiran Haji Abdul Salam bin Pengiran Haji Abdul Ghani selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Keselamatan (Sekuriti) dan Kawalan Lalulintas; Pengarah Pengangkutan Darat, Awang Haji Rozaly bin Haji Saidon selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Pengangkutan; Ketua Bahagian Kesihatan Alam Sekitar, Kementerian Kesihatan, Dr. Pengiran Haji Sirajuli Adli Pengiran Haji Jamaludin; Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Shahrul Jeffri bin Dato Paduka Haji Ibrahim selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Media dan Publisiti; Pemangku Pengarah Perkhidmatan Belia dan Sukan, Dayang Zainab binti Haji Haji Morshidi selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Acara-acara Keraian dan Sampingan; dan Pengurus Projek Green Brunei, Dayang Nazurah binti Mohd. Noor.



SETIAUSAHA Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan), KKBS semasa menyampaikan Poster Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-37, Tahun 2021 kepada wakil kementerian (kiri), manakala gambar kanan, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan), KKBS menyampaikan hadiah kepada pemenang pencipta logo Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-37, Tahun 2021, iaitu Pensyarah International Graduate Studies (KIGS), Dayang Siti Kamilah binti Haji Mohd. Azrae.



Luasnya rahmat dan ampunan Allah Subhanahu Wata'ala

tanpa bertanggung-tanggung kerana Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa menerima taubat hamba-hamba-Nya, selagi nyawa seseorang itu masih belum sampai di kerongkongnya. Daripada Ibnu Umar Radiallahuanha, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala tetap menerima taubat seseorang hamba-Nya, selama nyawa belum sampai di kerongkongnya". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Justeru, usah kita fikirkan betapa besar atau banyaknya dosa yang pernah kita lakukan akan tetapi kita lihatlah pada luasnya rahmat dan ampunan Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hamba-Nya yang ingin bertaubat dan memperbaiki diri sendiri. Daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu, aku mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Allah Subhanahu Wata'ala berfirman : "Wahai anak Adam, sesungguhnya apabila engkau memohon dan mengharap kepada-Ku, nescaya Aku ampuni dosa-dosamu yang lalu dan Aku tidak peduli. Wahai anak Adam, seandainya dosa-dosamu mencapai awan-awan di langit, kemudian engkau memohon keampunan kepada-Ku nescaya Aku mengampunimu dan Aku tidak peduli. Wahai anak Adam, sesungguhnya jika engkau datang kepada-Ku dengan dosa-dosa yang memenuhi bumi kemudian kamu menemui-Ku dalam keadaan tidak menyekutukan-Ku dengan sesuatu pun, nescaya Aku datangkan utukmu ampunan sepuh bumi pula". (Hadis Qudsi Riwayat Imam Termizi)

Taubat itu bukan hanya sekadar mengucapkan dengan lidah kalimah istighfar sedang hati kita tidak pernah menyesal dan tidak mahu berjanji untuk menjauhkan diri atau berhenti daripada melakukan perbuatan dosa dan maksiat. Para ulama telah menjelaskan bahawa terdapat beberapa syarat taubat yang mesti dipenuhi. Oleh yang demikian, sekiranya dosa yang terjadi itu berhubung dengan Allah Subhanahu Wata'ala,

maka syarat bertaubatnya ada tiga, iaitu :

Pertama : Meninggalkan perbuatan dosa dan maksiat itu dengan segera.

Kedua : Menyesali segala dosa yang telah dilakukan.

Ketiga : Bertekad dan berazam untuk tidak akan kembali melakukan perbuatan dosa dan maksiat itu.

Walau bagaimanapun jika dosa yang ada sangkut pautnya dengan sesama manusia seperti memfitnah, menzalimi orang, merampas harta benda dan yang seumpama dengannya, maka syarat bertaubatnya itu ditambah lagi satu perkara iaitu :

Keempat : Hendaklah seseorang itu memohon kemaafan daripada pihak yang dizalimi, mengembalikan hak yang telah diambil atau yang telah dirampas itu dengan menggantikan barang dan harta yang telah dirampas itu ataupun meminta dihalalkan daripada pemiliknya.

Sesungguhnya ramai di kalangan kita yang mengaku mengenal Allah Subhanahu Wata'ala dan takut akan seksa-Nya, akan tetapi masih ramai juga yang lalai dan alpa sehingga berani menderhaka kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan melakukan perbuatan mungkar, maksiat dan dosa, bagaikan tidak takut akan azab Allah Subhanahu Wata'ala. Perlu diketahui, bahawa seksa Allah Subhanahu Wata'ala itu amat berat. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Maidah, ayat 98 :

Tafsirnya : "Ketahuilah, bahawa sesungguhnya Allah sangat berat seksa-Nya dan bahawa sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih".

Agama kita ada mengajarkan cara untuk menjernih dan membersihkan jiwa agar tidak terjebak kembali melakukan perbuatan dosa setelah bertaubat. Antaranya ialah dengan menghindari tempat-tempat maksiat, melawan pujukan syaitan dan hawa nafsu, sentiasa menyesal terhadap dosa yang lalu, istiqamah, memperbanyakkan istighfar, banyak melakukan amal soleh, banyak berdoa dan sentiasa muhasabah diri.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam

dalam hadis Baginda ada memberitahu mengenai satu amalan yang jika dibaca sebanyak 100 kali dalam sehari, maka dosa seseorang itu akan dihapuskan, meskipun sebanyak buih di lautan. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Barang siapa membaca : *سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ* (Maha Suci Allah dan segala puji bagi-Nya) 100 kali dalam sehari, maka dosanya akan dihapus, meskipun sebanyak buih lautan". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Selain itu, terdapat juga amalan yang diajarkan oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, yang sekiranya dibaca maka wajib baginya masuk ke syurga. Daripada Abu Saïd Al-Khudri Radiallahuanhu mengatakan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Barang siapa yang mengatakan :

رَضِيتُ بِاللَّهِ رَبًّا وَبِالْإِسْلَامِ دِينًا وَعِمْخَمَدٍ رَسُولًا وَحَبِيبًا لَهُ الْجَنَّةُ

Ertinya : "Aku reda Allah sebagai Tuhanku, Islam sebagai agamaku dan Muhammad sebagai Rasul, maka wajib baginya untuk masuk syurga". (Hadis Riwayat Imam Abu Daud)

Akhirnya, selagi kita masih diberi peluang untuk bernafas, pohonlah taubat dan keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala sebelum terlambat kerana ajal maut itu boleh datang menjemput pada bila-bila masa sahaja. Janganlah kita malu, takut ataupun sombong untuk bertaubat mengakui segala kesalahan dan kesilapan yang telah dilakukan. Sama-samalah kita berdoa semoga kita termasuk dalam golongan mereka yang sentiasa bertaubat dan diterima taubatnya di sisi Allah Subhanahu Wata'ala serta dimasukkan ke dalam syurga Allah Subhanahu Wata'ala dengan rahmat-Nya jua. Amin Yaa Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Dia berdoa : "Ya Tuhanku! Sesungguhnya aku telah menzalimi diriku sendiri maka ampunilah aku," lalu Allah pun mengampuninya. Sesungguhnya Dialah yang Maha Pengampun lagi Maha Pengasih". (Surah Al-Qasas, ayat 16)

BERTAKWALAH kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Maidah, ayat 39 :

Tafsirnya : "Maka sesiapa yang bertaubat sesudah melakukan kejahatan itu dan memperbaiki diri maka sesungguhnya Allah menerima taubatnya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih".

Sifat manusia itu tidak pernah sunyi dan terlepas daripada membuat dosa, kesalahan dan kesilapan, sama ada dilakukan dengan sengaja ataupun tidak. Sesungguhnya ampunan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala itu amat luas. Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa membuka pintu taubatnya bagi orang-orang yang mahu bertaubat.

Oleh itu, orang yang telah sedar dan insaf akan segala kesalahan dan kesilapan yang telah dilakukan, maka mereka hendaklah menyegerakan taubat

Hidayah Allah buat 2 saudara baharu

Berita dan Foto :
Marlinawaty Hussin



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh (kiri) menyampaikan cenderahati kepada saudara-saudara baharu, Muhammad Remmy Seliong bin Abdullah dan Fatima Az-Zahra Navaja binti Abdullah (atas dan kanan).

GADONG, Jumaat, 12 Februari. - Seorang lelaki, berbangsa Iban dan seorang wanita, berbangsa Filipina memilih agama Islam sebagai pegangan hidup dengan melafazkan dua kalimah syahadah, pada Majlis Pengislaman, yang diadakan di Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Awang Remmy anak Seliong, 24 tahun, kini dikenali dengan nama Islamnya sebagai Muhammad Remmy Seliong bin Abdullah. Manakala Arlene Alterado Navaja, 48 tahun, memilih nama Islamnya sebagai Fatima Az-Zahra Navaja binti Abdullah. Majlis disempurnakan di

hadapan pegawai dari Bahagian Pengembangan Dakwah (Pengislaman), Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan lafaz ikrar Islam (dua kalimah syahadah) daripada saudara-saudara baharu yang diraikan.

Tetamu kehormat majlis, Pengarah PDI, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh, kemudian menyampaikan cenderahati kepada saudara-saudara baharu berkenaan.

Majlis diserikan dengan Dikir Marhaban dan menabur bunga rampai kepada saudara-saudara baharu, diikuti dengan bacaan Doa Selamat.

Semasa ditemui, Fatima Az-Zahra Navaja memberitahu, beliau mula berminat untuk memeluk agama Islam sejak dua tahun lalu.

"Saya mempunyai kawan yang banyak memberikan saya panduan mengenai Islam," katanya.

Beliau berasa bersyukur kerana ahli-ahli keluarganya tidak mempunyai masalah untuk menerima pegangan hidup baharunya ini memandangkan beliau juga mempunyai dua orang



saudara perempuan yang telah memeluk Islam.

Beliau menyatakan hasrat untuk mempelajari ajaran Islam dengan lebih mendalam, terutama dalam mendirikan solat lima waktu.

Sementara itu, Muhammad Remmy Seliong melahirkan rasa syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana memberikan hidayah kepada beliau untuk memeluk agama yang suci itu.

Beliau menambah, kawan-

kawan yang beragama Islam banyak membantunya untuk mendalami agama berkenaan. Di samping itu, beliau turut menerima sokongan daripada para ahli keluarganya.

Mengikut statistik, keramaian orang yang memeluk agama Islam di negara ini sepanjang tahun 2020 ialah 436 orang, manakala keramaian yang didaftarkan memeluk agama Islam sejak awal tahun 2021 ialah 46 orang.

'Sumpah' bawa tuah kepada Nur Hazirah



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



PEMANGKU Pengarah RTB, Awang Haji Azman bin Haji Abdul Rahim semasa menyampaikan hadiah kepada juara Pertandingan Best 914 Ke-16, Nur Hazirah binti Muhd. Jamal (atas kiri), manakala gambar atas, para peserta yang mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut, sementara gambar bawah kanan, antara persembahan daripada artis tempatan dalam pertandingan tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Februari. - Nur Hazirah binti Muhd. Jamal dinobatkan sebagai juara pada Pertandingan Best 914 Ke-16 anjuran Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB) yang berlangsung di Dewan Raya, RTB, di ibu negara.

Beliau yang mendendangkan lagu 'Sumpah' berjaya membawa pulang wang tunai berjumlah BND1,000 berserta trofi, sijil, baucar bernilai BND500 sumbangan Firoz Jaya Silkhouse and Textile Palace, penginapan tiga hari dua malam di Rimbun Suites Residence, *goodies bag* sumbangan Incomm Sdn. Bhd. serta sebuah lagu dan muzik video

untuk diterbitkan sumbangan unit Pelangi FM.

Sementara naib juara disandang oleh Mohd. Shahzerul Ezam bin Haji Mohd. Amiryadi pula membawa wang tunai BND800 berserta trofi, sijil, baucar sumbangan Firoz Jaya Silkhouse and Textile Palace bernilai BND350 selain penginapan di Rimbun Suites Residence selama tiga hari dua malam juga *goodies bag* sumbangan Incomm Sdn. Bhd.

Manakala Siti Khadziah@Rini binti Haji Sahak pula menduduki tempat ketiga dengan membawa pulang wang tunai BND600 berserta trofi, sijil, baucar sumbangan Firoz Jaya Silkhouse

and Textile Palace bernilai BND250, penginapan di Rimbun Suites Residence selama dua hari semalam; juga *goodies bag* sumbangan Incomm Sdn. Bhd.

Bagi penerima Star Best 914 berdasarkan kepada undian tertinggi di Instagram @pfm.best914 pula, menjadi milik Abu Khalif bin Nawang dengan menerima wang tunai BND200 berserta trofi.

Empat penerima saguhati juga masing-masing menerima wang tunai BND300, sijil, baucar bernilai BND100 sumbangan Firoz Jaya Silkhouse and Textile Palace berserta *goodies bag* sumbangan Incomm

Sdn. Bhd.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang dan peserta disempurnakan oleh Pemangku Pengarah RTB, Awang Haji Azman bin Haji Abdul Rahim yang juga selaku tetamu kehormat majlis.

Pertandingan tersebut merupakan salah satu usaha berterusan RTB untuk mencari bakat baharu dalam bidang nyanyian, dan ia juga

merupakan platform bagi para peserta menyerlahkan bakat masing-masing.

Seramai tujuh peserta mengambil bahagian dalam pertandingan berkenaan.

Pertandingan diadakan secara tertutup dan hanya dihadiri oleh ahli terdekat para peserta serta dihadkan keramaiannya.

Para hadirin juga dikehendaki memakai sungkup muka sepanjang pertandingan.



Republik Rakyat China sumbang vaksin untuk

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Februari. - Republik Rakyat China menyumbangkan vaksin Sinopharm ke Negara Brunei Darussalam (NBD) pada 9 Februari 2021.

Pada bulan Mac 2020, iaitu pada permulaan pandemik COVID-19, NBD memberi sumbangan bantuan kepada Republik Rakyat China.

Justeru, sumbangan berkenaan adalah berasaskan 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing', dan menekankan kerjasama dua hala yang erat dalam mencegah pandemik COVID-19, dan merupakan komitmen terhadap memperkuat lagi kerjasama sempena Memperingati Ulang Tahun Ke-30 Hubungan Diplomatik di antara kedua buah negara tahun ini.

Pada masa ini, Kementerian Kesihatan masih lagi meneliti perancangan bagi pembahagian vaksin COVID-19 termasuk vaksin berkenaan kepada orang ramai di NBD menurut keutamaan yang disarankan.

Orang ramai akan dimaklumkan mengenai maklumat dan nasihat kesihatan berkaitan dengan vaksin COVID-19.

Manakala dalam pemberian vaksin COVID-19 nanti, orang ramai akan dimaklumkan menerusi aplikasi BruHealth.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Kesihatan sekali lagi menasihatkan orang ramai untuk mengaktifkan penggunaan aplikasi BruHealth.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

COVID-19 : 1 kes baharu disahkan

Siaran Akhbar dan Infografik :
Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Februari. - Satu kes baharu disahkan hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) kini meningkat sebanyak 183 kes, sekali gus mencatatkan sebanyak 42 kes import setakat ini.

Kes 183 ialah seorang anak damit, berumur 1 tahun 7 bulan yang tiba ke negara ini dari Bangladesh melalui Kuala Lumpur dengan menaiki Penerbangan Diraja Brunei BI874 pada 28 Januari 2021. Pada masa ini, kes ini sedang berada di Pusat Pengasingan Kebangsaan bagi

rawatan dan pemantauan.

Pengesanan kontak (*contact tracing*) mendapati terdapat tiga orang kontak terdekat bagi kes ini.

Menerusi Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, lima kes aktif sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan kesemuanya berada dalam keadaan yang baik.

Kementerian Kesihatan juga memaklumkan, NBD mencatatkan 280 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan pada 6 Mei 2020.

Menurut Kementerian Kesihatan lagi, seramai 576 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 12,704 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.



Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 287 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 94,605 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Ringkasan Kes			
Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
1	183		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	5	3	175
Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19		Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan	
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (280 hari yang lalu)		42 Kes	
Ringkasan Pengasingan Diri			
Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori		Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)	
576		12,704	
Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2			
Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam		Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)	
287 sampel		94,605	

Jumlah perdagangan NBD menurun 39.5 peratus

Siaran Akhbar dan Infografik :
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik





BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Februari. - Pada bulan November 2020, Negara Brunei Darussalam (NBD) mencatatkan nilai jumlah perdagangan sebanyak BND1,263.4 juta, iaitu penurunan sebanyak 39.5 peratus daripada BND2,087.1 juta pada bulan yang sama tahun 2019. Manakala bagi perubahan bulan-ke-bulan, jumlah perdagangan bagi bulan November 2020 menurun sebanyak 14.1 peratus berbanding dengan bulan Oktober 2020. Jumlah eksport menurun sebanyak 51.1 peratus tahun-ke-tahun kepada BND545.7 juta berbanding BND1,113.9 juta pada November 2019.

Ini disebabkan terutamanya oleh penurunan eksport Bahan Api Galian kepada BND405.8 juta (November 2020) daripada BND1,024.1 juta (November 2019). Penurunan eksport Bahan Api Galian adalah disebabkan oleh penurunan eksport Minyak Mentah kepada BND64.5 juta (November 2020) daripada BND255.6 juta (November 2019) dan juga penurunan Gas Cecair Asli (LNG) kepada BND165.5 juta (Oktober 2020) daripada BND363.1 juta (November 2019). Penurunan eksport Minyak Mentah dan LNG tersebut adalah disebabkan oleh permintaan global yang perlahan dan penurunan

harga. Jumlah isi padu eksport Minyak Mentah menurun kepada 48.78 ribu tong sehari (November 2020) daripada 91.22 ribu tong sehari (November 2019), sementara purata harga eksport Minyak Mentah menurun kepada USD41.32 setong (November 2020) daripada USD68.62 setong (November 2019). Manakala bagi LNG, purata harga eksport menurun kepada USD6.06 per MMBtu (November 2020) daripada USD9.55 per MMBtu (November 2019). Sementara itu, jumlah isi padu eksport LNG pula menurun kepada 675,165 MMBtu sehari (November 2020) daripada 895,178 MMBtu sehari (November 2019).

Jumlah eksport juga disumbangkan oleh eksport Produk Petroleum dan Gas bernilai BND175.7 juta. Dari segi komoditi mengikut seksyen, Bahan Api Galian merupakan penyumbang utama kepada eksport NBD sebanyak 74.4 peratus, diikuti dengan Kimia (21.7 peratus), pelbagai Barang Keluaran Kilang (1.4 peratus), Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan (1.4 peratus) dan Barang Keluaran Kilang (0.3 peratus). Pasaran eksport utama pada bulan November 2020 adalah Singapura (25.6 peratus), diikuti oleh Republik Rakyat China (22.4 peratus) dan Jepun (18.4 peratus). Bagi import, jumlah nilai menunjukkan penurunan kepada BND717.7 juta (November 2020) daripada BND973.2 juta (November 2019), terutamanya disebabkan oleh penurunan import Bahan Api Galian dan Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan. Lima komoditi import utama pada bulan ini adalah Bahan Api Galian (42.8 peratus), diikuti oleh Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan (20.7 peratus), Barangan Kelengkapan Pengangkutan (11.9 peratus), Makanan (9.3 peratus) dan Kimia (8.6 peratus).



Penanaman pokok sokong Protokol Hijau

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BERAKAS, Khamis, 11 Februari. - Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan diberikan tanggungjawab bagi memastikan kesemua 200 pokok yang ditanam pada hari ini hidup dan tumbuh dalam tempoh pemantauan selepas satu tahun.

Pemangku Pesuruhjaya Tanah, Awang Haji Yunaidi bin Haji Yunus ketika ditemui di Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas di sini berkata bahawa penanaman anak pokok yang dijalankan hari ini berjumlah sebanyak 160 pokok bagi fasa pertama dengan



PEMANGKU Pesuruhjaya Tanah, Awang Haji Yunaidi bin Haji Yunus semasa menanam pokok yang diadakan di Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas bagi sama-sama menyokong Protokol Hijau.

melibatkan seramai lebih kurang 40 pegawai dan kakitangan Jabatan Tanah. Sementara itu, selebihnya ujar Awang Haji Yunaidi, akan ditanam bagi fasa berikutnya.

Awang Haji Yunaidi juga menambah bahawa sekiranya ada sebahagian pokok tidak menjadi, maka pihak jabatan akan menanam semula dengan anak pokok yang baharu.

Penanaman pokok yang dijalankan itu, jelasnya lagi, merupakan sebahagian inisiatif bagi menyokong protokol hijau bersempena Tahun Tindakan Iklim Negara Brunei Darussalam 2021 dan sebagai tindakan pendekatan secara menyeluruh protokol hijau.

Inisiatif penanaman pokok yang dibuat pada hari ini katanya, bagi mengurangkan tenaga dan pengurangan penggunaan plastik.

Adapun lima jenis anak pokok yang ditanam ialah yang bersesuaian dengan keadaan hutan antaranya Kapur Paya, Keruing Sindor, Kapur Bukit, Keruing Layang, Mang, Meranti Kawang Tikus dan juga Meranti Kawang Jantung.

Dasar Perubahan Iklim Pertama yang menggariskan 10 strategi utama bagi peralihan kepada



PENANAMAN pokok merupakan sebahagian inisiatif bagi menyokong Protokol Hijau.

sebuah negara yang mengeluarkan karbon yang rendah dan iklim yang berdaya tahan dengan menetapkan hala tuju tindakan iklim bagi tempoh akan datang bermula dengan pelaksanaan Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (BNCCP) pada tahun ini.

Protokol Hijau merupakan satu garis panduan bagi sektor kerajaan untuk melaksanakan BNCCP dengan menggariskan bahagian-bahagian yang mempunyai peluang-peluang amalan hijau

dalam operasi harian, seperti tenaga dan air, pengurusan sampah dan penggunaan kertas dan seterusnya akan mendorong dalam amalan-amalan hijau bagi mengatur acara-acara kebangsaan dan menangani pokok yang terjejas daripada projek-projek kerajaan.

Dari itu, kemuncak Protokol Hijau ialah menjadikan premis kerajaan sebagai 'Zon Bebas Botol Plastik' dan penanaman sehingga 26,000 pokok menjelang penghujung tahun 2021.

Pemendekan program Ijazah Sarjana Muda menjadi 3 tahun



DEKAN School of Applied Sciences and Mathematics, Dr. Namasivayam Navaranjan (kiri), Dekan Centre for Communication, Teaching and Learning, Dr. Norihan binti Abu Hassan (tengah) dan Dekan School of Design, Penolong Profesor Dr. Ahmad Syamaizar bin Haji Ahmad Sabli (kanan) semasa ditemu bual.

TUNGKU LINK, Rabu, 10 Februari. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) mengumumkan akan memendekkan jangka masa program Ijazah Sarjana Muda dari empat tahun menjadi tiga tahun sebagai sebahagian usaha untuk menjadikan graduannya lebih kompetitif dalam pasaran pekerjaan.

Selepas menjalankan penyelidikan yang diperlukan, UTB mendapati bahawa program empat tahun kurang menarik bagi bakal pelajar berbanding universiti yang menawarkan ijazah tiga tahun seumpamanya seperti di United Kingdom, Australia dan beberapa negara lain.

Menurut Naib Canselor UTB, Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman, penyusunan semula program akademik ini akan menyelaraskan universiti ini dengan universiti-universiti lain di dunia malah kerjasama dengan mereka akan lebih mudah.

Ujarnya lagi, tempoh pengajian yang lebih pendek juga akan memberi peluang kemasukan pelajar ke pasaran pekerjaan,

memberi mereka kelebihan berbanding pelajar dalam program empat tahun dan dengan mempunyai kursus pendek akan menjadikan universiti ini lebih menarik kepada bakal pelajar, tempatan dan antarabangsa sekali gus memberikan strategi kompetitif untuk meningkatkan pendaftaran ke universiti ini.

Tambahnya, dengan adanya pandemik COVID-19 ini masih menyebabkan banyak ketidakpastian, lebih ramai pelajar tempatan yang tidak akan dapat belajar di luar negara dan kerana itu juga UTB mengemukakan pilihan terbaik kepada mereka.

"Antara 569 responden yang ditinjau untuk kajian itu, yang terdiri daripada bakal pelajar, profesional industri dan orang ramai, 79 peratus berkata mereka lebih suka tempoh tiga tahun berbanding program empat tahun. Ia akan memendekkan masa yang diperlukan untuk kajian akademik dan melahirkan lebih ramai profesional untuk industri di mana terdapat kekurangan pekerja mahir, seperti ICT.

"Objektif kami adalah untuk menyediakan pelajar-pelajar kita dengan kursus-kursus pendek yang relevan, cekap dan lebih sesuai untuk kerja-kerja dalam industri berkaitan. Kami mahu memastikan bahawa kemahiran dan pengetahuan belajar di sini masih relepan selepas tiga tahun, dan tidak cepat dilupakan," terangnya.

Bagi pengambilan 2021/2022, tempoh pengajian akan dikurangkan kepada tiga tahun bagi program berikut, Bachelor of Business (Honours) Degree Programmes di School of Business; Bachelor of Sciences (Honours) Degree Programmes di School of Computing and Informatics; School of Applied Science and Mathematics; School of Design; dan Centre for Communication, Teaching and Learning.

Tempoh pengajian juga akan dikurangkan kepada tiga tahun bagi pelajar kohort BSc (Hons) Architecture dari pengambilan 2018/2019, 2019/2020 dan 2020/2021.

UTB akan menawarkan enam Program Ijazah Baharu bermula

Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Teknologi Brunei

2021, termasuk Rekaan Fesyen, Agroteknologi dan Komunikasi.

Universiti juga akan menawarkan beberapa program ijazah baharu tahun ini, sekali gus memberikan peluang yang menarik untuk bakal pelajar.

Program baharu yang ditawarkan untuk pengambilan 2021/2022, adalah BSc (Hons) in Fashion Design and Technology, BSc (Hons) in Agrotechnology (Minor in Business); BSc (Hons) in Mathematical Finance; BSc (Hons) Communication; MSc (by coursework) in Communication (sepenuh masa); dan MSc (by coursework) in Communication (separuh masa).

Sebagai institusi pengajian tinggi tempatan pertama yang menawarkan rekaan fesyen, calon pelajar akan menjadi perintis dalam industri fesyen di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sementara, Dekan School of Design, Penolong Profesor Dr. Ahmad Syamaizar bin Haji Ahmad Sabli menjelaskan, kursus ini merupakan laluan bagi mereka untuk menjadi usahawan dalam industri fesyen.

"Di peringkat global, industri fesyen bernilai AS3 trilion. Program ini secara langsung akan menyokong industri kreatif di NBD dan mempunyai potensi untuk berkembang di peringkat serantau dan global.

Dr. Ahmad Syamaizar berkata, generasi pada masa depan menunjukkan minat yang tinggi dalam kursus ini dengan lebih daripada 50 peratus responden mengatakan bahawa mereka berminat untuk mengikuti program ini.

Satu lagi pencapaian penting bagi NBD, UTB akan menawarkan ijazah agroteknologi pertama di negara ini dengan tujuan untuk mewujudkan lebih ramai pakar tempatan dalam industri pertanian di negara ini.

"Pertumbuhan sektor pertanian dan perniagaan tempatan diharapkan akan terus signifikan pada tahun-tahun mendatang, program sarjana dalam teknologi pertanian pada masa ini belum dapat menyediakan graduan bagi permintaan tenaga kerja yang semakin meningkat di sektor ini," kata Dekan School of Applied Sciences and Mathematics, Dr. Namasivayam Navaranjan.

Ketika ditanya bagaimana program UTB akan berbeza dengan program pertanian yang ditawarkan di sekolah vokasional, Dr. Namasivayam mengatakan bahawa pengajian tersebut akan memberi pelajar lebih banyak pemahaman tentang kesan dasar global dan tempatan terhadap ekonomi pertanian, selain memberikan pengalaman praktikal dan lapangan kerja.

"Program agroteknologi kami menyediakan pengetahuan teori dan praktikal yang diperlukan dalam agri perniagaan, dan juga dalam teknologi pertanian tradisional dan moden yang mampan," ujarnya.

School of Applied Sciences and Mathematics juga akan memperkenalkan Ijazah Sarjana Muda baharu dalam Matematik Kewangan, di mana pelajar akan

mempelajari teknik-teknik matematik dan statistik untuk menganalisis set data besar bagi data kewangan.

"Sektor kewangan akan menjadi lebih berkemahiran dan intensif daripada ekonomi yang lain. Pekerjaan dalam industri kewangan moden memerlukan kemahiran teknikal untuk menganalisis data kewangan dan membina model matematik," kata Dr. Namasivayam.

Beliau menambah bahawa graduan juga berkelayakan untuk memulakan kerjaya sebagai penganalisis kewangan, rakan penyelidikan, peniaga kuantitatif, aktuari, dan mereka akan mempunyai satu set kemahiran kompetitif untuk pekerjaan di mana analisis kuantitatif dan pengendalian data adalah penting.

Kumpulan program baharu terakhir bagi 2021 adalah dari Centre for Communication, Teaching and Learning, yang akan menawarkan BSc dalam Komunikasi dan MSc dalam Komunikasi (melalui kerja kursus) untuk pelajar sepenuh masa dan separuh masa.

Matlamat program ijazah pertama untuk membangunkan keupayaan komunikatif pelajar melalui kemahiran lisan dan bukan lisan, di samping mendedahkan mereka kepada teori-teori komunikasi semasa dan latihan program sarjana.

Menurut Dekan Centre for Communication, Teaching and Learning, Dr. Norihan binti Abu Hassan kursus-kursus ini disasarkan kepada mereka yang mahu menjadi penulis yang mahir atau penceramah dan penyampai yang luar biasa, penekanan akan diberikan kepada mesej, penjenamaan strategi, pengeluaran media, strategi dan komunikasi, penulisan berkesan dan analisis terhadap isu-isu yang kritikal.

Beliau juga berkata, UTB memutuskan untuk memperkenalkan pengajian komunikasi selepas maklum balas daripada sektor perhubungan awam dan komunikasi korporat yang mendedahkan bahawa terdapat kumpulan yang sangat kecil yang berkebolehan dan berkemahiran untuk kerjaya dalam komunikasi.

"Atas permintaan untuk keupayaan komunikasi meningkat dalam banyak sektor, adalah penting bagi kita memiliki graduan yang berkualiti dalam bidang ini. Graduan boleh bekerja dalam pelbagai bidang, yang terdiri daripada media dan perhubungan awam kepada pengurusan korporat, pengiklanan dan sumber manusia," jelasnya.

Dengan perubahan baharu dan memperluas bidang program ijazah yang menarik ini pada tahun 2021, pihak UTB yakin pelajar akan mendapat pengalaman akademik yang bertaraf global.

Lulusan UTB akan lebih yakin setelah mengetahui bahawa mereka mempunyai asas akademik yang kuat dan pengalaman langsung yang akan membezakan mereka dari bidang yang lain dan membentuk mereka menjadi masyarakat yang berguna.



UNIVERSITI Teknologi Brunei (UTB) akan memendekkan jangka masa program Ijazah Sarjana Muda dari empat tahun menjadi tiga tahun sebagai sebahagian usaha untuk menjadikan graduannya lebih kompetitif dalam pasaran pekerjaan.

Pelajar cemerlang terima anugerah

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama
Foto : Ihsan Md. Khairol Hussaini Awang Hamidun

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 12 Februari. - Bagi meningkatkan motivasi khususnya dalam kalangan siswa-siswi, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah

(ITQSHHB) mengadakan Majlis Anugerah Siswa-Siswi Cemerlang Diploma 'Aliyah Qiraat 2021 berlangsung di Musolla, Institut berkenaan, baru-baru ini. Melalui penganugerahan

tersebut juga diharap dapat memberi galakan kepada siswa-siswi untuk terus gigih dan sentiasa berusaha dalam menghadapi peperiksaan yang akan datang.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Pemangku Pengetua ITQSHHB, Pengiran Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit. Majlis turut dihadiri oleh ibu bapa, pegawai-pegawai,

guru-guru dan kakitangan serta siswa-siswi Diploma 'Aliyah Qiraat, ITQSHHB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan persembahan bacaan Al-Quran berserta Qiraat yang disampaikan oleh Awang Ahmad Ridwan Azzawani bin Zainul Arifin, siswa Tahun 2 Diploma 'Aliyah Qiraat, ITQSHHB diikuti dengan ucapan dari Pemangku Pengetua ITQSHHB, Pengiran Haji Amiruddin.

Acara disusuli dengan ceramah motivasi yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin yang juga merupakan bekas penuntut institut berkenaan.

Penyampaian hadiah dan anugerah kepada siswa-siswi cemerlang bagi dibahagikan kepada beberapa kategori.

Anugerah Cemerlang Tahfiz Al-Quran diberikan kepada seramai 27 siswa-siswi Tahun 1, 16 orang di Tahun 2 dan 14 orang di Tahun 3.

Manakala, seramai lapan orang siswa-siswi Tahun 1 menerima Anugerah Cemerlang Qiraat Ilmi, sementara Anugerah Cemerlang Qiraat Ilmi dan Amali diberikan kepada empat orang siswa-siswi Tahun 2 dan tujuh orang siswa-siswi Tahun 3.

Bagi Anugerah Cemerlang Melayu Islam Beraja (MIB) pula



CERAMAH motivasi disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin.

diberikan kepada lima orang penerima manakala Anugerah PNGK Mumtaz diberikan kepada seramai 35 orang siswa-siswi masing-masing di Tahun 1, 2 dan 3. Enam orang lagi pula diberikan Anugerah Kehadiran Terbaik mewakili Tahun 1, 2 dan 3.

Majlis tersebut diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dibacakan oleh Awang Muhammad Azim bin Haji Ali.



PEMANGKU Pengetua ITQSHHB, Pengiran Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit menyampaikan hadiah dan anugerah kepada salah seorang siswi cemerlang yang diraikan.

Barista perlu ada minat, ilmu mengenai kopi



PENGURUS Coffee Field Café & Resto, Awang Nur Azlan bin Abdul Rahman semasa ditemu bual.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 12 Februari. - Kerjaya sebagai seorang Barista itu bukan hanya tahu membancuh minuman kopi sahaja tetapi perlu mengetahui pengendalian mesin dan penyimpanan biji kopi, di samping mempunyai minat dan pengetahuan yang luas mengenai variasi kopi.

Seorang Barista juga perlu mempunyai kerjasama yang kukuh bersama kumpulan rakan sekerja dan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) di tempat kerja bagi mengurangkan kesulitan dalam menjalankan tugas, terutama sekali semasa pertukaran syif dan penyediaan mesin.

Perkara tersebut antara yang dikongsikan oleh Pengurus Coffee Field Café & Resto, Awang Nur

Berita dan Foto :
Hernie Suliana Haji Othman



SALAH seorang Barista pelatih di Coffee Field Café & Resto, Awang Muhammad Khairiafiq bin Haji Sirat mengongsikan pertama kali melihat Latte Art, iaitu penyediaan minuman kopi dengan menuang buih mikro dari susu yang dipanaskan ke dalam cawan espresso.

Azlan bin Abdul Rahman yang juga merupakan seorang Barista dengan pengalaman hampir empat tahun, semasa ditemu bual baru-baru ini oleh Pelita Brunei mengenai kerjaya sebagai seorang Barista.

Barista itu, menurutnya, ialah pekerja pembancuh minuman biasanya minuman panas di kedai kopi seperti kafe, untuk membuat kopi dan minuman lain berasaskan biji kopi seperti espresso, Café Latte dan sebagainya.

Untuk menjadi Barista memerlukan minat dan

pengetahuan yang luas mengenai kopi, jenis-jenis biji kopi, campuran nisbah yang betul, termasuk suhu bahan-bahan mentah seperti susu dan air untuk menghasilkan secawan kopi yang enak dan tersendiri.

"Menu minuman kopi pula bergantung kepada resipi sesebuah kedai di mana dengan kreativiti Baristanya, boleh menghasilkan minuman yang unik untuk kedai tersebut dan ini memerlukan latihan dan praktis yang berterusan kerana keunikan tersebut dihasilkan daripada jenis biji kopi

MINISTRY OF EDUCATION
BRUNEI DARUSSALAM

HIGHER EDUCATION VIRTUAL EXPO 2021

15-21 Februari | 9:00am to 5:00pm

Visit us at <http://heexpo.moe.gov.bn/>

dan teknik yang berlainan," tambahnya.

Dalam mengharungi cabaran sebagai Barista, Awang Nur Azlan berasakan kemahiran tersebut perlu diasah dan ditingkatkan setiap masa, dengan mempelajari teknik baharu, mengemas kini pengetahuan mengenai biji kopi sebagaimana diperlukan.

Menyentuh mengenai latihan Barista, beliau mengongsikan adanya komuniti yang menyediakan kursus bagi yang berminat untuk mempelajari selok-belok menjadi Barista, seperti Kommune Coffee Academy (Instagram: *kommunecoffee*).

Salah seorang Barista pelatih di Coffee Field Café & Resto, Awang Muhammad Khairiafiq bin Haji Sirat mengongsikan pertama kali melihat Latte Art, iaitu penyediaan minuman kopi dengan menuang buih mikro

dari susu yang dipanaskan ke dalam cawan espresso yang menghasilkan corak atau reka bentuk yang menarik menimbulkan minatnya untuk mempelajari tentang pembancuhan kopi.

Sebagai seorang pelatih, beliau dikehendaki mematuhi SOP dan bijak mengendalikan pesanan pelanggan, seperti menyediakan pesanan minuman yang lebih cepat atau lambat disiapkan dan membuat latihan sendiri pada luar waktu bekerja dengan menggunakan mesin espresso sendiri.

Kerjaya sebagai Barista dilihat semakin meningkat dalam kalangan belia dan ini merupakan tanda yang positif, kerana kemahiran tersebut ialah kemahiran sepanjang hayat dan seseorang itu boleh sahaja memulakan perniagaan membuka kedai kopi sendiri jika mempunyai keinginan.

Yayasan Food Street meriahkan suasana ibu negara



PENGURUS Pemasaran Wadah Amal Sdn. Bhd., Awang Norfiridus Rashid semasa berucap.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 12 Februari. - Sebanyak 13 perniagaan makanan dan minuman tempatan mengambil bahagian dalam Yayasan Food Street, yang dilancarkan hari ini, di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal

Bolkiah (YSHHB), di ibu negara.

Pengurus Pemasaran Wadah Amal Sdn. Bhd., Awang Norfiridus Rashid berkata, penubuhan Yayasan Street Food itu adalah bagi memeriahkan lagi suasana ibu negara dan mewujudkan imej yang akan mewakili kompleks berkenaan sebagai salah sebuah destinasi pilihan di negara ini.

Menurutnya, salah satu keutamaan YSHHB adalah bagi menyediakan platform untuk perniagaan-perniagaan tempatan berkembang.

Beliau menjelaskan, penyewaan selama tiga bulan ditawarkan kepada 13 peniaga bagi kitaran pertama Yayasan Food Street, bermula Februari 2021 hingga Mei 2021.

Tambahnya, Kompleks YSHHB komited dalam memastikan

kemampuan platform ini dan yakin Food Street tersebut akan memberikan hasil positif, di samping menambah sumbangan berharga pada portfolio para peserta.

Yayasan Food Street beroperasi dari jam 5.00 petang hingga 11.00 malam, pada Isnin hingga Sabtu, dan dari jam 6.00 petang hingga 11.00 malam, pada setiap Ahad.

Perniagaan-perniagaan yang menyertai terdiri daripada Jaddams; The Cucur Factory; Crepes Lab; Kofta Diva; Star Anise; Stop Lok Go; Pyorr BN; D Frenz; Satay Makanan Lazat; Marvelous; Marzu; Ala Wani; dan MHHNS.a

ANTARA peniaga yang mengambil bahagian pada Yayasan Street Food.

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin



Batasi penggunaan gadget anak awda

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 12 Februari. -

Sebelum zaman telefon pintar diperkenalkan, salah satu cara ibu bapa mendiamkan dan memanjakan anak-anak kecil mereka ialah dengan memberikan pelbagai jenis mainan.

Tetapi kini, zaman semakin canggih dan sudah berbeza apabila ibu bapa gemar memberikan telefon pintar atau tablet khas untuk anak-anak supaya tidak mengganggu dan merosakkan keadaan atau berbuat bising.

Baru beberapa bulan dilahirkan ke dunia, sudah didedahkan dengan telefon pintar melalui tayangan video, mendengarkan muzik atau sebarang permainan yang dianggap dapat membantu pembentukan sel-sel otak anak-anak mereka.

Alasan lain, ibu bapa memberikan anak mereka telefon pintar adalah demi membahagiakan anak dengan memberikan hadiah *gadget* pada hari lahir mereka, di samping memuat turun pelbagai jenis permainan, video dan aplikasi pembelajaran selaras dengan kemajuan teknologi kini ke dalam *gadget* tersebut.

Terdapat beberapa kesan buruk akibat penggunaan *gadget* terhadap anak damit dan kanak-kanak, antaranya adalah kanak-kanak akan menjadi sukar untuk tidur kerana hampir semua layar mengeluarkan *blue light* yang menyerupai cahaya siang hari, di mana cahaya tersebut dapat mengirimkan isyarat pada otak anak dan membingungkan tubuh manusia.

Terlalu kerap menatap layar skrin juga menyebabkan mata menjadi suram, kering dan kerap sakit kepala, selain boleh membawa pada kerosakan mata.

Selain itu, mereka akan kurang bergerak atau membuat pergerakan fizikal kerana sudah menjadi kebiasaan seorang kanak-kanak normal untuk terus bergerak, berlari, melompat, menari dan bermain untuk membantu pertumbuhan fizikal sihat dan

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



KESAN penggunaan gadget, seperti telefon bimbit atau tablet khas boleh memberi kesan yang positif jika digunakan dengan betul di bawah jagaan ibu bapa (atas dan bawah kanan).

kuat.

Namun anak-anak sekarang terlalu selesa bermain *gadget* yang sudah pasti hanya duduk diam dan ini, memberikan kesan buruk kepada anak, di mana jika berterusan, anak boleh menjadi obesiti.

Oleh itu, disaran agar ibu bapa moden untuk lebih kerap membawa anak-anak mereka melakukan aktiviti fizikal, seperti bermain bola, berenang, basikal atau kegiatan lain yang membuat mereka melakukan pergerakan yang banyak.

Terlalu lama bermain *gadget* juga boleh menyebabkan sakit pada beberapa bahagian tubuh, seperti bahu, leher, punggung, tangan dan jari.

Oleh yang demikian, adalah perlu untuk mengajarkan anak berehat dan ajarkan mereka posisi duduk yang betul dan posisi *gadget* jangan sampai lebih tinggi dari mata kerana ini mengurangkan kesan pada leher kerana terlalu lama mendongak.

Pengguna *gadget* tetap mampu

untuk bersosial dengan melakukan interaksi melalui pelbagai aplikasi yang ada, namun anak-anak perlu memiliki kemampuan membaca emosi orang lain, caranya dengan melakukan interaksi langsung melalui sua muka. Itu sebabnya, batasan waktu dalam penggunaan *gadget* adalah jalan keluar terbaik untuk mereka.

Penggunaan *gadget* dalam kalangan kanak-kanak juga boleh menimbulkan rasa cemas berlebihan, gangguan mental, perilaku agresif, menjadi pelupa dan ketagih, terkena gelombang radiasi juga tiada masa depan.

Anak-anak adalah masa depan kita, tapi tiada masa depan bagi anak-anak yang terlalu kerap menggunakan teknologi canggih kerana pembelajaran menerusi *gadget* tidak akan bertahan lama dalam ingatan anak-anak.

Oleh sebab itu, pendekatan pendidikan melalui atau penggunaan *gadget* bagi anak-anak perlu dibatasi.

Jadi mulai saat ini, diharap ibu bapa sebaiknya jangan terlalu

Sayembara Penulisan Novelet : Usaha terbitkan karya kreatif berkualiti, berdaya saing

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 12 Februari. - Novelet secara amnya bermaksud novel pendek yang melebihi penulisan cerpen dan lebih pendek daripada penulisan novel.

Justeru, dalam usaha memperkaya khazanah sastera tanah air, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Perancangan Buku akan terus-menerus berusaha menerbitkan karya kreatif yang berkualiti, berdaya saing dan memiliki prospek kebolehpasaran. Ke arah itu, bahagian ini berhasrat mengadakan Sayembara Penulisan Novelet.

Sayembara ini merupakan usaha jabatan dalam memupuk dan menarik penulis baharu untuk berkarya, di samping mampu mempertingkatkan kualiti dan kuantiti penerbitan jabatan sebagai sumber bacaan, baik di peringkat dalam negara mahupun luar negara.

Penyertaannya telah dibukakan bagi orang ramai, guru-guru, mahasiswa dan mahasiswi, para pelajar di peringkat prauniversiti mahupun para penggiat sastera, di mana tarikh tutup penyertaan adalah hingga Rabu, 30 Jun 2021, 4.00 petang.

Peserta hendaklah menggunakan borang yang disediakan oleh pihak penganjur.

Borang dan karya yang lengkap hendaklah dikembalikan kepada pihak Urus Setia Sayembara Penulisan Novelet, Bahagian Perancangan Buku, Aras Bawah dan Aras 1, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Lima hadiah penghormatan berupa wang tunai bakal menanti awda.

Sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat pertandingan juga maklumat lanjut mengenainya, bolehlah menghubungi menerusi talian +673 2382511 sambungan 179, 183, 187, 193, dan 197.

menganggap remeh *gadget* pintar yang digunakan anak tercinta dan penggunaan tanpa pengawasan atau panduan ibu bapa juga akan merugikan anak itu sendiri.

Meluangkan masa bersama anak-anak lebih berharga daripada memberikan peranan ibu bapa kepada telefon pintar untuk mengawasi anak-anak.



Memperkukuh semangat kenegaraan



SUASANA pada taklimat bertajuk 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam'.

Berita dan Foto :
Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Februari. - Seramai 326 penuntut Tahun 7 Sekolah Ugama (Arab) Menengah

Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS), Katok, menghadiri Taklimat Kenegaraan

anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Komunikasi Strategik yang berlangsung di Dewan Besar, sekolah berkenaan. Taklimat bertajuk 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei

Darussalam' disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris, antara lain menyentuh mengenai raja kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Para penuntut juga berpeluang menyaksikan klip video 'Semarak Pengibaran Bendera Negara', 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara' serta video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara' sebelum berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.

Turut hadir semasa Taklimat Kenegaraan tersebut ialah Pengetua SUAMPRIPAHS, Dayang Hajah Azizah binti Haji Mohammad dan tenaga-tenaga pengajar.

Program Taklimat Kenegaraan merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara, selain untuk mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.



TAKLIMAT Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris.

PPNBD lantik Sekretariat Pengakap Kelana Kebangsaan



AHLI-ahli Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) semasa sesi bergambar ramai pada Mesyuarat Agung bagi melantik Sekretariat Pengakap Kelana Kebangsaan (National Rover Scouts Secretariat).

Siaran Akhbar dan Foto :
Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

GADONG, Jumaat, 12 Februari. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) melalui Bahagian Pengakap Kelana (Rover Scouts Section) mengadakan Mesyuarat Agungnya baru-baru ini bagi melantik Sekretariat Pengakap Kelana Kebangsaan (National Rover Scouts Secretariat) bertempat di Bilik Persidangan, Tingkat 4, Bangunan Ibu Pejabat PPNBD, Kompleks Pengakap Jalan Gadong.

Antara agenda yang dibentangkan semasa mesyuarat agung berkenaan adalah pengenalan mengenai Sekretariat Pengakap Kelana Kebangsaan (National Rover Scouts Secretariat), pembentangan daripada wakil-wakil Pengakap Kelana (Rover Scouts) yang akan dilantik dan juga pemilihan serta

pengundian wakil-wakil yang akan menjawat di dalam Sekretariat Pengakap Kelana Kebangsaan (National Rover Scouts Secretariat).

Mesyuarat Agung berkenaan dirasmikan oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap (Chief Commissioner), Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali selaku tetamu kehormat majlis.

Dalam ucapan alu-aluan daripada Pesuruhjaya Ibu Pejabat Bahagian Pengakap Kelana (Headquarter Commissioner, Rover Scouts Section), Dayang Hajah Norahmat binti Sidin menyeru ahli-ahli yang dilantik akan menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan.

Selain itu juga Sekretariat Pengakap Kelana Kebangsaan (National Rover Scouts Secretariat) menjadi platform

kepada ahli-ahli yang dilantik untuk menonjol kepimpinan, kemahiran pengurusan dan pentadbiran dalam menjalankan sekretariat berkenaan.

Turut hadir semasa mesyuarat agung berkenaan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Pengakap (Scout Commissioners) dan Penolong-penolong Pesuruhjaya Daerah Bahagian Pengakap Kelana (Assistant District Commissioner, Rover Scouts Section) dan juga Pemimpin-pemimpin pengakap Kelana (Rover Scout Leaders) dan juga ahli-ahli Pengakap Kelana daripada Krew Pengakap Kelana 1102 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) (Rover Scouts Crew, UNISSA), Krew Pengakap Kelana 1101, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Krew Pengakap Kelana Terbuka 1033 (1033 Open Crew), Ahli Pengakap Kelana dari Daerah Belait dan Daerah Temburong.



PENUNTUT Sekolah Ugama (Arab) Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Katok menghadiri taklimat berkenaan.

Bantu kesan pekerja lari

Siaran Akhbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Februari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memohon kerjasama dan bantuan daripada orang ramai untuk mengesan seorang pekerja lelaki, warganegara Bangladesh, Md. Mahbub Mia, 24 tahun, pemegang nombor Pasport BL0922235, yang dilaporkan lari daripada majikan.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, hubungi Balai Polis Pusat, Bandar Seri Begawan menerusi talian +673 2242334 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau melaporkan ke Balai-balai Polis berdekatan



PEKERJA lelaki warganegara Bangladesh, Md. Mahbub Mia, dilaporkan lari daripada majikan.

Seni mampu kembangkan imaginasi, kreativiti

Oleh : Aimi Sani
Foto : Ihsan Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 12 Februari. - Kreativiti dapat ditafsirkan sebagai kebolehan berimaginasi atau mencipta sesuatu yang baharu. Ia merupakan satu kebolehan menjana idea baharu dengan menggabungkan, mengubah dan mengaplikasikan semua idea.

Kreativiti melibatkan pemikiran dan khayalan serta kebolehan untuk melihat sesuatu dalam cara yang berbeza untuk menghasilkan sesuatu.

Ia bukan hanya bergantung kepada keupayaan tetapi juga sikap seseorang dalam menghadapi kehidupan.

Kreativiti paling jelas dapat dilihat pada kanak-kanak kerana bagi mereka segalanya adalah baharu dan otak mereka yang kecil sentiasa cuba menggabungkan fikiran dan idea-idea serta sambil meneroka dunia di sekeliling mereka.

Kebiasaannya pada peringkat awal kanak-kanak, mereka akan melalui proses perkembangan dari segi intelek, jasmani, emosi, rohani dan sosial.

Oleh sebab itu, kanak-kanak

pada peringkat umur sedemikian sering gemar bertanya, meneroka serta mencuba.

Kanak-kanak akan lebih berupaya atau berkembang secara aktif apabila terlibat dalam aktiviti-aktiviti seperti menghasilkan kraf yang dilakukan oleh mereka sendiri. Melalui pengalaman sendiri, kanak-kanak akan lebih cerdas dalam aktiviti pembelajarannya.

Menerusi kegiatan seni seumpama ini akan mampu melatih serta merangsang daya imaginasi dan pemikiran kreatif kanak-kanak selain menjadi ruang yang boleh digunakan oleh kanak-kanak untuk menunjukkan daya kreativiti mereka.

Untuk menghasilkan kraf yang menarik, alat-alat dan peralatan memang perlu disediakan dengan baik. Antara peralatan yang diperlukan adalah seperti pensel, gunting, berus lukisan, batang ais krim, gam, gam pistol, pen marker, kotak, pengasah pensel, kapas, pemadam, tali benang, cawan kertas, pita pelekat, kertas warna, warna air, tisu, pinggan kertas, kotak serba guna dan



MENERUSI kegiatan seni seumpama ini akan mampu melatih juga merangsang daya imaginasi dan pemikiran kreatif kanak-kanak, selain menjadi ruang yang boleh digunakan oleh kanak-kanak untuk menunjukkan daya kreativiti mereka (kiri dan kanan).

banyak lagi bahan yang boleh diguna semula. Bermain dengan alat-alat ini akan menarik minat kanak-kanak.

Mereka akan berasa seronok dan lebih mudah untuk menerima pembelajaran. Kanak-kanak yang didedahkan dengan perkara sebegini semenjak awal akan menggunakan segala kreativiti dan kepintaran mereka untuk mencipta sesuatu yang lebih besar, lebih kreatif dan lebih mengagumkan.



Kreativiti anak harus dirangsang supaya muncul. Para ibu bapa disarankan untuk tidak mengharapkan kepada guru semata-mata dalam memupuk kreativiti anak.

Suatu perkara penting yang perlu diingat ialah rumah adalah tempat yang paling ideal bagi memupuk perkembangan kreativiti anak-anak dengan ibu bapa kerana ibu bapa adalah rujukan utama kreativiti anak-anak. Oleh itu,

ibu bapa harus meningkatkan kreativiti mereka sendiri dalam mencari jalan mencungkil kreativiti anak-anak mereka.

Antara aktiviti yang boleh ibu bapa buat untuk merangsang dan memupuk kreativiti anak ialah bercerita, melukis, berlakon, menghasilkan permainan sendiri, bermain Jigsaw Puzzle, bermain Tanah Liat dan Plasticine, bermain alat muzik dan banyak lagi.

Penggapai haruslah amanah, dedikasi menjaga aib

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

tanggungannya, lalu meninggal".

Maka Nabi bersabda, "Mandikanlah ia dengan air dan daun bidara. Dan kafanilah dia dengan dua lapis kain, jangan beri minyak wangi dan jangan tutup kepalanya. Kerana Allah Subhanahu Wata'ala akan membangkitkannya di hari Kiamat dalam keadaan bertalbiyah".

Menyentuh akan perkara ini, Pelita Brunei berpeluang menemui bual salah seorang Penggapai, Dayang Zainah binti Haji Daud, 55 tahun, ibu kepada empat orang anak dan 13 orang cucu.

Dayang Zainah yang telah berkhidmat sebagai Penggapai di Pejabat Hal Ehwal Ugama sejak tahun 2002 mengongsikan, beliau tidak pernah melalui pengalaman pahit, kerja yang disandang sudah menjadi tanggungjawab, terutama dalam kerja-kerja menguruskan jenazah pelbagai peringkat usia, dari perempuan dewasa hinggalah ke janin.

Bukan itu sahaja, beliau menceritakan pengalaman yang sangat manis apabila pernah menguruskan jenazah yang mempunyai raut wajah yang berseri juga bercahaya, sungguh menginsafkan.

"Tugasan Penggapai tidak mengira masa, kerana kematian tidak dapat dijangka, semua itu, tertakluk kepada keadaan jenazah.

"Demi menjaga aib si mati, jenazah harus disempurnakan dengan seberapa segera, jika si mati meninggal dalam keadaan

biasa dan di waktu malam, kami akan menguruskan jenazahnya di sebelah pagi," tambahnya lagi.

Sebagai Penggapai, kesihatan diri sendiri, ujanya juga, hendaklah dijaga, terutama apabila hendak keluar menguruskan jenazah di lewat malam, waktu jenazah dapat diuruskan selepas Sembahyang Fardu Maghrib.

Menurutnya, beliau juga sering dijemput untuk memberikan tunjuk ajar atau Bengkel Kursus Fardu Kifayah di jabatan-jabatan kerajaan, sektor swasta, sekolah-sekolah rendah, menengah, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Belia-belia juga Muslimah-muslimah Masjid.

Apa yang amat penting, seorang Penggapai, tegasnya, haruslah bersifat amanah, dedikasi, terutama dalam menjaga aib si mati.

Justeru, dalam kesimpulannya, Imam Bukhari daripada Abu Hurairah menyatakan, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda, "Barang siapa yang menyaksikan jenazah sehingga dia mensolatkannya, maka baginya satu 'qirath' dan barang siapa yang menyaksikannya sehingga menguburkannya, maka baginya dua 'qirath'. Lalu Rasulullah ditanya, "Seberapakah dua 'qirath' itu?", Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam menjawab, "Seperti dua buah gunung yang besar".



ANTARA tunjuk ajar atau Bengkel Kursus Fardu Kifayah yang pernah diadakan.



 كميترين كصحتين
 KEMENTERIAN KESIHATAN
 MINISTRY OF HEALTH

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppk.gov.bn



*Sasaran pemeriksaan:
 Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA
 Selamatkan Usus Awda



PENGGAPAI, Dayang Zainah binti Haji Daud ketika ditemu bual.

KUALA BELAIT, Jumaat, 12 Februari. - Perkara-perkara wajib dalam menguruskan jenazah ada empat perkara, iaitu memandikan (mandi); mengapan-kan (kapan); menyembahyangkan (sembahyang); dan mengebunikan (tanam).

Salah satu perkara wajib dalam menguruskan jenazah, memandikan mayat, di mana apabila berlaku sahaja kematian seorang Muslim, maka adalah menjadi kewajiban Fardu Kifayah bagi individu, ahli keluarga atau sebahagian anggota masyarakat untuk menyempurnakan dan menguruskan jenazah tersebut.

Dalam hal ini, tanpa ilmu dan petunjuk yang sahih daripada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan para ulama, mana mungkin kita dapat menguruskan jenazah itu dengan sempurna.

Berdasarkan hadis daripada Abdullah bin Abbas, "Ada seorang lelaki yang sedang wukuf di Arafah bersama Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di mana tiba-tiba ia terjatuh dari haiwan

MAKLUMAN IKLAN JAWATAN KOSONG

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN ATAU DENGAN MENGIMBAS KOD QR DI BAWAH.



LIHAT IKLAN
JAWATAN KOSONG



PSC.BN



+673 7371961



PSC.BN



PSC.BN



query@spa.gov.bn



PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

PENGAMBILAN REKRUT KONSTABEL POLIS

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PENGAMBILAN REKRUT KONSTABEL POLIS

1. TERDIRI daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Mempunyai Kad Pengenalan Pintar berwarna kuning sahaja.

3. Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik, Negara Brunei Darussalam.

4. Mempunyai kelulusan 2 kredit dalam mata pelajaran Sijil Am Peringkat Biasa (GCE 'O' Level dan lulus dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris) atau sijil BDTVEC NTC 2 di dalam bidang yang bersesuaian atau mana-mana kelulusan yang sebanding dengannya dan diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang bersesuaian adalah merupakan satu kelebihan.

5. Taraf Kelamin : **Bujang**.

6. Pemohon **lelaki** hendaklah berumur di antara **18 hingga 25 tahun**.

7. Memenuhi kelayakan tinggi badan dan **Indeks Jisim Tubuh (BMI)** yang telah ditetapkan seperti berikut :

KELAYAKAN BAGI BAKAL REKRUT KONSTABEL (PC)

Ketinggian :

1.57 meter (5 kaki 2 inci)

Indeks Jisim Tubuh (BMI) :

18.5 hingga 28 (lulus)

Formula :

Berat (Kg) / Tinggi (m) / Tinggi (m)
= BMI

8. Tidak buta warna.

9. Mestilah lulus ujian kecergasan, ujian bertulis, pemeriksaan kesihatan dan tapisan keselamatan.

TATACARA MENGHADAPKAN PERMOHONAN

1. Borang-borang permohonan boleh didapati di Stadium Hassanal Bolkiah, Ibu Pejabat Polis Gadong pada 4 Februari 2021 hingga 15 Februari 2021 waktu pejabat (Isnin hingga Khamis dan Sabtu jam 8.30 Pagi hingga 11.30 Pagi dan 2.00 Petang hingga 4.00 Petang kecuali Jumaat. Ahad dan kelepasan awam).

2. Borang-borang yang telah lengkap diisikan hendaklah dikembalikan ke Stadium Hassanal Bolkiah, Ibu Pejabat Polis Gadong tidak lewat dari 15 Februari 2021 pada jam 4.00 Petang.

3. Pemohon-pemohon yang berkhidmat di jabatan-jabatan kerajaan hendaklah menghadapkan permohonan melalui ketua jabatan masing-masing.

4. Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi **Pejabat Pengambilan, Pusat Latihan Polis** di talian +673 2459500 sambungan 380.

BIL.	JAWATAN & KOD IKLAN	JABATAN / KEMENTERIAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
01.	JURULATIH PENERBANGAN HELIKOPTER [KUMPULAN 3] 2021/004/20	JABATANARAH KEANGOTAAN, KEMENTERIAN PERTAHANAN	1	7(A)	20 FEBRUARI 2021
02.	PEGAWAI PENERANGAN [B.2 EB.3 / B.2] 2021/004/13	JABATAN PENERANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI	1	7(A)	20 FEBRUARI 2021
03.	PENGAWAS PADANG-PADANG DAN GELANGGANG SUKAN [C.1 EB.2] 2021/005/01	JABATAN BELIA DAN SUKAN, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	5	7(A)	20 FEBRUARI 2021
04.	PEGAWAI IMIGRESEN [D.1-2-3 EB.4] 2021/005/02	JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN, KEMENTERIAAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	5	7(A)	20 FEBRUARI 2021
05.	PENJILID TINGKAT III [E.2-3 EB.4] 2021/005/03	JABATAN-JABATAN KERAJAAN	1	7(A)	20 FEBRUARI 2021
06.	JURUTERA AIR DAERAH / JURUTERA KERJA [B.3] 2020/0045/17	JABATAN KERJA RAYA, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	3	38(B)	20 FEBRUARI 2021
07.	NAZIR SEKOLAH-SEKOLAH UGAMA DEWASA [G.9] 2021/004/06	JABATAN PENGAJIAN ISLAM, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	1	38 (B)	20 FEBRUARI 2021
08.	PENOLONG JURUTEKNIK PEMELIHARAAN [C.2-3 EB.4] 2021/004/18	JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI, JABATAN PERDANA MENTERI	1	38 (B)	20 FEBRUARI 2021
09.	PEGAWAI PENERBITAN [C.2 EB.3] 2021/005/05	JABATAN MUZIUM-MUZIUM, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	1	7(A)	22 FEBRUARI 2021

MAKLUMAT LEBIH LANJUT BERKAITAN DENGAN BIDANG DAN TUGAS TANGGUNGJAWAB BOLEHLAH MELAYARI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN DAN DENGAN MENGIKUTI AKAUN MEDIA SOSIAL INSTAGRAM DAN TELEGRAM DI @PSC.BN



JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

BILANGAN TAWARAN :
(1) JBS / ADM / TDR / 16 / 2021

TAJUK TAWARAN :
TO PROPOSE SUPPLY, DELIVERY,
INSTALLATION,
CONFIGURATION, TESTING,
MAINTENANCE AND WARRANTY
OF CLOSE CIRCUIT TELEVISION
(CCTV) SYSTEM AT HASSANAL
BOLKIAH NATIONAL STADIUM,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

YURAN TAWARAN : BND50.00



YURAN E-Dokumen : BND5.00

Tarikh Tutup :
2 Mac 2021M / 18 Rejab 1442H
(Selasa) tidak Lewat Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Bilangan Tawaran :
KKE / BTM / PROC / 2021 / 01

Tajuk Tawaran :
SEBUT HARGA BAGI PEMBELIAN
PEMBAHARUAN SELAMA SATU
TAHUN (1) UNTUK LESEN PALO
ALTO BAGI KEGUNAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN
EKONOMI

Tarikh Tutup Tawaran :
Sabtu, 20 Februari 2021,
tidak lewat dari jam 2.00 petang



PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

BILANGAN TAWARAN :
PPN/ASSET/BUU/CONTRACT/2021/1/3

TAJUK TAWARAN :
TAWARAN PEMELIHARAAN
KAWASAN LANSKAP BANGUNAN
UNDANG-UNDANG DAN
BANGUNAN UNDANG-UNDANG &
MAHKAMAH-MAHKAMAH,
PEJABAT PEGUAM NEGARA,
JALAN RAJA ISTERI
PENGIRAN ANAK SALEHA,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

YURAN TAWARAN :



BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 16 Februari 2021
tidak lewat dari jam 2:00 Petang



JABATAN PENGANGKUTAN DARAT
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

RUJUKAN TAWARAN :
12 / JPD / JKSH / 20202021

TAJUK TAWARAN :
TO CONSTRUCT FENCING
BARRIER AROUND THE
PERIMETER OF VEHICLE
INSPECTION CENTER OF LAND
TRANSPORT DEPARTMENT IN
BERIBI, GADONG

YURAN TAWARAN :
BND2.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu, 3 Mac 2021,
sebelum 2.00 Petang



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS :
II & III SAHAJA
KATEGORI : KA01 SAHAJA -
(KOD BAHARU)

TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
24 FEBRUARI 2021 (SELASA)

TARIKH TUTUP :
9 MAC 2021 (SELASA)
tidak lewat dari jam 2:00 Petang

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DBSKB 005 / 2021



NAMA PROJEK :
PENYEWAAN SERVIS VAKUM
TANKER DI RPN KG. LUMUT BAGI
TEMPOH 6 BULAN

NO. PROJEK :
2021ADKB/B00411/002-003-002

YURAN TAWARAN :
BND30.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)



JABATAN PERDANA MENTERI

BAHAGIAN PENGURUSAN ASET
JABATAN PERDANA MENTERI

BILANGAN TAWARAN :
JPM / ASSET / M8 / 21-22 / 2 / 5

TAJUK TAWARAN :
TAWARAN BAGI KERJA-KERJA
PEMELIHARAAN LANDSKAP DAN
'GRASSCUTTING' SELAMA 24
BULAN BAGI BANGUNAN
PEJABAT JABATAN PERDANA
MENTERI, JALAN PERDANA
MENTERI, NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

BAYARAN YURAN TAWARAN :
BND30.00
(tidak dikembalikan)



TARIKH TUTUP TAWARAN :
tidak lewat dari jam 2.00 Petang,
Selasa, 16 Februari 2021



KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN NO. 1 :
MINDEF / DFA / ASEAN / 2021 / 003
CATERING SERVICES FOR THE
ASEAN DEFENCE MINISTER'S
MEETING AND ITS RELATED
MEETING 2021 - ONE (1) YEAR
CONTRACT

TENDER FEE :
BND10.00 (tidak dikembalikan)

TARIKH TUTUP TAWARAN
DILANJUTKAN KEPADA :
Selasa, 02 Mac 2021
tidak lewat jam 2.00 Petang



JABATAN PERDANA MENTERI

BAHAGIAN PENGURUSAN ASET
JABATAN PERDANA MENTERI

BILANGAN TAWARAN :
JPM / ASSET / M6 / 21-22 / 2 / 6

TAJUK TAWARAN :
TERM CONTRACT TWO (2) YEARS
FOR COMPREHENSIVE
MAINTENANCE OF LIFT AND
ESCALATOR SYSTEM TO THE
PRIME MINISTER'S OFFICE
BUILDING, JALAN PERDANA
MENTERI, NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM



BAYARAN YURAN TAWARAN :
BND30.00
(tidak dikembalikan)

TARIKH TUTUP TAWARAN :
tidak lewat dari jam 2.00 Petang,
Selasa, 16 Februari 2021



**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH
PEGAWAI WARIS,
KUALA BELAIT**

**SURAT KUASA PUSAKA NO. :
LA / KB / 93 / 2020**

KENYATAAN

Bahawa permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh YAU SIEW KENT pusaka yang dipunyai oleh WONG FOCK MING yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab iaitu si pemohon ialah BALU kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH KUALA BELAIT pada 17 FEBRUARI 2021, jam 10.00 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, KUALA BELAIT sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh : 1 Februari 2021.

**SURAT KUASA PUSAKA NO. :
LA / KB / 98 / 2020**

KENYATAAN

Bahawa permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh BERENYUN ANAK GANOH pusaka yang dipunyai oleh SURAN ANAK TUAN yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab iaitu si pemohon ialah BALU kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH KUALA BELAIT pada 17 FEBRUARI 2021, jam 10.00 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, KUALA BELAIT sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh : 1 Februari 2021.

**SURAT KUASA PUSAKA NO. :
LA / KB / 2 / 2020**

KENYATAAN

Bahawa permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh PADMA KOTESWARI CHEBROLU pusaka yang dipunyai oleh VENKATESWARA RAO GUTTA yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab iaitu si pemohon ialah BALU kepada si mati.

kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH KUALA BELAIT pada 17 FEBRUARI 2021, jam 10.00 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, KUALA BELAIT sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh : 1 Februari 2021.

**SURAT KUASA PUSAKA NO. :
LA / KB / 3 / 2020**

KENYATAAN

Bahawa permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh LEE YUN KONG pusaka yang dipunyai oleh LEE KIN FUI yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab iaitu si pemohon ialah ANAK kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH KUALA BELAIT pada 17 FEBRUARI 2021, jam 10.00 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS,

KUALA BELAIT sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh : 1 Februari 2021.

**SURAT KUASA PUSAKA NO. :
LA / KB / 4 / 2020**

KENYATAAN

Bahawa permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh NOR ESTHER BINTI ABDULLAH pusaka yang dipunyai oleh AIDAH BINTI SULEIMAN yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab iaitu si pemohon ialah IBU kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH KUALA BELAIT pada 17 FEBRUARI 2021, jam 10.00 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, KUALA BELAIT sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh : 1 Februari 2021.

**HAJAH ERVY SUFITRIANA
BINTI HAJI ABDUL RAHMAN
Timbalan Pegawai Waris
Kuala Belait
Negara Brunei Darussalam.**



**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PERINTAH ACARA MAL
MAHKAMAH-MAHKAMAH
SYARIAH 2005
SAMAN GANTIAN
DALAM MAHKAMAH
RENDAH SYARIAH
DAERAH TUTONG
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**BILANGAN KES :
TT / MRS / MAL-B / P002A /
007 / 01-2021**

ANTARA

**ALEYS ANDREANA BINTI
MUHAMMAD ARRIFIN @ ALEYS
ANDREANA BINTI ARRIFIN
- PEMOHON**

DAN

MUHAMMAD ARRIFIN BIN

**INJAN
@ ARRIFIN BIN INJAN
- RESPONDEN**

**PERMOHONAN :
WALI HAKIM KERANA WALI
TIDAK BOLEH DIKESAN**

**KEPADA : MUHAMMAD ARRIFIN
BIN INJAN @ARRIFIN BIN INJAN
(RESPONDEN)
yang dinamakan di atas)
alamat terakhir NO. 350, KAMPUNG
BATANG MITUS, TUTONG, TE2534
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

KAMU adalah dengan ini disaman supaya hadir secara sendiri atau melalui Peguam Syarie kamu di hadapan Mahkamah Rendah Syariah Daerah Tutong pada hari Sabtu, 8 Rejab 1442H / 20 Februari 2021M, jam 9.30 Pagi untuk menjawab tuntutan terhadap kamu oleh

plaintif yang dinamakan di atas, yang mana butir-butir dalam PERMOHONAN itu seperti dinyatakan dalam AFFIDAVIT SOKONGAN yang diendorskan.

SILA ambil perhatian bahawa jika kamu ingkar hadir di mahkamah pada hari dan masa yang ditetapkan, mahkamah boleh meneruskan untuk mendengar dan memutuskan kes tanpa kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingin membela diri terhadap tuntutan tersebut, kamu hendaklah memfailkan di mahkamah ini dan menyampaikan kepada PEMOHON suatu pembelaan dalam borang yang ditetapkan sebelum tarikh yang disebut di atas atau hadir di mahkamah pada tarikh itu.

Bertarikh : 6 Jamadilakhir 1442H / 20
Januari 2021M

**(METERAI)
Penolong Pendaftar
Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Tutong
Negara Brunei Darussalam.**



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**



**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN DI
DALAM**

**KELAS : V & VI SAHAJA
KATEGORI : [KA01]**

**TARIKH MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN :
3 Februari 2021 (Rabu)**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
02 MAC 2021 (Selasa),
tidak lewat dari jam 2:00 Petang**

**TARIKH TUTUP :
09 MAC 2021 (Selasa),
tidak lewat dari jam 2:00 Petang**

**BILANGAN TAWARAN :
JKR / DOR / SRM 03 / 2021**

**NAMA PROJEK :
PENGURUSAN PEMELIHARAAN
BERINTEGRASI BAGI
RANGKAIAN JALAN RAYA ZON 1,
DAERAH BRUNEI MUARA**

**YURAN TAWARAN :
BND500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

**TAJUK SEBUT HARGA 1 :
SUPPLY AND INSTALL STREET
LIGHTING AT AIRPORT FIRE
SERVICES BARRACK AT SPG 51,
JALAN KUSTIN, BRUNEI
INTERNATIONAL AIRPORT
AME/2020-2021/SH-49/R
(KELAS : III DAN IV)**

**TAJUK SEBUT HARGA 2 :
TO SUPPLY AND INSTALL NEW
AIR CONDITIONING SPLIT UNIT
AT LINE ENGINEERING, BRUNEI
INTERNATIONAL AIRPORT
AME/2021-2022/SH-07
(KELAS : III DAN IV)**

**TAJUK SEBUT HARGA 3 :
TO REPOSITION EXISTING AIR
CONDITIONING - SPLIT UNIT AT
BIACC (BAHAGIAN GUDANG
BERLESEN ROOM (CUSTOM**

**X-RAY), BRUNEI INTERNATIONAL
AIRPORT
AME/2021-2022/SH-08
(KELAS : III DAN IV)**

**TAJUK SEBUT HARGA 4 :
REPAIR WORKS AT AIRPORT
STREET AND COMPOUND
LIGHTINGS AT BRUNEI
INTERNATIONAL AIRPORT
AME/2021-2022/SH-09
(KELAS : III DAN IV)**

**TAJUK SEBUT HARGA 5 :
REPLACEMENT OF DOWNLIGHT
AT DEPARTURE CHECK-IN HALL
AT BRUNEI INTERNATIONAL
AIRPORT
AME/2021-2022/SH-10
(KELAS : III DAN IV)**

TAJUK SEBUT HARGA 6 :

**REPLACEMENT OF KERB SIDE
WALL LUMINAIRES AT BRUNEI
INTERNATIONAL AIRPORT
AME/2021-2022/SH-11
(KELAS : III DAN IV)**

**TARIKH TUTUP SEBUT HARGA :
Rabu, 3 Mac 2021
hingga jam 2.00 Petang**





جباتن قرانچغن ايكونومي دان ستاتيستيك
 JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
 KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

بانچي قندودوق دان قرومهن
BANCI PENDUDUK
 dan **PERUMAHAN 2021**

Imbas Kod QR
 untuk maklumat lanjut



Peringkat Pertama:
PENYENARAIAAN
TEMPAT KEDIAMAN

20 Januari 2021 - 21 Februari 2021

**Pegawai Banci akan mengunjungi
 tempat kediaman awda untuk:**

- 1 Menyenaraikan dan menandakan lokasi setiap tempat kediaman.
- 2 Mengumpulkan maklumat seperti nama, nombor kad pengenalan, tarikh lahir dan nombor telefon bagi Ketua dan setiap ahli isi rumah.
- 3 Memasang pelekat banci berdekatan pintu hadapan tempat kediaman.
- 4 Menerangkan mengenai kaedah dalam talian (e-Census) untuk peringkat kedua BPP 2021.





بانچي قندودوق دان قرومهن
BANCI PENDUDUK
dan **PERUMAHAN 2021**



جباتن قرانچغن ايكونومي دان ستاتيستيك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Penyenaraian Tempat Kediaman
20 Januari 2021 - 21 Februari 2021

Pengendalian e-Census
20 April 2021 - 21 Jun 2021

Temuduga Bersemuka
20 Julai 2021 - 2 Ogos 2021



Imbas Kod QR
untuk maklumat lanjut

PUIISI

Sang Air

Entah apa yang perlu dirasa
gembira?
pilu?
entahlah...

Beginilah setiap hari
bangun sebelum sang suria terbit
mengabdikan diri pada Yang Esa
diiringi bunyi burung berkicauan
kokokan ayam
sentuhan embun pagi
perasaan ini
ya! perasaan ini
sungguh menenangkan
rugilah makhluk yang masih leka
tika nyenyak berselimutkan selimut syaitan
terlepas nikmat Ilahi

Namun...
setelah sang suria kian meninggi
mentari tegak di langit
perasaan seolah-olah berubah
seperti ada yang membawa aura negatif
Aahh!
hanya perlu bersabar

Itulah yang dilaluinya hari-hari
itulah yang hanya mampu dibuat
-bersabar
-bersabar
-bersabar

Tapi ia tahu,
bahawa bersabar terkandung seribu satu hikmah
dengannya, dia merasa lebih tenang
sungguh! tidak ada perasaan yang lebih indah
seperti 'air' dengan 'api'
'sejuk' dengan 'panas'
cool
pastilah air yang meneng
sejuk yang menjuarai
cool the winner
begitu juga dengan dirinya, seperti Sang Air
dan mereka? Sang Api
yang sentiasa menghancurkan kebahagiaan orang lain

Maka riwayatlah kisah Sang Air
hidup penuh gelombang arus
menghempas diri ke pesisir pantai
menduga perasaan
terus memohon
berdoa
tanpa pernah putus asa
walau seperti di padang pasir
kehausan air
Ilahi! Ilahi! Ilahi
Kau kurniakan kepadaku ketenangan
ketabahan
kekuatan

Ya!
ramai yang berkata "Tuhan sentiasa bersama orang-orang sabar"
mereka tidak faham apa yang dilafazkan
hingga diri merasanya,
melaluinya

Sang Air,
tiap-tiap hari perlu menutup wajah sebenar
menyembunyi perasaan di bawah dasar lautan
membuat orang lain senang
membuat hari orang lain berjalan lancar
seperti ombak pantai ganas,
tapi kadang menenangkan
itulah hakikat dunia,
orang baik sentiasa diambil kesempatan
taken for granted

Namun! Namun!
ia tak peduli!
dirinya sudah tertanam belas kasihan
kasih sayang
begitu mulia sekali!
masih adakah insan sebegitu?
mahluk begitu?
mungkin ada
tapi tidak banyak
semakin pupus

Kerana itulah!
peradaban manusia diambang kepupusan!
orang seperti Sang Air semakin kurang
tak lagi ramai membimbing
hasilnya, tidak lagi ramai dapat dibimbing!
dunia... begitu tua sekali umurnya
hanya menunggu arahan dari Sang Pencipta

Harap-harap Sang Air sentiasa tabah
tempuhi hari-hari dengan
-sabar
-kuat
-tenang
-tabah
hingga akhir hayat

Mu'min Karim

Banteras penyeludupan barang tegahan

Siaran Akhbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei

TEMBURONG, Jumaat, 12 Februari. - Maklumat yang dikongsikan oleh Jabatan Perisikan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) bersama Balai Polis Bangar membolehkan hasil, setelah berjaya menahan

sebuah kenderaan pacuan empat roda yang dikenal pasti mempunyai penglibatan dengan kegiatan jenayah.

Sejurus suspek menyedari kereta mereka diekori oleh pihak polis, suspek telah memcut laju dan



SEJUMLAH 750 karton rokok pelbagai jenama ditemukan hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan terhadap kotak-kotak yang mencurigakan itu.

cuba untuk melarikan diri.

Aksi kejar mengejar berlaku sehingga mengakibatkan kenderaan suspek terbabas di kawasan persimpangan jalan Kampung Puni, Jalan Ujung Jalan, Daerah Temburong.

Suspek iaitu pemandu dan penumpang kereta berkenaan telah berjaya melarikan diri ke kawasan hutan berdekatan dan gagal dikesan.

Pemeriksaan awal pihak polis terhadap kenderaan suspek ada mendapati beberapa bungkusan kotak yang mencurigakan dipercayai barangan tegahan. Kenderaan suspek kemudiannya dibawa ke Balai Polis Bangar bagi menjalani siasatan lanjut.

Sejumlah 750 karton rokok pelbagai jenama telah ditemukan hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan terhadap kotak-kotak yang mencurigakan itu dan akan diserahkan ke Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) bagi tindakan lanjut.

PPDB sentiasa berusaha dan bertindak lebih agresif dalam pbanteras dan pengekan terhadap penyeludupan barangan tegahan di negara ini dengan mempelbagaikan skop rondaan dan kawalan di kawasan-kawasan yang mempunyai potensi menjadi jalan tikus kepada kegiatan penyeludupan ini.

Judi bahaya kepada masyarakat, merosak kehidupan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 12 Februari. - Manusia diciptakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk beribadat kepada-Nya dan dikurniakan nikmat untuk digunakan pada jalan yang diredai-Nya juga diberikan akal fikiran supaya tidak tunduk pada hawa nafsu.

Manusia dianugerahkan pancaindera untuk mencari rezeki dan menikmati kehidupan di muka bumi ini, dengan berusaha mengikut landasan yang benar, menjauhi perkara-perkara haram, seperti kekerasan, penindasan, penipuan, rasuah, riba, judi dan bermacam-macam lagi kemungkaran.

Agama Islam mengharamkan semua unsur perjudian, sama ada melalui permainan, hiburan dan sebagainya kerana judi adalah perbuatan keji, perbuatan syaitan juga berdosa besar.

Antara permainan judi ialah loteri, tikam ekor, bertaruh, main katam dan bermacam-macam lagi nama yang diberi dengan pelbagai cara yang dicipta untuk menarik minat supaya orang berjudi.

Pada zaman ini, judi sudah menjadi semakin mudah untuk dilakukan, umpamanya melalui laman-laman sesawang dan telefon-telefon pintar, seperti permainan dalam talian yang ada unsur-unsur judi di dalamnya.

Berjudi boleh mendatangkan kesan-kesan yang bahaya kepada masyarakat kerana ia merupakan gejala penyakit yang merosak kehidupan, bukan sahaja kepada orang yang berjudi itu, tetapi juga kepada keluarga, masyarakat dan negara.



AGAMA Islam mengharamkan semua unsur perjudian, sama ada melalui permainan, hiburan dan sebagainya kerana judi adalah perbuatan keji, perbuatan syaitan juga berdosa besar.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Orang yang terpengaruh dengan judi boleh menyebabkan hati mereka tertutup dan buta hingga mereka sanggup melakukan apa sahaja demi memuaskan hati agar segera dapat wang untuk dijudikan.

Selain itu, berjudi juga mengakibatkan seseorang menjadi malas, tamak dan rakus, hasad dengki dan dendam, suka menimbulkan persengketaan dan pergaduhan juga hilang harta benda dan tiada maruah, yang akhirnya pula, boleh membawa manusia menjadi papa kedana, mengabaikan tanggungjawab terhadap anak isteri, masyarakat, negara dan lebih buruk lagi

tanggungjawab terhadap Allah Subhanahu Wata'ala.

Wang yang diperoleh daripada judi adalah haram dan tidak boleh digunakan, apatah lagi jika digunakan untuk makan minum anak dan isteri.

Oleh itu, berhati-hatilah dalam mencari rezeki, iaitu dengan mencari rezeki yang halal dan menjauhi diri daripada perkara-perkara yang haram juga *syubhah*.

Sebagai umat Islam, kita perlu menanam rasa bersyukur, walaupun rezeki hanya sedikit, asalkan halal dan mendapat keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.



Menuju pengurangan jejak karbon

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Jabatan Penerangan

KE arah menjadi sebuah negara yang rendah karbon serta berdaya tahan dan selaras dengan pelaksanaan Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (Brunei Darussalam National Climate Change Policy - BNCCP) dalam membentuk hala tuju peralihan negara ke arah masa depan yang rendah karbon dan berdaya tahan terhadap impak perubahan iklim, Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam telah merasmikan Garis Panduan Protokol Hijau pada 30 Januari 2021.

Protokol Hijau merupakan garis panduan bagi mengurangkan jejak karbon dalam premis-premis di sektor kerajaan. Perkhidmatan Awam bertanggungjawab untuk menerajui dan mempromosikan operasi harian yang rendah karbon dengan melaksanakan amalan-amalan hijau melalui tujuh elemen utama dalam Protokol Hijau iaitu Penggunaan Tenaga; Penggunaan Air; Penggunaan Kertas; Penggunaan Plastik; Pembuangan Sisa-Sisa Pepejal; Pengurusan Acara-Acara Rasmi dan Penanaman Pokok. Garis Panduan ini bertujuan untuk mengurangkan jejak karbon (*carbon foot print*) dari premis-premis Perkhidmatan Awam, dengan mengambil kira elemen-elemen tersebut.

Protokol Hijau ini menggariskan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan agar kerajaan dapat menjadi contoh terbaik bagi mencapai sasaran negara dalam melaksanakan BNCCP. Garis Panduan ini bertujuan untuk mengurangkan jejak karbon (*carbon foot print*) dari premis-premis Perkhidmatan Awam, dengan mengambil kira beberapa elemen penting iaitu Penggunaan Tenaga; Penggunaan Air; penggunaan Kertas; penggunaan Plastik; Pembuangan Sisa-Sisa Pepejal; Pengurusan Acara-Acara Rasmi dan Penanaman Pokok.

Penggunaan Tenaga

Pada elemen penggunaan tenaga, antara yang disaran adalah semua premis dikehendaki untuk melaraskan suhu pendingin hawa kepada 23-25 C; dan menghehndakkan penggunaan alat pendingin hawa semasa waktu bekerja sahaja. Selain itu hendaklah dipastikan semua suis lampu, komputer, mesin fotostat dan peralatan elektrik yang lain ditutup apabila tidak digunakan terutamanya di luar waktu pejabat. Elakkan daripada penggunaan mod sedia (*standby mode*).

Selain itu, adalah digalakkan untuk menggunakan atau menggantikan lampu biasa dengan lampu jimat tenaga seperti

lampu Light-Emitting Diode (LED).

Penggunaan sistem sensor gerakan (*motion sensor*) bagi peralatan elektrik seperti lampu, di tempat-tempat yang strategik juga adalah digalakkan. Pemerolehan peralatan elektrik hendaklah mengutamakan produk-produk yang cekap tenaga (*energy efficient*).

Label penjimatan tenaga yang disediakan oleh Kementerian Tenaga juga hendaklah diletakkan di tempat-tempat utama.

Penggunaan Air

Dalam menjaga penggunaan air pula, warga hendaklah memastikan paip air ditutup apabila tidak digunakan. Menggunakan atau menggantikan peralatan dengan produk jimat air seperti paip air automatik (*push-type*), mangkuk tandas yang menggunakan sistem dual-flush yang mempunyai kapasiti air maksimum enam liter dan sebagainya.

Selain itu hendaklah dipastikan sistem pengairan automatik (*sprinkler*) untuk tanaman dipasang pada waktu dan jangka masa yang bersesuaian dengan tekanan air yang betul. Siraman hendaklah meliputi kawasan tanaman sahaja (elakkan daripada terkena permukaan turapan (*pavement*)).

Adalah juga digalakkan untuk mempraktikkan penuaian air hujan (*rain water harvesting*) bagi penyiraman tanaman, pembersihan longkang dan sebagainya.

Jika didapati sebarang kebocoran air, adalah dikehendaki melaporkan dengan segera ke Talian Darussalam 123. Selain itu, pemerolehan peralatan hendaklah mengutamakan produk-produk yang boleh menyokong inisiatif penjimatan air dan meletakkan label / poster penjimatan air yang disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Air di kawasan-kawasan utama.

Penggunaan Kertas

Penggunaan kertas juga merupakan antara elemen yang dititikberatkan dalam isu amalan hijau. Ke arah menjimatkan penggunaan kertas, antara yang disaran adalah untuk menggunakan e-mel kerajaan sebagai komunikasi utama bagi urusan dan persuratan rasmi dalaman (Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil. 3/2012). Dokumen-dokumen yang perlu dikongsikan atau dipanjangkan hendaklah diimbas dan kemudian die-melkan.

Membuat salinan cetak (*photocopy*) patut dielakkan. Dokumen-dokumen yang hendak dikongsikan perlulah mematuhi peraturan-peraturan bagi perkongsian dan penyimpanan data sepertimana yang telah digariskan didalam Information Security Manual.

Selain itu, antara saranan panduan ini juga adalah, bahan-bahan mesyuarat untuk die-mel terlebih awal untuk mengelakkan pencetakan salinan-salinan dokumen. Sekiranya pencetakan tidak dapat dielakkan, cetak dokumen pada kedua-dua belah muka kertas.

Penyediaan dan penggunaan mesin *shredder* adalah digalakkan bagi menghapus dokumen-dokumen yang sulit.

Pemerolehan kertas bagi kegunaan pejabat perlulah mempunyai pilihan bagi

jenis kertas daripada bahan kitar semula. Membuat penganalisan awal sebelum membuat sebarang pemesanan / pembelian bagi mengelakkan bekalan yang berlebihan.

Mengasingkan dan seterusnya menghantar sisa buangan kertas kepada Syarikat Kitar Semula yang mana senarai Syarikat-Syarikat Kitar Semula boleh didapati di laman sesawang Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi iaitu <http://www.env.gov.bn>.

Digalakkan juga untuk membuat versi atas talian melalui Portal Gov.BN bagi kesemua bentuk borang atau perkhidmatan kaunter dan mengurangkan permintaan atau pencetakan dokumen individu seperti Kad Pengenalan dan lain-lain bagi sebarang urusan perkhidmatan dengan memanfaatkan pengintegrasian aplikasi kerajaan atau platform pangkalan data.

Penggunaan Plastik

Ke arah menjadikan zon bebas botol plastik, setiap kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya adalah ditegah dari menggunakan botol plastik. Premis-premis Perkhidmatan Awam digalakkan untuk menyediakan *water dispenser* di tempat-tempat strategik untuk menggalakkan penggunaan botol guna semula. Tegahan juga adalah pada penggunaan beg, sudu, garpu, cawan dan straw pakai buang daripada bahan plastik.

Bagi penyediaan makanan pula, penutup makanan hendaklah daripada bahan yang boleh dipakai semula ataupun jenis plastik yang mudah reput (*biodegradable*). Bagi penjualan melalui kiub-kiub di pejabat, makanan hendaklah dibungkus menggunakan bekas-bekas dan beg yang berasaskan kertas atau jenis plastik yang mudah reput (*biodegradable*).

Gambar makanan bolehlah dipaparkan di kiub masing-masing bagi menggambarkan produk jualan. Penggunaan plastik, *styrofoam* dan getah adalah tidak dibenarkan.

Pemerolehan plastik-plastik sampah pejabat hendaklah diperbuat dari jenis bahan yang mudah reput (*biodegradable*) dan sisa-sisa plastik hendaklah diasingkan untuk dikitar semula.

Setiap warga Perkhidmatan Awam adalah digalakkan untuk membawa botol guna semula. Selain daripada itu, penggunaan bekas makanan sendiri juga turut digalakkan.

Pembuangan Sisa-Sisa Pepejal

Menyediakan dan meletakkan tong sampah kitar semula di setiap premis Perkhidmatan Awam bagi menggalakkan amalan 3R (Reduce, Reuse dan Recycle) di pejabat dan mengasingkan sisa buangan yang boleh dikitar semula. Selain itu, disaran juga untuk membuang sisa elektronik seperti bateri, komputer, *printer*, *scanner*, *keyboard*, telefon bimbit di tempat pembuangan yang dikhaskan dan memasukkan spesifikasi untuk pengurusan sampah-sampah kitar semula dalam kontrak pembersihan pejabat.

Pengurusan Acara-Acara Rasmi

Bagi acara-acara rasmi, jawatankuasa

pejabat hendaklah menyediakan perancangan bagi pelaksanaan amalan hijau dan menghadapkannya kepada Ketua Pejabat masing-masing. Menyediakan *water dispenser* untuk jamuan dan kegunaan umum bagi acara yang berskala besar untuk menggalakkan penggunaan botol guna semula milik persendirian. Selain itu menggunakan produk-produk yang diperbuat dari bahan mesra alam (*eco-friendly*) bagi penyediaan cenderahati seperti beg dan sebagainya.

Menyediakan tong-tong sampah kitar semula di kawasan-kawasan strategik dan memastikan kutipan sisa buangan dikitar semula dan pembersihan dilakukan selepas acara.

Pemotongan Pokok

Bagi mana-mana cadangan projek kerajaan yang melibatkan pembinaan dan pemeliharaan, pemotongan pokok hendaklah dihadkan bagi pokok-pokok yang perlu dipotong sahaja. Bagi setiap pembukaan kawasan yang akan dimajukan dengan keluasan satu hektar ke atas, pemaju adalah disarankan untuk melaksanakan penanaman semula pokok bagi setiap pokok yang ditebang, iaitu tebang satu, tanam satu mengikut garis panduan yang disediakan.

Setiap kementerian disarankan untuk mengambil bahagian dalam 'Kempen 26,000 Pokok' bagi menanam pokok di sepanjang tahun 2021 mengikut garis panduan tersebut.

Bagi sebarang pertanyaan mengenai kempen ini, bolehlah menghubungi protokol.hijau@mod.gov.bn atau bccs@mod.gov.bn.

Rendah Karbon

Perubahan iklim merupakan antara ancaman global yang paling mencemaskan pada masa ini, di mana suhu permukaan bumi yang semakin meningkat serta kenaikan paras laut yang semakin membimbangkan adalah petanda untuk kita bertindak dengan segera.

Negara kita telah pun mempunyai satu BNCCP yang menjadi dasar rasmi negara dalam mentadbir dan membentuk hala tuju ke arah negara yang rendah karbon (*low carbon emission*) dan kedayatahan terhadap impak perubahan iklim.

Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim NBD telah mengisytiharkan sebagai Tahun Tindakan Iklim' (Year of Climate Action) sebagai satu usaha untuk memberi kesedaran dan meningkatkan kepentingan BNCCP dan pelaksanaannya yang berkesan dengan melibatkan semua pihak, termasuk orang awam, para belia, NGOs dan sebagainya untuk memainkan peranan bagi sama-sama mendukung Protokol Hijau melalui beberapa inisiatif.

Dengan adanya pelancaran Buku Garis Panduan Protokol Hijau ia diharap dapat mengurangkan jejak karbon dalam premis-premis di sektor kerajaan.

Dengan bantuan Jabatan Perkhidmatan Awam, semua jabatan akan terlibat sama di dalam mempromosikan operasi harian rendah karbon dengan melaksanakan amalan-amalan hijau melalui tujuh elemen utama dalam Protokol Hijau.

Pemimpin negara asing, pertubuhan antarabangsa ucap Selamat Tahun Baru Cina



BEIJING, 12 Feb. - Pemimpin beberapa negara asing dan pertubuhan antarabangsa tidak ketinggalan mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada rakyat China.

Antaranya Pengarah Urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Kristalina Georgieva yang turut menyampaikan ucapan Selamat Tahun Baru Cina kepada masyarakat Cina di negara Asia lain.

"Semoga tahun 2021 yang juga tahun lembu mengikut zodiak Cina membawa kesejahteraan,

kemakmuran dan kesihatan buat semua."Lembu merupakan simbol kerajinan, ketekunan dan kejujuran. "Sifat mulia tersebut amat diperlukan dalam usaha membina semula dunia pasca pandemik," ujar Georgieva.

Ketua Pengarah Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), Audrey Azoulay menyatakan pada tahun lalu, seluruh dunia mengharungi kegetiran yang tidak pernah berlaku sebelum ini.

Justeru katanya, pandemik mengingatkan kita supaya mengambil tindakan tepat pada waktunya untuk membaiki keretakan dan menggalakkan simbiosis semula jadi secara harmoni.

Presiden Pakistan, Arif Alvi pula mengulangi rasa syukurnya atas bantuan China dalam membendung wabak COVID-19 dan program pemvaksinan.

Beliau berkata ikatan persahabatan kukuh antara Pakistan dan China tidak hanya terletak pada kerajaan kedua-dua

negara, malah bergantung kepada kemesraan dalam kalangan rakyat.

Selain menyampaikan ucapan Selamat Tahun Baru Cina, Perdana Menteri New Zealand, Jacinda Ardern turut meluahkan perasaan

optimisnya terhadap tahun baharu ini.

Sementara itu, dengan penaktaratan perjanjian perdagangan bebas (FTA) yang dimeterai kedua-dua negara bulan lalu, ia disifatkan sebagai satu petanda baharu dalam perkembangan hubungan New Zealand-China. - ©BERMAMA

Gala Tahun Baru Cina, temasya budaya penuh gemilang

BEIJING, 12 Feb. - Gala Tahun Baru Cina anjuran Kumpulan Media China (CMG) menyajikan temasya budaya bertaraf tinggi kepada penonton di serata dunia.

Diadakan di ambang perayaan pada malam Khamis, gala itu menghidangkan pelbagai persembahan menarik termasuk nyanyian, tarian, opera, sketsa komedi dan dialog rancak "crosstalk".

Menonton acara itu bersama keluarga sudah menjadi antara

tradisi lazim rakyat China. Selain memaparkan keunikan budaya tradisional, atur cara persembahan juga mengetengahkan pelbagai tema seperti program pembasmian kemiskinan dan usaha memerangi wabak COVID-19.

Diinspirasikan daripada kehidupan seharian masyarakat, persembahan itu selain mempesonakan ia turut menyentuh perasaan penonton. Gala itu turut memaparkan kebudayaan pelbagai negara dan diserikan persembahan artis luar negara.

Penonton juga berpeluang menyaksikan pelbagai teknologi canggih yang digunakan seperti "AI+3D", khusus untuk memberikan kesan audio visual luar biasa. Gala itu disiarkan secara langsung dan mendapat liputan lebih 600 media dari 170 negara dan wilayah.

Lintas langsungnya diikuti seramai 1.14 bilion penonton, antaranya 569 juta melalui platform media baharu dan 571 juta melalui televisyen. - ©BERNAMA

DidikTV KPM bersiaran mulai Rabu depan

PUTRAJAYA, 12 Feb. - Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan memperkenalkan saluran khusus TV Pendidikan secara terestrial yang dikenali sebagai DidikTV KPM mulai 17 Feb ini.

Pelancaran DidikTV KPM akan disempurnakan oleh Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada jam 8 pagi pada hari pertama hari pertama siarannya.

Dalam kenyataan hari ini, KPM berkata DidikTV KPM boleh ditonton menerusi saluran 107 di MYTV, saluran 147 di ASTRO dan saluran ntv7 di TV UNIFI bermula jam 7 pagi hingga 12 tengah malam setiap hari.

Katanya, bagi set TV Digital

Bersepadu (iDTV) yang menggunakan antena, carian saluran DidikTV KPM boleh dilakukan menerusi penalaan automatik.

KPM berkata pewujudan saluran khusus tersebut merupakan usaha berterusan kementerian dalam meningkatkan akses kepada pendidikan berkualiti bagi semua murid di seluruh negara.

Katanya, DidikTV KPM akan menyiarkan program yang diterbitkan khusus dengan berteraskan kurikulum dan kokurikulum KPM.

"Saluran ini juga akan menyiarkan berita mengenai dunia pendidikan, program bercorak didik hiburan serta kandungan yang

dihasilkan oleh murid.

"Selain itu, program antarabangsa yang bersesuaian akan turut disiarkan," katanya.

Kementerian itu berkata saluran DidikTV KPM juga merupakan satu platform untuk memperkasakan budaya ilmu, menerapkan nilai-nilai murni dan mewujudkan masyarakat berinformasi.

"KPM sentiasa komited untuk terus melakukan yang terbaik," tambahnya.

Sebelum ini, kementerian berkenaan telah menyediakan program TV Pendidikan selama 11 jam melalui TV Okey RTM, Tutor TV ASTRO dan DidikTV@ntv7. - ©BERNAMA

PKPD : Kawasan Sibujaya sunyi

SIBU, 12 Feb. - Kawasan Bandar Baru Sibujaya hari ini lengang berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Rumah Pangsa dan Perumahan Town Villa selama 14 hari bermula hari ini.

Tinjauan Bernama di kawasan itu bersama rombongan Timbalan Ketua Polis Daerah Sibujaya Supt Collin Babat petang ini mendapati tiada kelibat penduduk kelihatan di kawasan berkenaan dan mereka patuh duduk di dalam rumah.

Laluan keluar dan masuk kawasan tersebut juga telah dipasangi kawad berduri petang

semalam dan terdapat empat pos pemeriksaan didirikan di kawasan itu untuk menempatkan anggota polis serta tentera.

Timbalan Ketua Menteri Sarawak Datuk Amar Douglas Uggah Embas sebelum ini dilaporkan berkata keputusan pelaksanaan PKPD di kawasan tersebut dibuat setelah pekan Sibujaya mencatatkan 247 kes positif COVID-19 dan 129 kes dilaporkan di kawasan Rumah Pangsa dan Perumahan Town Villa.

Sementara itu, Collin berkata terdapat dua sekatan jalan raya dan empat pos pemeriksaan didirikan di kawasan itu dengan kekuatan lima anggota polis dan 22 anggota

tentera.

"Arahan kita jelas, penduduk tidak dibenarkan sama sekali keluar daripada rumah, tiada sebarang pergerakan," katanya.

Katanya, penduduk di kawasan itu yang kurang sihat dan memerlukan rawatan boleh memaklumkan kepada petugas-petugas barisan hadapan di sana untuk mendapatkan bantuan.

"Penduduk juga tidak perlu bimbang mengenai bekalan makanan sepanjang tempoh PKPD kerana ia memang disediakan dan ia mencukupi untuk semua isi rumah di kawasan berkenaan," katanya. - ©BERNAMA

Harga petrol naik tiga sen, diesel meningkat empat sen

KUALA LUMPUR, 12 Feb. - Harga runcit petrol RON95 dan RON97 masing-masing naik tiga sen seliter manakala harga runcit diesel meningkat empat sen seliter bagi tempoh 13 hingga 19 Feb ini.

Harga baharu untuk ketiga-tiga bahan bakar itu adalah RM1.96 (RON95), RM2.26 (RON97) dan RM2.15 (diesel), menurut Kementerian Kewangan dalam kenyataan hari ini.

Kementerian Kewangan memaklumkan harga baharu itu adalah berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula Mekanisme Harga Automatik (APM).

Kerajaan akan terus memantau kesan perubahan harga minyak mentah dunia serta mengambil langkah bersesuaian bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara, menurut kenyataan itu. - ©BERNAMA

Yadim terbuka beri kefahaman berhubung Islam kepada masyarakat

JOHOR BAHRU, 12 Feb. - Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim) sentiasa terbuka untuk memberikan kefahaman berhubung ajaran Islam berlandaskan Ahli Sunnah Wal Jamaah kepada seluruh masyarakat negara ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Yadim Tuan Kamarul Arief Tuan Soh berkata ini termasuk memberi kefahaman kepada mereka yang terlibat dalam ajaran 'Agama Melayu' yang dipercayai dibawa oleh individu dikenali sebagai 'Ibu Yati'.

"Yadim akan menerima semua pihak yang ingin mendapatkan penjelasan berhubung agama Islam yang sebenar. Kita sangat-sangat terbuka," katanya kepada pemberita pada program Yadim Peduli: Ziarah Prihatin Sempena Tahun Baharu Cina di Pusat Jagaan Warga Emas Nur Ehsan, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai isu ajaran 'Agama Melayu' yang sebelum ini dilaporkan sedang disiasat oleh pihak berkuasa selepas dikatakan menggunakan lafaz syahadah yang pelik serta disambung dengan pengakuan "Aku Melayu" sebanyak tujuh kali.

Tuan Kamarul Arief berkata pihaknya akan menggerakkan Majlis Amal Islami iaitu satu entiti di bawah Yadim untuk memberikan kefahaman berhubung ajaran Islam sebenar selain menggiatkan usaha menerusi pelbagai platform lain termasuk media sosial.

Menurutnya, pelbagai program penerangan kepada masyarakat sedang diatur Yadim merangkumi penggunaan webinar dan Facebook selain bergerak ke seluruh negara menerusi program Nadwah Islam Kekuatan Ummah (Nadiku 2021), yang dijangka dilakukan akhir bulan ini.

Mengenai program ziarah prihatin tersebut, Tuan Kamarul Arief berkata pihaknya memperuntukkan RM30,000 untuk menyalurkan sumbangan barangan keperluan seperti beras, lampin pakai buang, telekung serta bantal kepada Persatuan Kebajikan Orang Tua Ceria Johor Bahru, Pusat Jagaan Warga Emas Nur Ehsan serta 10 Rumah Saudara Kita di sekitar bandar raya ini.

Program dengan kerjasama Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) Cawangan Johor dan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) Johor itu katanya mengetengahkan konsep harmoni dalam memupuk perpaduan sekali gus menonjolkan Islam sebagai agama yang indah. - ©BERNAMA



Tahun Baharu Cina di Sabah, Sarawak meriah dalam kebiasaan baharu

KUALA LUMPUR, 12 Feb. - Perayaan Tahun Baharu Cina di Sabah, Sarawak serta Labuan tetap meriah dalam konteks tersendiri di sebalik keterbatasan amalan

kebiasaan baharu serta prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan bagi mengekang penularan pandemik COVID-19. Tiada tarian singa yang

menghingarkan suasana, sementara aktiviti kunjung-mengunjung digantikan dengan panggilan video bagi merapatkan silaturahmi dengan sanak saudara serta rakan taulan yang tinggal berjauhan.

Di Sabah, Ketua Menteri Datuk Hajiji Noor dalam perutusannya bersempena sambutan itu memberi jaminan kerajaan negeri akan sentiasa mendengar permasalahan masyarakat, termasuk kaum Cina di negeri tersebut.

"Kekuatan Sabah terletak pada rakyatnya. Kepelbagaian tradisi, etnik dan bahasa tidak memisahkan kita malah membina sebuah masyarakat harmoni. Justeru, marilah kita bersama-sama merapatkan barisan ke arah Sabah lebih maju dan progresif," katanya.

Sementara itu, masyarakat keturunan Tionghoa yang ditemui mengakui terasa "kesunyian" tanpa bunyi paluan gendang yang mengiringi persembahan tarian singa atau letupan mercun yang lazimnya memeriahkan sambutan Tahun Baharu Cina saban tahun.

"Pada kebiasaannya, saya akan menunggu kedatangan mereka (penari tarian singa) di depan rumah apabila terdengar bunyi gendang tarian singa. Saya akan bersedia untuk membuka pagar rumah dan menyediakan angpau

kepada mereka," kata Elaine Han, 29.

Setiausaha Persatuan Tarian-Tarian Naga dan Singa Lee Kiong Sabah Mie Mie Lee berkata lazimnya mereka menerima banyak tempahan untuk membuat persembahan setiap kali Tahun Baharu Cina, namun kali ini mereka akur dengan arahan yang tidak membenarkan persembahan itu diadakan.

"Kami juga menghentikan sementara waktu sesi latihan tarian singa. Tunggu kes COVID-19 menurun, barulah kami mulakan semula latihan. Sekarang, penari-penari menjalani latihan sendiri di rumah bagi terus mengasah kemahiran mereka," katanya.

Di Sarawak, masyarakat Cina di Kuching memilih untuk berada di rumah bersama keluarga tersayang dalam sambutan yang sederhana.

Tinjauan Bernama di Tokong Tua Pek Kong dan Hiang Thian Siang Ti berhampiran Kuching Waterfront di sini juga mendapati kedua-dua tokong sunyi kerana ditutup kepada orang awam dan mereka yang datang untuk bersembahyang diminta pulang.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak sebelum ini memaklumkan upacara sembahyang di rumah ibadat bersempena Tahun Baharu

Cina hanya dibenarkan untuk ahli jawatankuasa rumah ibadat tersebut sahaja dan terhad kepada 12 orang selain hanya pada hari pertama sambutan sahaja.

Di Wilayah Persekutuan Labuan, tiada sambutan rasmi diadakan oleh pemimpin-pemimpin komuniti Cina seperti sebelum ini, namun sambutan Tahun Baharu Cina masih dapat dirasai dengan dekorasi tanglung di sekitar bandar.

Ketua MCA Labuan Datuk Chin Hon Vui berkata meskipun sambutan Gong Xi Fa Cai amat berbeza, tetapi masyarakat dilihat menerima seadanya.

"Sudah semestinya 'yee sang' tidak lagi diutamakan dalam sambutan tahun ini, namun makan bersama keluarga dalam satu rumah tetap diadakan," katanya.

Usahawan tempatan, Alex Lee berkata bagi membangkitkan suasana sambutan, dia menggantung tanglung besar di hadapan pintu rumahnya.

"Tradisi tahunan meraikan sambutan bersama ibu bapa saya di Kudat tahun ini terpaksa dilupakan, tidak ada makan besar, cuma berhubung melalui panggilan video dengan mereka. Sudah tentu tidak sama dengan berada secara fizikal dengan mereka, tapi apa yang boleh kita buat," katanya. - ©BERNAMA

Qatar lulus penggunaan vaksin COVID-19 Moderna

DOHA, 11 Feb. - Kementerian Kesihatan Awam Qatar (MOPH) meluluskan kebenaran penggunaan kecemasan vaksin Moderna COVID-19, vaksin kedua dibenar digunakan di Qatar.

Penggunaan Moderna diluluskan selepas Jabatan Farmasi dan Kawalan Farmaseutikal MOPH menilai dengan terperinci hasil kajian klinikal vaksin itu, lapor Agensi Berita Qatar (QNA).

Pengerusi Kumpulan Strategi Kesihatan Negara mengenai COVID-19 dan Ketua Penyakit Berjangkit di Hamad Medical Corporation, Dr Abdullah Al Khal berkata proses percubaan klinikal komprehensif vaksin Moderna COVID-19 menunjukkan ia selamat dan sangat berkesan.

"Kelulusan MOPH itu bermakna kita boleh segera memulakan pemberian vaksin Moderna bersama dengan vaksin Pfizer dan BioNTech," katanya. - ©BERNAMA

Lebih 350,000 ternakan ayam akan dihapus bendung selepas burung di Chiba, Jepun

TOKYO, 11 Feb. - Kira-kira 356,000 ekor ayam akan dihapus di wilayah Chiba di Jepun ekoran wabak selepas burung, lapor Agensi Berita Sputnik, memetik media Jepun pada Khamis.

Pihak berkuasa mengenakan kuarantin untuk mencegah pergerakan telur dan ayam dari kawasan sekitar ladang yang dilanda wabak, lapor Agensi Berita Kyodo.

Ini adalah penularan wabak selepas burung ke-10 di wilayah Chiba dengan sekitar 4.6 juta ayam telah dihapuskan.

Wabak selepas burung juga telah dikesan di wilayah Kagawa, Fukuoka, Hyogo, Miyazaki, Hiroshima, Nara, Oita, Wakayama, Okayama, Shiga, Kochi, Tokushima, Gifu, Kagoshima, Toyama dan Ibaraki.

Menurut Kementerian Pertanian, sekitar 9.3 juta burung domestik telah dihapuskan untuk mencegah penyebaran penyakit ini. - ©BERNAMA

PM Lee : Singapura berupaya beri vaksin COVID-19 kepada seluruh penduduk tahun ini

SINGAPURA, 11 Feb. - Singapura sewajarnya berupaya memberikan vaksin COVID-19 kepada seluruh penduduk di republik ini pada tahun ini, dengan syarat bekalan diperolehi seperti dijadualkan, demikian menurut Perdana Menteri Lee Hsien Loong.

Lee yang telah melengkapkan regimen penuh vaksinasi pada 29 Jan lepas berkata setakat ini, seramai 250,000 orang telah menerima dos pertama vaksin COVID-19 di Singapura.

"Kami telah memberikan vaksinasi kepada rata-rata petugas barisan hadapan dan petugas khidmat perlu, dan kini vaksinasi tertumpu pada warga tua yang berusia melebihi 70 tahun," katanya dalam perutusan tahunan Tahun Baharu Cina yang dikeluarkan di sini hari ini.

Sambil menzahirkan ucapan terima kasih kepada rakyat atas sokongan berterusan dalam mematuhi sekatan dan peraturan ketat yang perlu dilaksanakan kerajaan bagi mengawal penularan virus berkenaan, Lee berkata langkah ketat berkenaan, seperti mengehadakan perhimpunan keluarga dan kunjungan sempena sambutan Tahun Baharu Cina kali ini, adalah penting kerana virus itu masih menular dengan pantas di seluruh dunia.

"Pada Januari, kami melihat gelombang jangkitan baharu disebabkan sambutan tahun baharu di kebanyakan negara dengan rata-rata orang berkumpul dan tidak berhati-hati. Ini adalah sesuatu yang harus kita pelajari dan elak berlaku di Singapura," kata perdana menteri itu.

"Oleh kerana sambutan Tahun Baharu Cina adalah masa untuk berkumpul dan meraikan, Lee berkata, dengan penularan COVID-19, "maka mungkin adalah lebih penting untuk menzahirkan penghargaan kepada ahli keluarga kita."

"Saya tahu, sekatan ini sedikit sebanyak akan menyuramkan suasana sambutan. Lebih-lebih lagi bagi mereka yang keluarga besar, namun, langkah berjaga-jaga ini adalah penting demi keselamatan orang yang kita sayangi. Saya pasti anda akan menggunakan kaedah lain untuk mengadakan majlis perjumpaan dan berhubung dengan ahli keluarga serta rakan atau dapat melakukannya melalui panggilan video atau teledisang.

"Apabila pandemik ini berakhir, mungkin kita dapat meraikan dalam suasana yang lebih meriah," katanya. Walaupun vaksinasi adalah secara sukarela, Singapura menyediakan bekalan vaksin bagi semua rakyatnya dan penduduk jangka panjang di republik itu dan ia diberikan secara percuma.

Pada 3 Feb, Singapura telah memberikan kelulusan sementara bagi vaksin COVID-19 keluaran Moderna, sebagai vaksin kedua yang akan digunakan di Singapura dan dijangka tiba pada Mac 2021. - ©BERNAMA

Biden kenakan sekatan berperingkat kepada tentera Myanmar

WASHINGTON, 11 Feb. - Presiden Amerika Syarikat (AS) Joe Biden pada Rabu menandatangani perintah eksekutif untuk mengenakan sekatan terhadap pemimpin tentera Myanmar yang bertanggungjawab dengan rampasan kuasa di negara Asia itu, lapor Agensi Anadolu.

Biden berkata "peringkat pertama" akan dikenal pasti minggu ini, menyasarkan pemimpin tentera yang "mengarahkan rampasan kuasa, kepentingan perniagaan mereka, dan juga ahli keluarga rapat mereka."

"Tentera mesti mengembalikkan kuasa yang dirampasnya dan menghormati kehendak rakyat Myanmar seperti yang dinyatakan dalam pilihan raya 8 November mereka," kata Biden di Rumah Putih, mengulangi seruan kepada Tamtadaw, gelaran rasmi untuk tentera Myanmar, agar membebaskan pemimpin politik

dan masyarakat awam yang ditahan semasa rampasan kuasa.

Biden berkata pentadbirannya telah memulakan langkah-langkah yang akan menghalang panglima tentera "daripada mengakses dana kerajaan Myanmar bernilai US\$1 bilion di AS."

"Kami membekukan aset AS yang menguntungkan kerajaan Myanmar sambil mengekalkan sokongan untuk penjagaan kesihatan, kumpulan masyarakat awam dan kawasan-kawasan lain yang memberi manfaat langsung kepada rakyat Myanmar," katanya.

Protes anti-kudeta di jalan raya Myanmar memasuki hari kelima pada Rabu meskipun polis mengambil tindakan keras dan telah mengakibatkan dua kematian.

Beberapa penunjuk perasaan cedera, dua kritikal, setelah polis di ibu negara pentadbiran Myanmar, Nay Pyi Taw, melepaskan tembakan meriam air dan peluru

getah ketika berhadapan penunjuk perasaan pada Selasa. Ia kejadian pertama sejak tunjuk perasaan anti-kudeta bermula.

Protes berskala besar berterusan di Yangon dan bandar-bandar di seluruh negara itu pada Rabu. Pada masa sama, kakitangan kerajaan berbaris sebagai menyokong bantahan awam yang dimulakan oleh pekerja kesihatan.

Biden berkata arahan kekerasan terhadap penunjuk perasaan "menunjukkan hak demokrasi mereka tidak diterima."

"Rakyat Myanmar mahu suara mereka didengari, dan dunia sedang memerhatikan," katanya memberi amaran.

Tentera Myanmar mengisytiharkan darurat pada 1 Februari, menahan Presiden Win Myint, Kaunselor Negara Aung San Suu Kyi, dan pemimpin kanan lain dari parti Liga Demokrasi Kebangsaan (NLD) dengan alasan menipu undi dalam pilihan raya. - ©BERNAMA

COVID-19 : Jerman lanjut sekatan pergerakan sehingga 7 Mac

BERLIN, 11 Feb. - Jerman pada Rabu melanjutkan sekatan pergerakan sehingga 7 Mac berikutan kebimbangan terhadap penularan varian baharu COVID-19, lapor Agensi Anadolu.

Canselor Angela Merkel berkata tindakan pencegahan yang ketat didapati berkesan mengurangkan jumlah jangkitan baharu dalam beberapa minggu kebelakangan ini, tetapi mutasi baharu COVID-19 kini mencetuskan

kebimbangan.

"Kita sedar mutasi baharu itu satu realiti dan ia akan meningkatkan (jumlah kes)," katanya.

Institut Robert Koch Jerman mengesahkan sebelum ini varian baharu United Kingdom (UK), Afrika Selatan dan Brazil, turut dikesan di negara ini.

Institut itu turut memberi amaran varian UK lebih mudah menular dan menyebabkan penyakit lebih serius.

Merkel dan perdana menteri menyarankan untuk mengurangkan jangkitan kepada maksimum 35 kes setiap 100,000 orang dalam tempoh tujuh hari.

Institut Robert Koch pada Rabu melaporkan 8,072 jangkitan dan 813 kematian baharu di Jerman. Kes baharu jangkitan menunjukkan penurunan.

Jumlah keseluruhan kes kini melebihi 2.29 juta dengan sekurang-kurangnya 62,969 kematian. - ©BERNAMA

Perbicaraan Trump bermula, enam Republikan berpihak kepada Demokrat



WASHINGTON, 10 Feb. - Beberapa anggota Republikan, termasuk defendan, kecewa dengan prestasi pasukan pembelaan pada hari pertama perbicaraan bekas Presiden Donald Trump, beberapa jam selepas Dewan Senat meluluskan untuk meneruskan prosiding itu, lapor Agensi Berita Sputnik.

Senat, dengan majoriti 56-44, menyatakan perbicaraan itu adalah mengikut perlembagaan. Enam anggota Republikan antara yang menyokong perbicaraan diteruskan.

Demokrat dan beberapa

Republikan berusaha untuk menggunakan satu-satunya Perkara Pendakwaan - hasutan pemberontakan - untuk memecat Trump daripada memegang jawatan awam, termasuk mencalonkan diri sebagai presiden pada 2024.

Sebelum peristiwa 6 Januari di Capitol AS, Trump didakwa sering kali mengeluarkan kenyataan palsu mengenai terdapat penipuan dalam pilihan raya presiden 2020.

"Pasukan Presiden Trump tidak teratur, mereka melakukan apa sahaja yang boleh tetapi apabila ditanya mengenainya, mereka

berdolak dalih seolah-olah malu dengan hujah mereka," kata Senator Bill Cassidy pada Selasa.

Cassidy seorang daripada enam Senator Republikan yang berpihak kepada Demokrat.

"Sekiranya 'saya seorang juri yang tidak berat sebelah, dan satu pihak melakukan pekerjaan dengan hebat, manakala pihak satu lagi pula berbeza, sebagai juri yang adil, saya akan memilih pihak yang melaksanakan tugas yang baik," kata Cassidy.

Senator Republikan John Cornyn dan Ted Cruz, turut mengkritik pasukan pembelaan Trump.

Cornyn memberitahu wartawan, hujah yang diberikan pihak pembelaan bukan yang "terbaik" pernah dilihatnya. Cruz mengatakan pasukan pembelaan Trump gagal "menjalankan tugas dengan berkesan."

CNN melaporkan Trump sendiri sangat marah dengan hujah pembukaan pasukan pembelaannya.

Peguam Trump Bruce Castor memberitahu wartawan pasukan pembelaan "melalui hari yang baik," sambil menambah bahawa mereka tidak akan membuat penyesuaian tanpa mengambil kira kritikan yang diterima daripada

senator.

Peguam David Schoen berkata beliau menganggap rakan setugasnya Castor sudah "melakukan yang terbaik."

Castor dan Schoen hampir tidak menyertai pasukan undang-undang Trump awal bulan ini setelah lima peguam belanya, termasuk Butch Bowers dan Deborah Barbier, meninggalkan pasukan tersebut.

Sekurang-kurangnya 17 Senator Republikan perlu berpihak kepada Demokrat untuk memperoleh majoriti dua pertiga yang diperlukan untuk mendakwa Trump. - ©BERNAMA

Majlis Hak Asasi Manusia PBB akan adakan sidang khas mengenai Myanmar

GENEVA, 10 Feb. - Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) akan mengadakan sidang khas pada Jumaat ini untuk membincangkan mengenai situasi di Myanmar.

"Saya menyeru tentera menghormati hak asasi manusia dan kebebasan termasuk hak untuk berhimpun secara aman dan kebebasan bersuara.

"Kekerasan terhadap penunjuk perasaan satu tindakan yang tidak boleh diterima," kata Penyelaras Residen dan Kemanusiaan PBB di Myanmar Ola Almgren dalam satu kenyataan

lapor Agensi Anadolu.

Tentera melancarkan rampasan kuasa pada 1 Februari berikutan ketegangan antara tentera dan kerajaan yang memuncak selepas pilihan raya November 2020, dimenangi parti Liga Demokrasi Kebangsaan (NLD), dipimpin Aung San Suu Kyi.

Ahli politik, wartawan dan aktivis ditahan dengan sewenang-wenangnya, termasuk Suu Kyi.

"Sidang khas itu diadakan berikutan permintaan diajukan United Kingdom dan Kesatuan Eropah pada lewat semalam. Ia

dijangka disertai ramai ahli panel.

"Kita juga mengharapkan dapat menerima draf resolusi sebelum sidang pada Jumaat itu," kata jurucakap Majlis Hak Asasi Manusia Roland Gomez kepada wartawan pada satu taklimat di Geneva.

Gomez berkata sidang Majlis Hak Asasi Manusia akan datang dijadual dari 22 Februari hingga 23 Mac.

"Buat pertama kali Amerika Syarikat dijangka menyertai sidang pleno Majlis Hak Asasi Manusia itu sejak menarik diri pada Jun 2018," kata Gomez. - ©BERNAMA

HAB pengangkutan e-dagang rentas sempadan kereta api China-Eropah dirasmikan

XI'AN, 10 Feb. - Hab pengangkutan e-dagang rentas sempadan perkhidmatan kargo "Chang'an" China-Eropah dilancarkan secara rasmi pada Selasa dengan kereta api membawa 41 kontena barangan khusus e-dagang berlepas dari stesen pusat kontena bandar Xi'an menuju ke Eropah.

Kereta api kargo China-Eropah itu mengangkut barang keperluan harian dihasilkan di Yiwu, Shenzhen dan Xi'an, seperti barang perhiasan, beg, pakaian dan perkakasan telefon bimbit.

Kereta api itu dijadual tiba di Jerman selepas 12 hari perjalanan

sebelum muatan itu diedarkan ke beberapa negara Eropah lain termasuk Belgium dan Itali.

Timbalan Pengarah Seksyen Pelabuhan Xi'an, Su Guofeng berkata, perjalanan dan laluan kereta api "Chang'an" merupakan saluran logistik dan perdagangan penting susulan rekod trafik yang tinggi.

Beliau turut memaklumkan kos pengangkutan menurun sebanyak 80 peratus berbanding pengangkutan udara dengan kadar kelewatan hanya dua hingga tiga hari.

Jelas Su, bagi pengangkutan laut pula, ia akan menelan kos yang

sama, namun lebih perlahan mengambil masa sehingga dua pertiga.

Untuk rekod, kereta api kargo "Chang'an" China-Eropah antara saluran logistik dan perdagangan utama yang menawarkan 15 laluan utama.

Pada 2020 sahaja, perjalanannya telah mencatat sebanyak 3,720 kali.

Perkhidmatan kereta api "Chang'an" ini, membolehkan bandar Xi'an menarik perusahaan e-dagang di seluruh negara bagi mewujudkan saluran utama e-dagang rentas sempadan. - ©BERNAMA

EU gesa Israel henti ceroboh, musnahkan penempatan Palestin

BRUSSELS, 10 Feb. - Kesatuan Eropah (EU) pada Selasa menggesa Israel berhenti memusnahkan kediaman rakyat Palestin dan sebaliknya memudahkan akses kemanusiaan ke komuniti itu, lapor Agensi Anadolu.

Blok itu tegas menentang "dasar penempatan Israel dan tindakan yang diambil dalam konteks itu, seperti pemindahan paksa, pengusiran, pemusnahan dan merampas rumah," kata jurucakap dasar luar Suruhanjaya Eropah dalam satu kenyataan.

Menurut EU, kira-kira 60 rakyat Palestin - 35 daripadanya kanak-kanak - telah dipindahkan

sejak rejim Israel merampas dan merobohkan 46 rumah milik keluarga Palestin di Hamsa al-Foqa di lembah Jordan utara.

Kenyataan itu menyebut tindakan zionis sepanjang tahun lepas "satu perbuatan yang amat dikesali" dan tetap diteruskan walaupun diketika COVID-19.

EU menganggap tindakan Israel itu "tidak sah di bawah undang-undang antarabangsa dan sebagai penghalang kepada penyelesaian dua negara," tambah jurucakap itu.

Kenyataan tersebut mengulangi gesaan blok itu sebelum ini supaya Israel menghentikan semua peluasan penempatannya "di

Timur Baitulmaqdis dan kawasan sensitif seperti Har Homa, Givat Hamatos dan E1."

Perdana Menteri Israel Netanyahu Mei lalu mengumumkan kerajaannya secara rasmi akan menduduki Lembah Jordan dan semua blok penempatan di Tebing Barat.

Seperti kebanyakan masyarakat antarabangsa, EU tidak mengiktiraf kedaulatan Israel ke atas wilayah yang telah didudukinya sejak 1967.

EU berulang kali menggesa Israel menghentikan semua kegiatan pencerobohnya dan memusnahkan semua penempatan yang dibinanya sejak 2001. - ©BERNAMA

Wabak selesema burung, Algeria isytihar darurat

ALGIERS (Algeria), 10 Feb - Algeria mengisytiharkan darurat selepas Pertubuhan Dunia untuk Kesihatan Haiwan (OIE) mengumumkan penularan wabak selesema burung H5N8 melanda kawasan timur negara itu, lapor Agensi Anadolu.

"Sumber virus ini daripada burung yang berhijrah dan kami (Algeria) telah keluaran amaran kepada semua wilayah untuk mematuhi arahan darurat. Wabak itu dikesan di bandar kota Ain Fakroun," kata Menteri Pertanian Abdelhamid Hamdani pada Selasa, pada sidang media.

Pada Selasa, OIE mengesan kawasan panas yang menjadi lokasi penularan wabak di Ain Fakroun, di Oum El Bouaghi.

Analisis makmal menunjukkan wabak di bandar itu sudah menjangkiti 51,200 ekor ayam. - ©BERNAMA

Perancis lanjut darurat kesihatan sehingga Jun

PARIS, 10 Feb. - Parlimen Perancis pada Selasa meluluskan usul darurat kesihatan dilanjutkan lagi sehingga 1 Jun, lapor Agensi Anadolu.

Rang undang-undang mengenainya diluluskan dengan memperoleh 278 undi menyokong, 193 membantah dan 13 berkecuali.

Usul rang undang-undang itu hangat dibahaskan antara anggota parlimen sayap kiri dan kanan, yang menganggap tindakan itu menyekat kebebasan rakyat.

Pada 20 Januari, Dewan Rakyat meluluskan darurat dilanjutkan sejak dikuat kuasa 23 Mac tahun lalu. Sejak itu beberapa kali darurat dilanjutkan dan dijadual berakhir minggu depan, 16 Februari.

Kerajaan berpendapat langkah itu diperlukan untuk memastikan usaha melawan COVID-19 berhasil.

Setakat ini di Perancis, virus itu sudah meragut lebih 80,000 nyawa dan menjangkiti lebih 3.3 juta orang. - ©BERNAMA

Manchester United mara ke suku akhir Piala FA

LONDON, 10 Feb. - Manchester United (MU) berjaya menundukkan West Ham United 1-0 untuk melangkah ke suku akhir Piala FA, lapor Agensi Anadolu.

Pemain tengah The Red Devils dari Scotland, Scott McTominay menjaringkan gol kemenangan pada minit ke-97 ketika masa tambahan selepas perlawanan tamat tanpa sebarang jaringan.

Perlawanan berlangsung di Stadium Old Trafford pada Selasa. MU menang di tempat sendiri untuk menjadi antara lapan pasukan yang mara ke suku akhir.

Awal Selasa, Bournemouth menundukkan Burnley 2-0 untuk turut sama beraksi di peringkat suku akhir. - ©BERNAMA

1 maut, 4 cedera dalam kejadian tembakan di sebuah klinik di Minnesota, AS

WASHINGTON, 10 Feb. - Seorang lelaki yang tidak berpuas hati dengan rawatan diterimanya di sebuah klinik kesihatan di Minnesota Amerika Syarikat melepaskan tembakan menyebabkan seorang terbunuh dan empat cedera, lapor Agensi Anadolu memetik CNN.

Kejadian berlaku pada Selasa pagi di Klinik Penjagaan Kesihatan Allina di bandar Buffalo, menurut Jabatan Polis Buffalo.

Suspek Gregory Paul Ulrich, 67, telah ditahan polis dan dijangka didakwa pada Khamis pagi. - ©BERNAMA

SUKAN Boling Padang merupakan salah satu sukan yang diminati di negara ini. Kejayaan sukan ini telah berjaya mengangkat nama baik negara bukan saja di peringkat serantau malah juga di persada antarabangsa.

Sukan yang dianggap baru ini mula diperkenalkan pada Abad Ke-13 di Barat. Manakala sejarah memperkenalkan sukan Boling Padang ke negara ini berlaku sekitar akhir tahun 1980-an. Ia mula dipelopori dalam kalangan guru-guru dari Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (Kampus IBTE Sultan Saiful Rijal). Kelab Boling Padang pertama dikenali sebagai Kelab Boling Berakas dengan tumpuan bermain di padang kelab tersebut yang terletak di kawasan Kompleks Sukan Berakas, Jalan Padang Kebajikan, Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Awalnya permainan ini diperkenalkan oleh seorang guru yang berasal dari Great Britain yang mengajar di Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal. Sejak ia diperkenalkan, sukan ini telah mendapat sambutan yang baik terutama dalam kalangan guru-guru di maktab tersebut dan akhirnya ia terus berkembang sehingga ke hari ini.

Pada peringkat awal sukan ini diperkenalkan, ia lebih berkonsepkan santai namun memerlukan konsentrasi yang tinggi. Peraturan permainan sukan ini juga terus mengalami perubahan dari masa ke semasa hingga ke hari ini.

Sukan Boling Padang terus diminati apabila kontinjen negara menerusi pemainnya Pengiran Tengah bin Pengiran Tajuddin telah berjaya mendapat pingat emas pertama di temasya Sukan SEA Ke-19 iaitu ketika Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah di temasya dwi tahunan tersebut.



Penyertaan pasukan negara ke kejohanan luar negeri bermula pada tahun 1993, iaitu penyertaan pasukan negara ke acara Sukan Arafura di Darwin, Australia.

Untuk menentukan hala tuju serta kemajuan sukan tersebut pada masa akan datang, pasukan negara kini telah dibimbing oleh jurulatih tempatan yang sememangnya banyak pengalaman serta kemampuan yang tidak kurang hebatnya daripada pelatih-pelatih dari luar negara iaitu Awang Lokman bin Haji Mohd. Salleh.

Menurut beliau sejak berkecimpung dalam sukan tersebut banyak cerita suka dan duka telah dilalui bersama-sama teman-teman seperjuangan yang secara langsung telah memberikan banyak pengalaman dalam menekuni sukan berkenaan.

Katanya sukan tersebut walaupun baru diperkenalkan namun ia telah berjaya mengharumkan nama negara di peringkat serantau dan antarabangsa iaitu dengan membawa balik pingat-pingat kemenangan.

Melalui sukan ini juga telah berjaya melahirkan banyak pemain kebangsaan yang berkredibiliti seperti Awang Haji Naim bin Brahim, Pengiran Haji Tengah bin Pengiran Haji Tajuddin dan Ampuan Ahad bin Ampuan Kassim, Abdul Rahman bin Haji Omar, Esmawandy binti Brahim, Hajah Amaliah binti Haji Metali dan Hajah Azizah binti Haji Muntol.

Memandangkan negara dan dunia ketika ini dilanda pandemik COVID-19, banyak kejohanan yang telah diatur sama ada di dalam negara dan luar negara terpaksa dibatalkan namun bagi pasukan negara tetap giat menjalankan latihan yang bertujuan bagi memperbaiki dan menghalusi lagi mutu permainan masing-masing, iaitu dengan mengikuti peraturan-peraturan dan norma-norma yang telah ditetapkan.

Pada masa ini, pasukan Boling Padang giat



Serlahkan sukan Boling Padang



mengadakan latihan setiap Isnin, Rabu dan Sabtu di samping mengadakan latihan di dalam gim.

Dalam pada itu pasukan Boling Padang juga sedang giat memperkembangkan sukan tersebut dengan mengadakan beberapa *roadshow* ke beberapa buah daerah untuk memperkenalkannya lagi kepada orang ramai, khususnya anak-anak muda yang secara langsung untuk dijadikan pelapis pasukan kebangsaan yang ada pada masa ini agar dapat bersaing dalam kejohanan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Semasa *roadshow* tersebut, mereka telah diperkenalkan asas-asas sukan berkenaan serta memupuk gaya hidup sihat melalui aktiviti bersukan selain untuk mewujudkan peluang bagi mengasah kemahiran.

Dengan adanya usaha-usaha berterusan seumpama ini di harap sukan boling padang negara akan terus berkembang dan maju, iaitu dengan lahirnya bakat-bakat baharu yang lebih berpotensi dan berbakat.

Oleh : Abu Bakar Haji Abd. Rahman
Foto : Jabatan Penerangan



Sukan

INFO SUKAN

SUKAN berbasikal kini diisytiharkan sebagai hobi negara selepas acara Riadah Berbasikal Kayuhan Jubli Emas pada tahun 2017 lalu, yang bermula dan berakhir di Taman haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, ibu negara. Acara tersebut disertai oleh setiap lapisan masyarakat dari golongan kanak-kanak hingga golongan dewasa.



ePaper Pelita Brunei

31 Ahli BDTTA terima Sijil Pengadil dan Jurulatih Kebangsaan

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ihsan Persatuan Pingpong Brunei Darussalam (Brunei Darussalam Table Tennis Association - BDTTA)



PRESIDEN Persatuan Pingpong Brunei Darussalam, Pengiran Haji Muhammad Noor bin Pengiran Haji Tajuddin bergambar ramai bersama para Pengadil Kebangsaan dan Jurulatih Kebangsaan yang menerima sijil masing-masing.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Februari. - Seramai 31 Ahli Persatuan Pingpong Brunei Darussalam (Brunei Darussalam Table Tennis Association - BDTTA) menerima Sijil Pengadil Kebangsaan dan Sijil Jurulatih Kebangsaan

semasa Majlis Penyampaian Sijil yang diadakan baru-baru ini bertempat di Kompleks Sukan Menglait. Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil-sijil, Presiden BDTTA, Pengiran Haji

Muhammad Noor bin Pengiran Haji Tajuddin. Terdahulu, para peserta melalui beberapa siri kuliah dan ujian untuk kelayakan menjadi Pengadil dan Jurulatih Kebangsaan.

Turut hadir, Penolong-Penolong Jurulatih Sukan, Awang Kamarul Arifin bin Mohammad Harif dan Awang Md. Ahdani bin Haji Husli; dan Penyelaras Pingpong Brunei, Dayang Madihah Raneya binti Haji Paun.

JDT bentuk pasukan hoki ais

JOHOR BAHRU, 11 Feb. - Johor Darul Ta'zim (JDT) dalam proses meluaskan kuasa sukan

dengan menubuhkan sebuah pasukan hoki ais dalam tempoh sebulan lagi.

Perkara berkenaan diumumkan menerusi hantaran di laman Facebook rasmi kelab itu, Johor

Southern Tigers hari ini. "Pasukan Hoki Ais JDT akan ditubuhkan dalam tempoh sebulan lagi yang menyaksikan kelab ini meneroka ke arah pelbagai sukan lain pada masa akan datang," menurut hantaran itu.

Sebuah gelanggang hoki ais akan dibina bersebelahan Pusat Belia Yayasan Tunku Mahkota Ismail di Iskandar Puteri di sini.

"Jenama JDT sudah pun ada pada pasukan tinju JDT dengan juara pelbagai anugerah Asia Muhammad Farkhan Haron mengetuainya di dalam gelanggang. Luaskan Kuasamu Johor," menurut hantaran itu. - ©BERNAMA



SERLAHKAN sukan Boling Padang MUKA 31

Tahukah Awda

NEGARA Brunei Darussalam di tempat ranking tertinggi bagi obesiti dalam kalangan orang dewasa, iaitu 61 peratus. Menurut tinjauan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF), 14.1 peratus kanak-kanak Brunei berumur antara 5 hingga 19 tahun mengalami kegemukan yang tertinggi di Asia Tenggara.

Menurut data dari World Population Review 2019, kelaziman orang dewasa yang gemuk di Negara Brunei Darussalam adalah yang kedua tertinggi di Asia Tenggara, dengan 14.1 peratus, setelah Malaysia dengan 15.6 peratus.

SUMBER : Pelita Brunei.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

POHONLAH TAUBAT, KEAMPUNAN DARIPADA ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA SEBELUM TERLAMBAT

دتریبیتکن اوله جابتن قنراغن، جابتن فردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلس سنديرین برحد، نگارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam